

BAB SATU: PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Gerakan dakwah merupakan satu medan dakwah yang memainkan peranan yang amat penting dalam melaksanakan seruan dakwah. Peranan yang dimainkan bukan sahaja untuk memberikan gambaran tentang Islam kepada masyarakat Muslim dan bukan Muslim bahkan ia juga secara tidak langsung menjadi agen penggerak dalam usaha untuk melahirkan kesedaran beragama dikalangan mad'unya.

Oleh sebab itu, gerakan dakwah yang ada pada masa kini berusaha untuk mengilhamkan serta merealisasikan segala bentuk alternatif yang ada untuk menjadikan gerakan yang diterajui itu dapat memaksimumkan kejayaan dakwah. Apa yang penting kejayaan dakwah itu bukan untuk diberi penghargaan tetapi kerana wujudnya perasaan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah S.W.T. Perasaan dan tanggungjawab ini akhirnya diterjemahkan dan diadaptasikan dalam bentuk gerakan dakwah agar segala matlamat Islam dapat direalisasikan.

Gerakan dakwah yang wujud bukan sahaja perlu berdakwah melalui penerapan spiritual semata-mata tetapi penerapan spiritual perlu berjalan seiring dan diterjemahkan ke dalam pelbagai alternatif agar ia menarik perhatian sasaran dakwah.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Dewasa ini kita sering digemparkan dengan pelbagai isu semasa yang menyentuh tentang nilai dan norma masyarakat disekeliling kita. Tanggungjawab sebagai ahli dalam komuniti masyarakat bertanggungjawab untuk mencari jalan penyelesaiannya. Namun, ia juga merupakan tanggungjawab gerakan dan pertubuhan dakwah agar nilai dan norma masyarakat terutama aspek sosial masyarakat Islam tidak digugat oleh anasir-anasir luar. Ini kerana gerakan dakwah memainkan peranan yang amat penting dalam menjamin keharmonian masyarakat.

Cabarani gerakan dakwah pada hari ini amat besar terutama dalam langkah untuk menyebarluaskan dakwah dikalangan umat Islam bahkan juga pada orang bukan Islam. Justeru gerakan dakwah masa kini sepatutnya tampil dengan lebih berketrampilan dan memiliki strategi yang besar. Bukan sekadar pada nama sesebuah gerakan tetapi kualiti yang diberikan terhadap masyarakat menjadi hitungan dalam gerakan dakwahnya sesuai dengan realiti masyarakat masa kini.

Untuk mencapai kecemerlangan dakwah, aktiviti dakwah hendaklah dilaksanakan dalam bentuk berjemaah atau berorganisasi supaya lebih tersusun dan berkesan¹. Dr Abdul Karim Zaydan juga turut menjelaskan bahawa wajib dilaksanakan dakwah melalui organisasi kerana hasil dakwah itu tidak akan tercapai melainkan menerusi organisasi dakwah.

¹ Danial Zainal Abidin (2003), *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden* .Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors, h. 141.

Perbezaan sosio budaya, persekitaran, adat resam dan budaya setempat masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum serta cabaran dan persaingan dalam arus penyebaran dakwah Islamiah masa kini merupakan antara pengaruh di dalam masyarakat kini dan ia menjadi cabaran yang sangat besar bagi gerakan dakwah dan tidak perlu dipandang ringan.

Oleh sebab itu, gerakan dakwah perlu tampil dengan pendekatan serta idea yang baru dalam penyebaran dakwah menerusi pendekatan dan strategi yang lebih inovatif dan kreatif agar dakwah ini tidak dipandang dengan elemen klasik semata-mata. Perubahan perlu dibuat dalam pelaksanaan dakwah dari aspek program, pendekatan serta strategi dakwah.

Untuk itu, pengkaji amat tertarik untuk mengenali dan mengkaji tentang sebuah pertubuhan dakwah yang suatu ketika dahulu begitu gah dipersada dakwahnya iaitu *Pertubuhan Islam Seluruh Sabah* atau lebih dikenali sebagai USIA. Pengkaji sangat berminat untuk membawa masyarakat mengenali pertubuhan ini dengan lebih lanjut dan mendalam serta meneliti setiap aspek latar belakang, program yang dibawa kepada masyarakat, pendekatan dan strategi yang digunakan untuk menyebarkan dakwahnya.

Pengkaji tertarik untuk mengetengahkan setiap bentuk program yang dibawa, pendekatan ataupun strategi yang digunakan oleh gerakan dakwah ini dalam menyebarluaskan usaha dakwahnya kerana keunikan sasaran dakwahnya dari aspek kepelbagaian kaum, budaya, adat resam serta sosiobudaya masyarakat di Sabah.

Selain itu, pengkaji ingin mengungkapkan peranan USIA sebagai sebuah institusi dakwah yang berkesan dalam usahanya menangani masalah dakwah masa kini terhadap masyarakat di Sabah dan umat Islam khususnya.

Berdasarkan kepada persoalan diatas, maka pengkaji amat tertarik untuk mengkaji USIA dalam usahanya untuk menyebarkan dakwah Islamiah di Sabah. Pengkaji juga ingin mengetahui bagaimana USIA bertindak dalam menyuburkan dakwah Islamiah di negeri Sabah sejajar dengan kewujudannya yang sudah begitu lama di negeri Sabah.

Bukan itu sahaja, pengkaji juga tertarik untuk mengkaji dan meneliti setiap aspek serta strategi yang digunakan dalam usaha dakwahnya terutama dalam mengharungi cabaran-cabaran yang amat besar.

1.3 SOALAN KAJIAN

1. Apakah program yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA)?
2. Apakah strategi yang digunakan oleh Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) dalam gerakan dakwahnya?
3. Apakah cabaran yang wujud dalam gerakan dakwah di Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA)?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengetahui program dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA).
2. Untuk mengetahui strategi dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) dalam menyebarkan dakwah Islamiah.
3. Untuk mengenalpasti cabaran yang wujud dalam gerakan dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA).

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Pengkaji membuat penyelidikan ini berdasarkan kepada kepentingan berikut:

1.5.1 Pengkaji

Kajian ini amat penting untuk diri pengkaji kerana ia adalah pra syarat untuk mendapatkan ijazah sarjana Usuluddin. Kajian ini juga banyak memberikan ilmu pengetahuan yang baru yang belum pernah diketahui oleh diri pengkaji terutama dalam hal perjalanan dakwah di negeri Sabah. Bukan itu sahaja, kajian ini juga banyak memberikan pengalaman kepada diri pengkaji terutama dalam berhadapan dengan golongan korporat dalam usaha untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai USIA.

Kajian ini juga memberikan nilai yang sangat unik dan amat penting bagi diri pengkaji kerana kajian ini adalah satu-satunya cara untuk pengkaji menyumbangkan sesuatu terhadap dakwah Islamiah terutamanya di negeri Sabah walaupun tidak sebesar mana tetapi mampu untuk menjadikan ia sebagai rujukan dikalangan pengkaji baru dan juga sebagai bahan bacaan semata.

1.5.2 Awam

Kajian ini juga sangat penting bukan sekadar bagi diri pengkaji semata, tetapi ia juga tertumpu kepada masyarakat awam umumnya dan para pengkaji khususnya.

Ini kerana kajian ini merupakan medium untuk menyampaikan maklumat dan penerangan kepada masyarakat tentang gerakan dakwah di Sabah serta mengetahui peranan sebenar Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) sebagai agen gerakan dakwah. Selain daripada itu, dengan adanya kajian ini, ia sedikit sebanyak memberikan ilmu serta maklumat tentang perjuangan Islam di negeri Sabah suatu ketika dulu dan juga pada masa kini.

Bukan itu sahaja, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan mahupun bacaan serta dijadikan landasan kepada pengkaji-pengkaji baru yang ingin mendapatkan sumber mengenai gerakan dakwah di Sabah serta dijadikan sebagai bacaan umum kepada masyarakat untuk mengetahui tentang USIA.

1.5.3 Jabatan

Kepentingan kajian ini bukan sahaja tertumpu kepada diri pengkaji dan masyarakat umum, bahkan ia juga termasuk kepada jabatan-jabatan awam mahupun sektor swasta. Selain daripada itu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai landasan bagi gerakan dakwah yang lain untuk memperolehi maklumat dan pengetahuan khusus mengenai dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA).

Kajian ini diharapkan dapat memberikan informasi-informasi terkini mengenai dakwah serta dapat memberikan pengetahuan dan idea-idea baru sama ada bagi jabatan awam mahupun swasta umunya dan bagi Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) khususnya.

Pengkaji mengharapkan dengan adanya kajian ini, ia dapat memberikan serba sedikit pengetahuan dan juga sebagai rujukan pihak USIA dalam gerakan dakwahnya. Pengkaji juga mengharapkan agar kajian ini dapat

memberikan manfaat kepada pihak USIA khususnya dan pihak yang lain umumnya.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian yang dilakukan hanya difokuskan sepenuhnya di Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) Kota Kinabalu. Ia meliputi program dan strategi dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA). Bukan itu sahaja, skop kajian ini juga meliputi cabaran yang dihadapi oleh Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA). Selain daripada itu, skop kajian ini juga hanya melibatkan kakitangan yang terdiri daripada pegawai dakwah dan pegawai pentadbiran USIA sahaja

1.7 DEFINISI TAJUK

GERAKAN DAKWAH DI KOTA KINABALU: KAJIAN TERHADAP PERTUBUHAN ISLAM SELURUH SABAH (USIA)

1.7.1 Gerakan

*Gerakan*² menurut Kamus Dewan membawa tiga maksud iaitu pertama bermaksud hasil bergerak, perbuatan bergerak. Gerakan juga membawa maksud usaha atau kegiatan dan ketiga *gerakan* membawa maksud pergerakan³.

1.7.2 Dakwah

Manakala perkataan dakwah⁴ pula membawa maksud kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan. Ia juga membawa maksud patuh kepada (mengikut) ajaran agama Islam dengan lebih sempurna (sebagaimana yang kelihatan pada tingkah laku dan pergaulan, cara berpakaian dan lain-lain).

² Teuku Iskandar (2005), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 462.

³ *Ibid.*, h. 305.

⁴ *Ibid.*, h. 305.

Para cendiakiawan Islam telah mentakrifkan dakwah dengan maksud dan pemahaman mereka yang tersendiri berdasarkan kepada ajaran Islam itu sendiri. Dakwah ditakrifkan menurut bahasa dan istilah.

Dari segi bahasa: menurut **Mījām al-Ārābī**, perkataan dakwah berasal daripada perkataan Arab: *da'a*, *yad'u*, *da'atan* yang membawa maksud menjemput, menyeru, mengajak atau memanggil⁵.

Dalam *The Encyclopedia of Islam*, perkataan dakwah membawa maksud ajakan atau seruan daripada Allah S.W.T dan para rasulnya yang ditujukan kepada manusia supaya beriman dan yakin kepada agama yang benar iaitu Islam.⁶

Dakwah mengikut istilah Syara' adalah berdasarkan beberapa pandangan dan pandapat ahli-ahli dakwah seperti berikut:

Ibn Manzur memberikan pengertian dakwah dengan makna *menyeru semata-mata menggalakkan seseorang melaksanakan cita-cita tertentu atau melarangnya daripada semua*⁷.

⁵ Mustafa Ghayalini (1980), *Mu'jam al-Arabi al-Asasi*, al-Arabiah li al Tarbiyah, h. 452.

⁶ Levis B. Ch. Pellot and J.Schacht e.d.s. (1965), *The Encyclopedia of Islam*, J.2, New Edition, E.J. Brill, h.168.

⁷ Ibn Manzur, Abu Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Makram (1990), *Lisān al-Ārāb*, jil 4. Beirut: Dar al-Sa'd, h. 257.

Muhammad al-Ghazali pula berpendapat bahawa dakwah adalah satu perancangan yang lengkap dan mencakupi semua peringkatnya, mengandungi ilmu pengetahuan yang diperlukan manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi menyingkap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka.⁸

Yusuf al-Qaradawi mendefinisikan dakwah sebagai suatu usaha membawa orang lain kepada agama Allah mengikut petunjukNya, melaksanakan ketetapan Allah di bumi ini, mengkhususkan taat setia hanya kepadaNya, melepaskan diri dari segala kongkongan yang bukan dari Allah (taghut) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditetapkan haknya oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan menegah kemungkar serta berijtihad pada jalanNya. ⁹

Dengan ini jelas menunjukkan bahawa dakwah merupakan satu usaha menyeru umat manusia beriman kepada Allah S.W.T dan melaksanakan setiap aspek kehidupan berlandaskan kepada ajaran Islam.

⁸ Muhammad al-Ghazali (1981), *Miftah Al-Izhah*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, h.17.

⁹ Yusuf al-Qaradawi (1983), *Taqqafah al-Da'iyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah, h.1.

1.7.3 Kajian

Perkataan *Kajian*¹⁰ menurut *Kamus Dewan* membawa maksud kegiatan (usaha,proses) mengkaji berdasarkan data, maklumat dan sebagainya secara terperinci yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu.

1.7.4 Pertubuhan Islam Seluruh Sabah atau *United Sabah Islamic Association (USIA)*

Pertubuhan Islam Seluruh Sabah atau lebih dikenali sebagai USIA merupakan badan dakwah yang pertama ditubuhkan di Sabah iaitu pada 16 Ogos 1969. USIA merupakan singkatan dari *United Sabah Islamic Association* dan Allayarham Tun Datu Mustapha bin Datu Harun merupakan Yang di Pertuan USIA yang pertama.

1.8 KAJIAN LITERATUR

Tinjauan kajian lepas merupakan hasil penelitian dan pembacaan pengkaji terhadap kajian-kajian lepas yang telah ditulis sama ada berbentuk kertas kerja seminar atau persidangan, buku, jurnal, latihan ilmiah, disertasi ataupun tesis mengenai tajuk yang berkaitan dengan tajuk pengkaji.

¹⁰ Teuku Iskandar (2005), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 657.

Berdasarkan kepada hasil tinjauan kajian lepas mendapati terdapat beberapa kajian yang dilakukan berkenaan dengan USIA di Sabah. Antaranya ialah:

a) Berdasarkan kepada hasil tulisan Muhiddin Yusin dalam bukunya *Islam di Sabah*.¹¹

Ia menjelaskan dan menerangkan tentang:

- i. Kedatangan dan perkembangan Islam di Sabah.
- ii. Peranan Allahyarham Tun Datu Mustapha Datu Harun dalam memperjuangkan agama Islam sehingga membawa kepada penubuhan USIA.
- iii. Ia juga mengupas tentang strategi perjuangan USIA dalam usaha mengukuhkan agama Islam di Sabah dan juga membuat beberapa analisa mengenai kedudukan USIA dalam kegiatan dakwah di Malaysia pada masa itu.
- iv. Buku ini lebih menumpukan kepada perjuangan USIA di Sabah.

b) Berdasarkan kepada kajian Suraya Sintang dalam *Sejarah Perkembangan Mualaf di Sabah: Peranan dan Sumbangan USIA (United Sabah Islamic Association)*¹²

¹¹ Muhiddin Yusin (1990), *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

¹² Suraya Sintang (2005), “Sejarah perkembangan Muallaf di Sabah:Peranan dan Sumbangan USIA (United Sabah Islamic Association”, *Jurnal al-Tamaddun*, Bil. 1, Disember 2005, h 51-90.

- i. Penulis menerangkan tentang latarbelakang masyarakat dan agama di Sabah.
- ii. Peranan USIA dalam sejarah pengislaman muallaf di Sabah dapat dilihat menerusi kegiatan pengislaman kepada non-Muslim di Sabah khususnya dari kalangan mereka yang tidak mempunyai pegangan agama yang rancak dijalankan awal tahun 70an.
- iii. Faktor pengislaman beramai-ramai di Sabah:
 - a. Penolakan Islam sebagai agama rasmi di Sabah
 - b. Persaingan peningkatan antara bilangan penganut Islam dengan penganut Kristian dari kalangan etnik pribumi Sabah.
 - c. Cabaran gerakan Kristianisasi
 - d. Dilema yang dihadapi oleh masyarakat Islam
- iv. Peranan dan sumbangan USIA dalam memantapkan kedudukan Muallaf di Sabah:
 - a. Penubuhan Majlis Agama Islam Sabah
 - b. Peningkatan bilangan Mualaf di Sabah
 - c. Pembinaan sekolah-sekolah agama
 - d. Pertambahan jumlah masjid dan surau
 - e. Perkampungan baru Islam dapat diwujudkan
- v. Penulis menyimpulkan bahawa gerakan pengislaman yang dilancarkan oleh USIA merupakan platform utama dalam penyebaran agama Islam kepada kelompok etnik pribumi Sabah yang masih belum mempunyai sebarang pegangan agama. Kegiatan pengislaman yang dilancarkan USIA dan dilanjutkan oleh

JHEAINS telah memberi sumbangan besar terhadap sejarah perkembangan Islam di Sabah kerana tanpa adanya kegiatan seperti ini nescaya agama Islam tidak dapat disebarluaskan secara meluas kepada kelompok pribumi Sabah dan kesempatan ini lazimnya akan digunakan oleh mubaligh Kristian untuk memperkenalkan agama mereka kepada masyarakat ini.

Selain daripada perjalanan dakwah Islamiah di Sabah, pengkaji juga turut membaca beberapa hasil kajian terdahulu mengenai beberapa institusi dakwah yang wujud di Sabah dan menerangkan serba sedikit mengenai USIA. Antaranya ialah:

- a) Berdasarkan kepada hasil kajian Sazali Asri yang bertajuk *Perkembangan Dakwah di Sabah: Satu Kajian di Pusat Latihan Dakwah Keningau*¹³, ia menjelaskan tentang:
 - i. Perkembangan dakwah di negeri Sabah sebelum dan selepas merdeka
 - ii. Persatuan-persatuan Islam yang membawa kepada penubuhan USIA iaitu Persatuan Islam Sabah, Persatuan Islam Tawau dan Persatuan Islam Putatan.
 - iii. Sejarah penubuhan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).
 - iv. Matlamat dan peranan Pusat Latihan Dakwah Keningau.

¹³ Sazali Asri(1987), “Perkembangan Dakwah di Sabah: Satu Kajian di Pusat Latihan Dakwah Keningau” (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

- v. Permasalahan yang dihadapi dalam usaha dakwah Pusat Latihan Dakwah Keningau iaitu: kekurangan air untuk keperluan harian, pertanian dan perikanan, salah faham terhadap fungsi Pusat Latihan Dakwah Keningau dan sebagai tempat pelarian penganggur.
- vi. Strategi-strategi jangka panjang Pusat Latihan Dakwah Keningau yang mengambil kira aspek dalam membantu perkembangan dakwah melahirkan masyarakat Islam yang berdikari dan membantu mengawal masalah murtad.
- vii. Berdasarkan kepada dapatan kajian, penulis mengungkapkan tentang perkembangan dakwah di negeri Sabah yang berjalan di atas berbagai period waktu. Disetiap period perkembangannya diolah dengan cara yang tersendiri dan didasarkan kepada berbagai-bagai kepentingan. Situasi inilah yang membawa dakwah Islamiah terlibat dalam kancah percaturan politik sehingga ke hari ini. Oleh itu, kelahiran Pusat Latihan Dakwah Keningau adalah percikan dari bahang pergolakan politik.

c) Berdasarkan kepada kajian oleh Analia Hasnah Yakob dalam *Perkembangan Islam di Negeri Sabah: Satu Tinjauan di Daerah Tenom*.¹⁴ Ia menyatakan tentang:

- i. Perkembangan Islam dan Kristian di Sabah
- ii. Penjajahan dan perkembangan agama Kristian. Ia bermula tentang sumber kedatangan Islam di Sabah, perkembangan Islam di zaman

¹⁴ Analia Hasnah Yakob (1998), “*Perkembangan Islam di Negeri Sabah: Satu Tinjauan di Daerah Tenom*” (Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

- penjajah *North Borneo Chartered Company*, Islam zaman penjajahan Jepun dan British serta penubuhan persatuan-persatuan Islam dan pembentukan Sabah dalam Malaysia)
- iii. Sejarah dan perkembangan Islam di Tenom yang meliputi sejarah kemasukan Islam di Tenom, perkembangan Islam di Tenom dan perkembangan Islam dikalangan pemimpin dan penduduk kampung.
 - iv. Penubuhan *United Sabah Islamic Association* atau Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA).
 - v. Kejayaan terbesar USIA iaitu operasi pengislaman dan Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah.
 - vi. Sebab pengislaman di Tenom iaitu kelemahan USIA dalam jalankan aktiviti Islam di Tenom, pelaksanaan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS¹⁵) untuk memperkembangkan Islam serta aktiviti-aktiviti dakwahnya.
 - vii. Masalah perkembangan Islam di Tenom dan cara badan dakwah MUIS mengatasi masalah perkembangan Islam di Tenom.
 - viii. Hasil dapatan pengkaji didapati bahawa perkembangan Islam bermula diperingkat pekan, Oleh kerana belum ada badan yang memimpin, ia terbatas dalam aspek ibadah. Masjid atau surau belum dikenali oleh penduduk. Aktiviti dakwah USIA iaitu aktiviti pengislaman membuka mata rakyat Tenom. USIA semakin cerdas dalam berdakwah kepada penduduk kampung.

¹⁵ Majlis Ugama Islam Sabah

ix. Namun terdapat beberapa masalah dalam dakwah iaitu: masalah utama kekurangan kemudahan seperti masjid dan surau, mendapat saingen hebat dengan agama lain iaitu Kristian. Ia ditunjukkan menerusi bilangan gereja yang banyak di pekan Tenom, keadaan muka bumi Tenom, terpengaruh dengan politik, kurang tenaga pendakwah yang berkelayakan, kurang media massa terutama bahan bacaan dan aktiviti Islam kurang dapat sambutan. Kesimpulannya penyampaian dakwah kurang berkesan disebabkan oleh masalah-masalah diatas.

- d) Berdasarkan kepada kajian Rosnie Benedict dalam *Masalah Perkembangan Islam di Negeri Sabah: Satu Kajian di Daerah Tambunan*.¹⁶
- i. Kedatangan Islam ke Sabah.
 - ii. Agensi penggerak dakwah di Sabah sebelum merdeka iaitu Parti Barisan Pemuda dan Parti Kebangsaan Melayu (PKM), Khairat Jumaat Muslimin (KJJ) dan Persatuan Ikhwan Sabah (PIS).
 - iii. Penggerak dakwah selepas merdeka
 - 1. Persatuan Islam Putatan (PIP), Persatuan Islam Sabah (PIS) dan Persatuan Islam Tawau (PIT).
 - 2. Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) 1967-1977
 - 3. Pertubuhan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) 1978-1996

¹⁶ Rosnie Benedict (1997), “*Masalah Perkembangan Islam di negeri Sabah: Satu Kajian di Daerah Tambunan*” (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

4. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

iv. Perkembangan Islam di Daerah Tambunan selepas merdeka

- a. Perkembangan semasa kerajaan USNO¹⁷ 1963-1980
- b. Perkembangan semasa kerajaan BERJAYA¹⁸ 1980-1985
- c. Perkembangan semasa kerajaan PBS¹⁹ 1985-1995
- d. Perkembangan semasa kerajaan UMNO 1995-1996
- e. Perkembangan terkini

v. Masalah perkembangan Islam di Tambunan.

- a. Tenaga pendakwah seperti kekurangan pegawai dakwah, tidak tahu berdakwah, kurang kelayakan dan ilmu serta masalah komunikasi.
- b. Masalah pada sasaran seperti anti taksub semenanjung, taksub kepada adat dan bangsa, masalah pendidikan, buta huruf dan tidak memahami bahasa Melayu, kedudukan geografi, kurang sambutan, tekanan keadaan dan masyarakat sekeliling dan penyisihan daripada masyarakat Islam sendiri.
- c. Masalah pada agensi dakwah seperti strategi kurang tepat, sistem pengurusan kurang sistematik, masalah sikap dan kepimpinan, melebihikan motif politik, pemilihan pegawai berdasarkan politik dan suku kaum dan perubahan struktur pentadbiran yang tergesa-gesa.

¹⁷United Sabah Nasional Organisation.

¹⁸ Bersatu Rakyat Jelata Sabah.

¹⁹ Parti Bersatu Sabah.

- d. Masalah kerajaan (politik) iaitu terlalu masuk campur dalam hal agama dan kelemahan pemimpin Islam.
 - e. Cabaran dan saingan dari kegiatan agama Kristian Katolik
- v. Pengkaji menyimpulkan bahawa masa depan Islam di Sabah masih kabur dan perlu diperbaiki. Pandangan pengkaji, kelemahan berpunca daripada umat Islam sendiri. Sepatutnya semua pihak perlu berperanan dan bertanggungjawab. Malang sekali, kebanyakan tenggelam dalam arus politik walaupun tidak dinafikan bahawa politik merupakan tiket untuk menjalankan kegiatan dakwah. Kurangnya semangat bersatu padu membawa kepada masalah utama masyarakat Islam di negeri ini. Sikap taksub dan fanatik masing-masing menguasai tindakan. Agama Kristian juga menjadi saingan utama dan salah satu faktor penghalang perkembangan Islam di Sabah. Pengkaji juga merumuskan bahawa perkembangan Islam di Tambunan adalah kritikal dan tidak pasti arahnya.
- e) Berdasarkan kepada kajian Siti Kajar Mahmud dalam *Institusi-institusi Islam di Sabah.*²⁰
- i. Institusi Islam di Sabah seperti Persatuan-persatuan Islam, USIA, MUIS, JHEAINS dan JAKIM.

²⁰ Siti Kajar Mahmud (1998), “*Institusi-institusi Islam di Sabah*” (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

- ii. Prospek dan masa depan institusi Islam.
- iii. Hasil dapatan kajian didapati bahawa:
 - a. Pengislaman beramai-ramai tanpa kawalan mendatangkan masalah kerana sebahagian murtad kerana tidak ada tindakan susulan.
 - b. Sasaran mengalami kesukaran mempelajari agama Islam sebab kembali agama asal.
 - c. Penubuhan MUIS bantu ringankan masalah USIA. Ini kerana MUIS berganding bahu dengan USIA melancarkan dakwah
 - d. Pelaburan tidak mendatangkan keuntungan menyebabkan banyak program tidak dapat dilaksanakan.
 - e. Kemunculan JHEAINS banyak merubah keadaan. Ia merupakan badan pelaksanaan segala dasar yang dibuat oleh MUIS telah menyusun pentadbiran lebih baik. Sedikit sebanyak masalah yang dihadapi oleh MUIS cuba diselesaikan oleh institusi Islam ini. Dalam pentadbiran, JHEAINS cuba mengemaskinikan pentadbiran yang sedia ada dengan menyediakan dan mengambil para pegawai yang dapat melaksanakan segala tanggungjawab yang diberikan.

f) Sahari Abdul Latif²¹ dalam *Mana Bendera Saya?*²²

- i- Penulis memaparkan suasana Bandar Api-Api suatu ketika dulu dan suasana Perang Dunia ke-Dua di Kota Kinabalu.
- ii- Memaparkan perjalanan suka duka dalam perjuangan dakwah penulis bermula daripada penubuhan Persatuan Islam Putatan atau ringkasnya P.I.P sehingga kepada penubuhan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA).
- iii- Penulis juga menjelaskan tentang pembubaran Persatuan Islam Putatan bagi memberi ruang kepada penubuhan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah yang wujud pada 16 Ogos 1969.

Selain daripada kajian lapangan mengenai perkembangan Islam dan beberapa institusi dakwah yang wujud di Sabah, pengkaji juga turut meneliti kajian dan tulisan mengenai perkembangan politik di Sabah. Ini kerana aspek politik juga turut menjadi sebahagian daripada faktor penyebaran agama Islam di Sabah. Antaranya ialah:

²¹ Sahari Abdul Latif merupakan antara individu yang terlibat dalam penubuhan Persatuan Islam Putatan ataupun dikenali sebagai P.I.P dan beliau merupakan pengurus Mesyuarat Jawatankuasa Penaja. Setelah penubuhan P.I.P secara rasmi, beliau dilantik sebagai setiausaha Persatuan Islam Putatan yang diluluskan pendaftarannya pada 1 Januari 1960. Apabila P.I.P dibubarkan pada tahun 1970 bagi memberi laluan kepada penubuhan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah atau United States Islamic Organization (USIA). Pada 1 Januari 1970, beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Luar Dakwah USIA dan dalam masa yang sama juga merangkap sebagai Setiausaha USIA Bahagian Penampang merangkap Ketua USIA Cawangan Putatan.

²² Sahari Abdul Latif (2006), *Mana Bendera Saya*, Institut Penyelidikan Sastera Sabah.

a) Berdasarkan kepada hasil tulisan Ismail Yusoff dalam bukunya bertajuk *Politik dan Agama di Sabah*.²³

- i. Latar belakang masyarakat dan politik di Sabah.
- ii. Penulis juga menjelaskan tentang penyebaran agama Kristian.
- iii. Nasionalisme masyarakat Islam di Sabah dalam erti kata perjuangan menjaga kepentingan Islam dan penganutnya. Kemunculan pertubuhan-pertubuhan Islam menyaksikan perkembangan Islam di Sabah semakin serius.
- iv. Penulis juga menerangkan perkembangan dan konflik politik daripada mula mencapai kemerdekaan melalui Malaysia hingga ke zaman pemerintahan BERJAYA dan turut menyentuh perkembangan politik PBS serta konflik politik.
- v. Penulis membuat kesimpulan dengan menegaskan bahawa konflik politik yang berlaku di Sabah adalah disebabkan oleh faktor keagamaan bukannya oleh perbezaan etnik. Walaupun Sabah mempunyai 38 suku kaum dan 58 dialek namun secara umumnya ideologi politiknya hanya terbahagi kepada dua sama ada mirip kepada Islam atau Kristian. Kajian juga membuktikan bahawa sememangnya terdapat perkaitan rapat antara pertumbuhan parti-parti politik dengan kepentingan agama kumpulan etnik masing-masing.

²³ Ismail Yusoff (2004), *Politik dan Agama di Sabah*, Bangi:UKM.

vi. Berdasarkan kepada kajian, penulis menjelaskan bahawa sejak dari awal pembentukan Malaysia lagi masyarakat Islam dan Kristian di Sabah hidup terpisah-pisah kerana perbezaan agama. Pemisahan kelompok masyarakat ini kemudiannya dipertajamkan pula oleh perbezaan etnik, politik dan nasionalisme. Maka kedua-dua komuniti bumiputera yang berlainan agama ini tidak pernah bergabung dalam sebuah unit politik sehingga sekarang. Akibatnya ialah tercetusnya konflik politik yang dahsyat di Sabah.

b) Maidis Pongot dalam *Gerakan Dakwah Islamiah di Daerah Tambunan Sabah Selepas Merdeka Sehingga 1989: Penumpuan kepada Zaman USNO-SCA, BERJAYA dan PBS*.²⁴

- i. Persatuan-persatuan Islam di Sabah.
- ii. Persaingan dan keterlibatan dakwah Islamiah dan gerakan Misionari Kristian dalam aktiviti keagamaan sosial pada zaman penjajah.
- iii. Penulis menyimpulkan bahawa persaingan dan keterlibatan dakwah Islamiah dan misionari Kristian dalam aktiviti keagamaan sosial di Sabah pada zaman penjajah, sedikit sebanyak telah mencapai kejayaan masing-masing.
- iv. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkembangan dakwah Islamiah pada zaman itu berjalan perlahan berbanding dengan

²⁴ Maidis Pongot (1999), “*Gerakan Dakwah Islamiah di Daerah Tambunan Sabah Selepas Merdeka sehingga 1989: Penumpuan kepada Zaman USNO-SCA, BERJAYA dan PBS*”(Latihan Ilmiah, Fakulti Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia).

missionari Kristian dimana penganutnya mengalami pertambahan yang pesat. Walaupun jumlah penganut Islam jauh lebih besar hasil dari kelangsungan dakwah Islamiah sejak dahulu berbanding dengan jumlah penganut Kristian tetapi misionari Kristian berjaya mengurangkan peningkatan ini.

- c) Berdasarkan kepada tulisan Jamdin Buyong dalam *Perjuangan Kemerdekaan di Sabah: Satu Kesinambungan Cetusan Kebangkitan Islam*.²⁵

- i. Penubuhan persatuan Islam sehingga membawa kepada penubuhan USIA.
- ii. Perjalanan politik di Sabah membawa kepada perkembangan dakwah Islamiah di Sabah.

Selain faktor politik, perkembangan Islam di Sabah juga dipengaruhi oleh gerakan Kristianisasi yang bergerak agak laju suatu ketika dulu. Oleh itu, pengkaji juga meneliti beberapa penulisan berkaitan dengan gerakan Kristianisasi yang sedikit sebanyak berkait dengan kajian yang dilakukan. Antaranya ialah:

- a. Berdasarkan kepada tulisan Muhammad Sidik Awang Adie²⁶ dalam *Gerakan Kristian di Sabah : Reaksi dan Tindakan Institusi Islam terhadap Gerakan itu*.

²⁵ Jamdin Buyong (2000), *Perjuangan Kemerdekaan di Sabah: Satu Kesinambungan Cetusan Kebangkitan Islam*, (Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia).

²⁶ Muhammad Sidek Awang Adie (1989), “*Gerakan Kristian di Sabah : Reaksi dan Tindakan-tindakan Institusi Islam terhadap Gerakan itu*” (Latihan Ilmiah Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

- i. Sejarah awal gerakan Kristian di Sabah hingga kini iaitu perkembangan gerakan kristian selepas penubuhan Malaysia 1963 hingga awal 1980 an.
- ii. Punca-punca yang membawa kepada pengaruh Kristian di Sabah iaitu:
 1. Keadaan masyarakat: Layanan kemanusiaan Missionari Kristian menerusi amal kebajikan untuk golongan miskin dan menderita menyebabkan masyarakat terhutang budi kepada pihak missi dan gereja menyebabkan masyarakat memeluk agama Kristian.
 2. Keadaan politik: Politik Sabah dahulu dipegang oleh golongan Islam tapi kejatuhan golongan pemimpin Islam disebabkan oleh perpecahan sesama sendiri. Diskriminasi yang berlaku di masa pemerintahan Parti USNO dan BERJAYA terhadap masyarakat Kristian seperti dalam bentuk perjawatan, pekerjaan dan hak-hak sosial lainnya telah menimbulkan reaksi yang positif ke arah penguasaan politik golongan Kristian di Sabah.
 3. Faham kebendaan dan sekular yang menebal di kalangan pemimpin dan masyarakat Islam Sabah sendiri memudahkan lagi penyebaran Kristian dan penguasaan politik mereka di negeri ini.

4. Keadaan geografi: Keadaan negeri Sabah berhampiran dengan Indonesia dan Filipina memperteguhkan lagi gerakan Kristian di Sabah. Indonesia dan Filipina merupakan jaringan Kristian di Asia Tenggara yang kukuh di rantau ini.
- iii. Reaksi institusi Islam terhadap gerakan Kristian di Sabah: Berdasarkan kepada kajian penulis, tidak ada tindakan diambil oleh institusi Islam di Sabah. Reaksi dari gerakan Kristianisasi ini hanya dapat dilihat dari ganda usaha dalam program-program institusi seperti ceramah, kursus kesedaran Islam, forum dan penerangan tentang ajaran Islam dalam bentuk tulisan dan risalah.
- iv. Hasil dapatan kajian menemukan bahawa punca yang membawa kepada perkembangan agama Kristian di Sabah disandarkan kepada keadaan masyarakat, politik dan geografi negeri ini. Keadaan masyarakat yang berbilang bangsa, kefahaman Islam yang tidak matang di kalangan penganut-penganut Islam ditambah dengan keadaan poltik umat Islam yang berpecah dan berpuak memberi laluan kepada gerakan Kristianisasi. Sekiranya golongan Islam tidak bertelagah sesama sendiri atau saling menjatuhkan, tidaklah semudah itu kekuatan politik boleh berpindah kepada tangan golongan Kritian. Tindak tanduk politik orang Islam yang angkuh, korupsi dan tidak jujur membuka jalan kepada kemenangan golongan Kristian itu.

- b. Berdasarkan kepada hasil tulisan oleh Mat Zin Mat Kib²⁷ yang bertajuk *Kerja Sosial dalam Penyebaran Agama Kristian di Sabah: Satu Tinjauan Sejarah.*

- i. Beliau menjelaskan bahawa pengkristianan merupakan sebahagian daripada bentuk penjajahan. Gerakan pengkristianan di Sabah dijalankan melalui tiga medium iaitu gereja, sekolah dan hospital. Ia merupakan salah satu strategi yang digunakan oleh mubaligh Kristian sejak pertapakannya awal-awal lagi.

Selain daripada kajian terhadap perkembangan dakwah di Sabah, pengkaji juga turut meneliti hasil penulisan mengenai gerakan dakwah. Tinjauan pengkaji mengenai gerakan dakwah sedikit sebanyak membantu penyelidikan pengkaji.

- a) Berdasarkan kepada penulisan Prof. Madya Shaharuddin Badaruddin yang bertajuk *Gerakan Dakwah dan Perubahan Sosial di Malaysia*²⁸.
- i. Gerakan dakwah mempunyai tiga kategori dalam peranannya melakukan perubahan sosial dalam masyarakat. Pertamanya, gerakan dakwah yang mempunyai *single mindedness of purpose* atau matlamat khusus. Kedua

²⁷ Mat Zin Mat Kib (2005), “Kerja Sosial dalam Penyebaran Agama Kristian di Sabah : Satu Tinjauan Sejarah”, (Seminar Sejarah Sosial Malaysia Peringkat Kebangsaan dan Serantau).

²⁸ Shaharuddin Badaruddin (2005), “Gerakan Dakwah dan Perubahan Sosial di Malaysia” (Seminar Sejarah Sosial Malaysia Peringkat Kebangsaan dan Serantau 22-23 Julai 2005), H: 252-267.

ialah gerakan dakwah yang berteraskan program yang menyalurkan khidmat kebaikan dan penerangan mengenai Islam secara menyeluruh dan kategori ketiga ialah gerakan dakwah yang berteraskan masa yang bertujuan memperjuangkan cita-cita Islamiyah secara bersepadu berdasarkan kesedaran Islam yang menyeluruh.

- ii. Cabaran-cabaran gerakan dakwah dalam era globalisasi
- iii. Penulis menyimpulkan bahawa Islam dan gerakan dakwah tidak boleh berkembang dengan berkesan tanpa pembabitan organisasi Islam dalam kegiatan sosial kerana masyarakat Islam tidak boleh selamanya bertahan cuma dengan retorik tanpa adanya satu program yang lebih terencana dalam melakukan perubahan dalam masyarakat.

b) Prof Madya Dr. Zulkifle Abd Ghani dalam *Gerakan Dakwah: Satu Takrifan Semula untuk Melahirkan Islam yang Progresif*²⁹.

- i. Ia menjelaskan tentang justifikasi dan bentuk kewujudan gerakan dakwah serta kemantapan isu atau agenda yang diperjuangkan.
- ii. Ia juga menyentuh tentang manifestasi dan cabarannya terutama dalam masyarakat majmuk bagi mewujudkan Islam yang progresif.
- iii. Penulis menyimpulkan bahawa gerakan dakwah telah memperlihatkan keupayaan mereka untuk muncul sebagai satu *force* yang kuat ke arah membentuk pemikiran, kepercayaan dan sikap baru dalam kehidupan

²⁹ Zulkiple Abd Ghani (2003), “*Gerakan Dakwah: Satu Takrifan Semula untuk Melahirkan Islam yang Progresif*”, (Kertas Seminar Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam, 29-31 Januari 2002).

beragama di kalangan umat Islam. Momentum seruan dakwah yang dilaungkan sepanjang lebih tiga dekad memerlukan energi baru untuk melonjak kepada tahap yang lebih baik disamping menghadapi fenomena kesejagatan. Peningkatan kualiti dakwah bergantung kepada peningkatan kualiti individu yang mendukung dan memimpin dakwah. Justeru itu, gerakan dakwah perlu menilai kelemahan dan kekuatan yang ada untuk melonjak kembali menguasai arus perdana dengan mesej yang lebih praktikal dan menggarap strategi yang betul di samping meningkatkan aspek penyerahan diri kepada Allah. Islam telah menyediakan kerangka rujuk yang menjadi panduan kepada makna kebahagiaan sebenar dalam hidup dan dakwah merupakan enjin yang menggerakkan mereka dalam memenuhi keperluan insan.

c) Berdasarkan kepada penulisan Prof. Dr. Mohamed Asin Dollah dalam *Ke Arah Memantapkan Gerakan Dakwah di Malaysia: Cabaran dan Penyelesaian*³⁰

- i. Ia menjelaskan tentang kepentingan pelaksanaan aktiviti dakwah yang lebih menarik agar dapat menarik minat sasaran.
- ii. Gerakan dakwah di Malaysia mempunyai cabaran iaitu cabaran dalaman dan luaran yang perlu diberi perhatian.
- iii. Penulis juga menyatakan bahawa jika aktiviti dakwah yang hendak dilakukan hari ini bermakna satu usaha untuk menakluk hati dan akal golongan sasar, maka para pendakwah masa kini hendaklah menyediakan

³⁰ Mohamed Asin Dollah (2003), “Ke Arah Memantapkan Gerakan Dakwah di Malaysia: Cabaran dan Penyelesaian”, (Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan 11 Januari 2003).

aktiviti yang menarik, sesuai dengan tabii akal dan hati yang dimiliki oleh manusia zaman kini.

1.9 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi merupakan aspek yang sangat penting dalam melakukan sesuatu penyelidikan yang berbentuk ilmiah. Ini kerana metodologi merupakan kaedah yang digunakan dalam usaha untuk mendapatkan maklumat-maklumat dengan tepat dan betul yang berkaitan dengan tajuk penyelidik. Metodologi bermaksud *sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin dan sebagainya*.³¹

Metodologi adalah dirujuk sebagai kaedah yang saintifik untuk huraian pendekatan dan kaedah yang digunakan dalam sesuatu penyelidikan. Mengikut Kaplan (1973), metodologi adalah digunakan untuk menghuraikan pendekatan dan kaedah dengan tujuan memberi kefahaman terhadap proses penyelidikan yang akan dilaksanakan.³²

Jerry Wellington menginterpretasikan metodologi dibawah konteks penyelidikan sebagai aktiviti atau pemilihan untuk membuat refleksi, menilai dan mengjustifikasi kaedah yang digunakan. Mengikut beliau, justifikasi kaedah penyelidikan merupakan tindakan yang penting untuk persediaan laporan atau tesis penyelidikan harus mengandungi

³¹ Teuku Iskandar (2002), *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h: 887.

³² Mok Soon Sang (2008), *Literature dan Kaedah Penyelidikan*, Penerbitan Multimedia, h: 22.

justifikasi keputusan atau hadil dapatkan daripada kaedah penyelidikan. Ini bermakna, tiada orang boleh menilai atau menentukan nilai kegunaan kajian itu tanpa memahami metodologinya.³³

Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar dalam hasil tulisannya menyatakan bahawa metodologi kajian merujuk kepada tatacara melaksanakan kajian. Pada peringkat awal, perbincangan adalah tentang masalah kajian, iaitu apa yang ingin dikaji. Metodologi menerangkan *bagaimana mengkaji* yang meliputi beberapa perkara iaitu reka bentuk kajian, populasi, sampel dan tempat, instrumentasi, analisis data dan kalendar kajian.³⁴

Manakala metodologi kajian adalah kaedah atau teknik penyelidikan yang digunakan bagi mengumpul data. Ia termasuk andaian-andaian dan nilai-nilai yang menjadi dasar untuk digunakan oleh penyelidik bagi mentafsir data dan membuat kesimpulan.

Berdasarkan kepadauraian di atas, nyatalah tujuan metodologi dalam penyelidikan ialah digunakan untuk menganalisis kaedah-kaedah penyelidikan, menghuraikan kekurangan dan sumber-sumbernya, menjelaskan andaian dan akibatnya dan menghubungkaitkan potentialitinya dengan ilmu-ilmu yang tidak ketara dalam tema kajian. Maka untuk melaksanakan proses kajian dengan berkesan, kaedah-kaedah penyelidikan yang dipilih harus diuji, dinilai dan diteliti terlebih dahulu sebagaimana tindakan yang diambil

³³ *Ibid*; h: 22.

³⁴ Mohd Najib Abdul Ghafar (2003), *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*, UTM Skudai, h: 98.

semasa membentuk hipotesis kajian. Sebagai kefahaman, aspek-aspek metodologi yang utama dalam suatu penyelidikan adalah disenaraikan berbentuk soalan.³⁵

Berdasarkan kepada semua takrifan yang dinyatakan di atas, metodologi merupakan satu tatacara yang digunakan dalam melaksanakan sesebuah kajian. Metodologi dianggap sebagai satu cara untuk pengkaji mahupun penulis mendapatkan sumber dengan lebih berautoriti.

Kajian yang dilakukan oleh penulis merupakan kajian yang berbentuk lapangan dan perpustakaan. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan beberapa metod yang sesuai dengan penyelidikan yang dilakukan. Antara metod yang digunakan ialah:

1-Metod Pengumpulan Data

Bagi proses pengumpulan data, penulis menggunakan metod historis, metod dokumentasi dan metod temubual di dalam kajian penulis.

³⁵ Mok Sang (2008), *Literature dan Kaedah Penyelidikan*, Penerbitan Multimedia, h: 22.

a- Metod Historis

Metod Historis merupakan metod yang digunakan untuk mendapatkan data yang mempunyai maklumat sejarah. Penulis menggunakan metod ini untuk mendapatkan data maklumat mengenai sejarah penubuhan USIA sebagai badan dakwah pertama di Sabah. Ia terdiri daripada majalah, buku-buku yang diterbitkan oleh USIA dan surat khabar daripada pihak Arkib Negeri Sabah.

Selain daripada itu, penulis menggunakan metod ini bagi mendapatkan semua data-data yang tepat tentang sejarah penubuhan dan fakta-fakta yang tepat tentang latarbelakang tempat kajian. Maklumat yang diperolehi dalam metod ini adalah bagi mendapatkan data dan maklumat dalam bab tiga dan empat dalam kajian penulis.

b- Metod Dokumentasi

Metod Dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah kajian. Dokumen ini termasuklah kumpulan undang-undang, autobiografi, surat khabar dan sebagainya.

Dalam kajian ini, penulis mendapatkan maklumat melalui buku perlembagaan USIA sebagai rujukan utama dalam kajian penulis. Penulis juga mendapatkan buletin USIA yang

diterbitkan secara bulanan bagi mendapatkan fakta yang jelas dan tepat tentang kajian yang dilakukan.

Selain daripada itu, antara dokumen yang digunakan oleh penulis ialah kertas kerja persidangan serta dokumen yang dikeluarkan oleh USIA iaitu buku laporan tahunan USIA. Penulis juga membuat rujukan dari data-data umum dan hasil penulisan terdahulu antaranya seperti latihan ilmiah, buku-buku, majalah-majalah dan risalah-risalah yang diterbitkan oleh USIA. Bagi mendapatkan data bagi kedua-dua metod, penulis menggunakan beberapa buah perpustakaan iaitu:

1. Perpustakaan Universiti Malaya
2. Perpustakaan Pengajian Islam Universiti Malaya
3. Perpustakaan Peringatan Za’ba Universiti Malaya
4. Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur
5. Perpustakaan Awam Kota Kinabalu Sabah
6. Perpustakaan Awam Tawau Sabah
7. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah
8. Arkib Negeri Sabah
9. Masjid Negeri Sabah
10. United Sabah Islamic Association (USIA)

c- Metod Wawancara atau Temubual

Metod Wawancara merupakan salah satu cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada seseorang responden dengan cara bercakap secara bersemuka dengannya. Semasa sesi temubual diadakan, penulis menjalankan temubual secara formal iaitu dengan menetapkan tarikh, masa, tempoh tertentu dan tempat temubual. Penulis juga menyediakan beberapa soalan yang berkaitan sebelum temubual dimulakan.

Bagi tujuan tersebut, penulis telah menemubual pegawai-pegawai USIA yang terdiri daripada Pegawai Bahagian Dakwah USIA, pegawai Bahagian Wanita USIA dan pegawai Bahagian Belia USIA. Selain daripada itu, penulis juga mendapatkan maklumat daripada Setiausaha Belia dan Wanita USIA. Penulis juga menemubual Ahli jawatankuasa Masjid Negeri Sabah bagi mendapatkan data dan maklumat kajian penulis.

Tembual yang dilakukan ini adalah bagi mendapatkan data dan maklumat dalam bab dua, tiga dan empat dalam kajian penulis.

2- Metod Analisa Data

a- Metod Induktif

Metod ini merupakan satu proses menganalisis data-data melalui pola berfikir dan mencari pembuktian daripada perkara-perkara yang bersifat khusus kepada dalil-dalil bersifat umum. Metod ini digunakan untuk menarik kesimpulan dan bukti yang bersifat khusus untuk menjadikan kesimpulan yang bersifat umum.

Menerusi metod ini, penulis membuat analisa ke atas semua data-data yang diperolehi mengenai teori dakwah serta gerakan dakwah. Data yang diperolehi ini akan dianalisis dan dijadikan suatu kesimpulan dan panduan secara umum. Penulis menggunakan metod ini di dalam bab dua dan tiga dalam kajian penulis.

b- Metod Deduktif

Metod ini digunakan oleh penulis untuk menganalisa data-data yang bersifat umum untuk dijadikan kesimpulan bagi yang bersifat khusus. Ini bagi membawa kesimpulan-kesimpulan yang bersifat khusus hasil daripada kajian terhadap data-data yang diperolehi. Menerusi metod ini, penulis akan menganalisis semua data-data untuk mendapatkan kesimpulan yang

seterusnya menjadi hasil utama kajian penulis ini. Metod ini akan digunakan dalam bab empat kajian ini.

c- Metod Komparatif

Metod ini digunakan untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data dan fakta yang diperolehi. Penulis menggunakan metod ini dengan membuat perbandingan menerusi data yang diperolehi dan seterusnya memperbandingkan antara teori yang diperolehi secara umum dengan maklumat yang diperolehi daripada USIA bagi tujuan mendapatkan hasil kajian tersebut. Dengan adanya metod ini, penulis akhirnya akan menemui hasil utama kajian yang dilakukan ini.

BAB DUA: DAKWAH DAN GERAKAN DAKWAH

2.1 KONSEP DAKWAH

2.1.1 TAKRIF DAKWAH

Dakwah menurut *Kamus Dewan* ialah kegiatan menyeru dan menyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan³⁶. Ia juga membawa maksud patuh kepada (mengikut) ajaran agama Islam dengan lebih sempurna (sebagaimana yang kelihatan pada tingkahlaku dan pergaulan, cara berpakaian dan lain-lain).

Perkataan *Dakwah* dari segi bahasa menurut *Mu'jam al-ārabi āl aṣāṣī* berasal dari perkataan Arab iaitu: *dā'ā*, *yād'u*, *dā'ātān* yang membawa maksud: menjemput, menyeru, mengajak atau memanggil³⁷. Namun perkataan dakwah mempunyai konsep dan maknanya yang tersendiri dalam Islam.

Secara asasnya, dakwah bermaksud seruan. Dalam konteks dakwah, segala yang menuju ke arah amar makruf nahi mungkar adalah seruan dakwah. Ia telah pun dinyatakan di dalam al-Quran dan Hadis.

³⁶ Teuku Iskandar (2003), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : DBP, h. 462.

³⁷ Mustafa Ghayalini (1990), *Mu'jam al-Arabi al-Asasi*. Beirut: Al-Arabiah Li al Tarbiyah, h. 452.

Manakala secara khususnya pula, para ulama telah memberikan pelbagai definisi dakwah. Antaranya ialah:

Ibn Manzur memberikan pengertian dakwah dengan makna menyeru semata-mata menggalakkan seseorang melaksanakan cita-cita tertentu atau melarangnya daripada semua³⁸. Manakala Abd Karim Zaydan pula mentakrifkan dakwah sebagai mengajak manusia kepada jalan Allah S.W.T³⁹. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلٌ أَدْعُوكُمْ إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ
أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ
وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

*Maksudnya Katakanlah: Inilah jalan (agama) ku,
aku dan orang-orang yang mengikutku mengajak
(kamu) kepada Allah dengan hujjah yang nyata.*

Surah Yusuf (12): 108

Bagi ayat ini, maksud ajakan ke jalan Allah ialah ke jalan agama Islam, agama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W.

³⁸ Ibn Manzur (1990), *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sa'd, h. 257.

³⁹ Abd al-Karim Zaydan (1972), *Usul al da'wah*. Bagdad: Matba'ah Salman al Azmi, h. 471.

Firman Allah S.W.T:

إِنَّ الْدِينَ كَعِنْدَ اللَّهِ أَلِإِسْلَمُ^{١٩} وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ
أُوتُوا الْكِتَبَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ
وَمَنْ يَكُفِرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ


Maksudnya: Sesungguhnya ugama (yang benar dan direndai)

Allah ialah Islam. dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani)

Yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai
ugama Islam dan enggan menerimanya) melainkan
setelah sampai kepada mereka pengetahuan Yang sah
tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata
kerana hasad dengki Yang ada Dalam kalangan mereka.
dan (ingatlah), sesiapa Yang kufur ingkar akan ayat-ayat
keterangan Allah, maka Sesungguhnya Allah amat segera
hitungan hisabNya.

Surah Ali-Imran (3): 19.

Ayat ini menjelaskan bahawa agama yang benar di sisi Allah adalah agama Islam. Sesungguhnya dakwah itu hanyalah untuk menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat.

Menurut Syalabi, dakwah ialah gerakan membawa atau mengubah masyarakat daripada keadaan kufur kepada iman, dari kegelapan kepada cahaya, dari keadaan sempit kepada keadaan lapang, dunia dan akhirat.⁴⁰

⁴⁰ Ahmad Syalabi (1976), *Sikologhiah al-Ra'iwa al-Dawah al-Du'at*. Kaherah : Maktabah Al Azhar, h.1.

Adam Abdullah al-Aluri pula mengatakan maksud dakwah ialah memalingkan pandangan dan pemikiran manusia kepada pandangan dan pemikiran yang berdasarkan aqidah kerana dakwah merupakan satu seruan bagi menyelamatkan manusia dari kesesatan yang hampir-hampir mereka terjerumus ke dalamnya.⁴¹

Manakala Muhammad al-Ghazali pula berpendapat bahawa dakwah adalah satu perancangan yang lengkap dan mencakupi semua peringkatnya, mengandungi ilmu pengetahuan yang diperlukan manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi menyingkap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka.⁴²

Dr. Yusuf al-Qaradawi pula mendefinisikan dakwah sebagai suatu usaha membawa orang lain kepada agama Allah mengikut petunjuknya, melaksanakan ketetapan Allah di bumi ini, mengkhususkan taat setia hanya kepadaNya, melepaskan diri dari segala kongkongan yang bukan dari Allah (taghut) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditetapkan haknya oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan menegah kemungkar serta berijtihad pada jalanNya.⁴³

Abul A'la Al Maududiy telah menyimpulkan erti dan makna dakwah dari segi tujuan dan sasaran umum dakwah kepada tiga perkara pokok. Perkara pertama disimpulkan bahawa dakwah ditujukan kepada seluruh umat manusia pada umunya dan kepada umat Islam

⁴¹ Al-Aluri (1979), *Tarikh al-Da'wah al-Islamiah min al-Ams Ila ak-Yawm*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 7.

⁴² Muhammad al-Ghazali (1981), *ma'a Allah*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, h.17.

⁴³ Yusuf al-Qaradawi (1983), *Thaqafah al-Da'iyyat*. Beirut: Muassasah al-Risalah, h.1.

khususnya, agar menyembah Allah, tidak mensyariatkan Nya dengan sesuatu dan tidak menjadikan sesembahan dan Tuhan selain daripada Allah.

Perkara pokok yang kedua ialah dakwah ditujukan kepada orang yang bersedia menerima Islam sebagai agamanya, memurnikan keyakinannya hanya mengakui Allah sebagai tuhannya, membersihkan jiwanya dari penyakit nifak dan selalu menjaga amal perbuatannya agar tidak bertentangan dengan ajaran agama yang dianutnya.

Manakala perkara pokok yang ketiga ialah dakwah ditujukan kepada seluruh penduduk bumi ini untuk mengubah sistem pemerintahan yang zalim, yang hanya berbuat kerosakan di permukaan bumi, memindahkan kepimpinan baik secara teoritis mahupun praktis dari tangan mereka ke tangan orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari akhirat serta menjalankan ajaran agamanya dengan baik serta tidak berlaku sombang.⁴⁴

Berdasarkan kepada keterangan di atas, dakwah yang dimaksudkan adalah dakwah untuk semua umat manusia dan khususnya umat Islam, penerimaan Islam sebagai agama dan mengaku bahawa Allah adalah Tuhannya dan ia lebih menyeluruh dan merangkumi kepada sistem kepimpinan Islam itu sendiri dan dakwah tidak hanya terhad kepada dakwah kepada orang bukan Islam semata.

⁴⁴ Abul A'la Al Maududi (1982), *Petunjuk Juru Dakwah*. Pustaka Nasional PTE LTD, Singapura. h:12.

Al-Quran juga banyak menyebut tentang pengertian dan konsep dakwah Islamiah itu sendiri. Antaranya menerusi firman Allah S.W.T:

اَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ
وَجَنِدِلَهُم بِالْقِيَمِ هِيَ اَحْسَنُ اِنَّ رَبَّكَ هُوَ اَعْلَمُ بِمَا
ضَلَّ عَن سَبِيلِهِ وَهُوَ اَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk

Surah an-Nahl (16): 125

Ayat ini menjelaskan bahawa berdakwah itu perlu kepada cara yang betul iaitu dengan cara penuh hikmah dan bijaksana. Ia bukan sekadar cara menyampaikan ajaran Islam melalui komunikasi semata-mata bahkan ia perlu dengan cara yang bijaksana. Pendakwah juga perlu bijak dalam menyampaikan seruan dakwah iaitu dengan sentiasa memberikan penjelasan tanpa ada sebarang pertelingkahan.

Firman Allah S.W.T:

الرَّ تِلْكَ ءَايَتُ الْكَتَبِ الْحَكِيمِ

*Maksudnya: Allah menyeru (manusia) ke Darussalam
(Syurga) dan menunjuki orang yang dikehendaki
Nya kepada jalan yang lurus (Islam).*

Surah Yunus (10): 25

Allah S.W.T juga berfirman:

لِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَأً هُمْ نَاسِكُوهُ فَلَا
يُنَزِّعُنَّكَ فِي الْأَمْرِ وَادْعُ إِلَى رَبِّكَ إِنَّكَ لَعَلَى
هُدًى مُسْتَقِيمٍ

*Maksudnya: Bagi tiap-tiap umat telah Kami tetapkan
syari'at tertentu yang mereka lakukan, maka janganlah
sekali-kali mereka membantah kamu dalam urusan
(syari'at) ini dan serulah kepada (agama) Tuhanmu.
Sesungguhnya kamu benar-benar berada pada jalan
yang lurus.*

Surah al-Hajj (22): 67

Ayat ini memberikan peringatan kepada semua umat manusia bahawa Allah telah menetapkan segala syariat yang wajib diikuti. Allah menegaskan bahawa sesiapa yang mengikut syariat Islam maka ia telah memasuki jalan yang lurus.

Berdasarkan kepada penjelasan dan takrif yang dikemukakan dan diperkuuhkan dengan dalil-dalil al-Quran, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa dakwah merupakan satu kegiatan atau menyeru semua umat manusia untuk menerima Islam dalam kehidupan sebenar berlandaskan kepada syariat Islam yang ditetapkan.

2.1.2 PRINSIP DAKWAH

Dakwah dalam konteks menyeru kepada makruf dan mencegah dari kemungkaran merupakan satu tugas yang sangat penting dan merupakan asas kepada kebangkitan para nabi. Ia bertujuan untuk memakmurkan negara dan menanam asas keimanan kepada umat dan memberi keadilan kepada umum⁴⁵.

Tugas pendakwah adalah untuk menjelaskan tentang apa yang didatangkan daripada al-Quran sama ada perintah, tegahan, galakan dan apa yang terdapat pada hadis Rasulullah S.A.W yang mulia sebagai dustur untuk melaksanakan hukum dan peraturan dalam kehidupan kita dan masyarakat.

⁴⁵Dr Mustafa al-Rafie (2003), ‘Dakwah dan Keunggulan Para Daie’. Abd.Wahab Latif, Badlihisham Mohd Nasir dan Mashitah Ismail (terj.), Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd., h. 5.

A) Dakwah berteraskan Al-Quran

Asas atau dasar yang digariskan oleh al-Quran dalam dakwah dalam konteks menyeru kepada makruf dan mencegah dari mungkar dapat diambil dari beberapa ayat al-Quran. Berdasarkan kepada firman Allah S.W.T yang bermaksud:

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْحَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu yang menyeru (berdakwah) kepada kebijakan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Surah Ali-Imran (3):104

Firman Allah S.W.T:

صَلِّ
أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَ
وَجَدِلْهُمْ بِالْقِيَمَاتِ الْمُبَارَكَاتِ
عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ ﴿١٥﴾

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan kebijaksanaan dan nasihat yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu Dia

lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya dan Dialah jua yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat hidayah perunjuk.

Surah an-Nahl (16):125

Kesimpulan dari ayat diatas adalah seperti berikut⁴⁶:

Pertama sesungguhnya penghayatan Islam amat penting bagi menyebarkan dakwah kepada manusia agar mereka dapat merasakan kesyumulan Islam itu sendiri. Mereka hendaklah merasai kehidupan golongan yang sentiasa melaksanakan perintah Allah dan berdamping dengannya agar mereka dapat merasai keindahan Islam.

Kedua, mereka yang berusaha menjalankan dakwah dengan menyeru kepada makruf dan mencegah daripada kemungkaran maka mereka adalah golongan yang berjaya. Pelaksanaan dakwah bukannya dinilai daripada jumlah aktiviti dakwah bahkan kewajipan melaksanakannya adalah amat penting.

Ketiga, apa yang dimaksudkan dengan perintah Allah S.W.T ialah menyebarkan dakwah dan menegakkan dalil yang hakiki serta menghancurkan kejahatan dan membuang segala bentuk kejahatan. Bagi melicinkan lagi suruhan amal makruf nahi mungkar maka setiap pendakwah hendaklah menjelaskan hukum berdasarkan dalil naqli dan aqli.

⁴⁶ Dr Mustafa al-Rafie (2003), ‘Dakwah dan Keunggulan Para Daie’. Abd.Wahab Latif, Badlihisham Mohd Nasir dan Mashitah Ismail (terj.), Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd., h. 5-9.

Keempat, sesungguhnya penyeru atau pendakwah Islam adalah semulia-mulia manusia dari segi amalan dan perkataan. Kelima, iman adalah sifat yang wajib ada dikalangan para pendakwah dan umumnya mengetahui bahawa setiap individu yang menjadi asas kebaikan dunia dan akhirat.

Kelima, barangsiapa yang meninggalkan kerja dakwah dan tidak menjalankan tugasnya kerana malas atau takut atau pura-pura jahil perintah Allah sesungguhnya mereka berhak dilaknat.

2.1.3 MATLAMAT DAKWAH

Menurut Ab.Aziz Mohd Zin bahawa mengenal pasti matlamat dakwah merupakan satu persoalan yang amat penting. Tanpa mengetahui matlamat dakwah dengan jelas maka setiap dakwah itu tidak akan dapat berjalan dengan baik dan akan merugikan.⁴⁷

Berdasarkan kepada penjelasan beliau, untuk mengetahui matlamat dakwah, ia perlu kepada pemahaman terhadap beberapa kenyataan-kenyataan tertentu iaitu:

1. Tujuan Penciptaan Manusia.
2. Pemahaman mengenai Ibadat

⁴⁷ Ab. Aziz Mohd Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, h: 29.

3. Konsep menuju Kesejahteraan
4. Mewujudkan Negara yang Diredhai
5. Melahirkan Kekuatan
6. Mendapat Cahaya Iman
7. Mendapat Keredhaan Allah

Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan diatas, Ab. Aziz Mohd Zin menyimpulkan bahawa matlamat yang ingin dicapai melalui dakwah itu ada beberapa peringkat iaitu:⁴⁸

1. Membawa kepada Islam bagi orang yang belum Islam
2. Mempertingkatkan mutu kefahaman dan penghayatan Islam bagi orang Islam untuk melahirkan kekuatan kepada mereka.
3. Mendirikan sebuah negara yang diredhai.
4. Menuju kepada keselamatan dan kebahagiaan.
5. Mendapat keredhaan Allah dan SyurgaNya.

Kesimpulannya adalah amat penting bagi setiap pendakwah memahami matlamat sebenar dakwah Islamiah. Kefahaman yang mendalam tentang matlamat sebenar dakwah akan menghasilkan kejayaan yang lebih besar terutama dalam melahirkan dan menyedarkan masyarakat yang alpa dalam arus keduniaan semata-mata.

⁴⁸ *Ibid*, h. 29-37.

2.2 PROGRAM GERAKAN DAKWAH

Menurut Kamus Dewan, perkataan ‘program’ membawa maksud ‘rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan yakni dasar pembangunan negara, perekonomian dan lain-lain⁴⁹.

Selain daripada itu, program juga membawa maksud “ suatu senarai aktiviti yang telah dirancang ataupun satu perancangan untuk tindakan pada masa akan datang. Oleh yang demikian, suatu program yang terancang merupakan satu bentuk aktiviti yang akan dilaksanakan”⁵⁰.

Manakala dari aspek dakwah pula, program dakwah yang dijalankan mengandungi aspek pembangunan sasaran dakwahnya dan ia merangkumi aspek pembangunan rohani, mental, fizikal dan spiritual.

Menurut Abd Aziz Mohd Zin program dakwah yang dilaksanakan di Malaysia adalah sesuai dengan tuntutan agama Islam iaitu menitikberatkan soal pembangunan umatnya sama ada dari aspek pembangunan mental, pembangunan fizikal atau pembangunan

⁴⁹ Teuku Iskandar (2005), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: DBP, h: 1233.

⁵⁰ Longman (1991), *Dictionary of Contemporary English*. United Kingdom, h: 28.

kerohanian bagi memelihara kesucian Islam di mata umum dan menjamin kesejahteraan umat Islam di dunia dan di akhirat.⁵¹

Dari aspek pembangunan mental, aktiviti dakwah perlu disuburkan dengan elemen-elemen pembangunan mental. Ini kerana penjanaan akal pemikiran dan kebijaksanaan perlu diasah dengan ilmu bagi menjana minda yang kreatif, progresif dan berpengetahuan. Penyuburan akal dengan pengetahuan-pengetahuan yang bermanfaat akan menjadikan umat Islam maju⁵².

Selain daripada itu, saranan Islam untuk membangunkan umatnya menerusi pembangunan fizikal juga menjadi agenda utama dalam aktiviti dakwah. Ini kerana, tuntutan ajaran Islam memerlukan manusia untuk sentiasa meningkatkan pembangunan fizikal dengan pelbagai ilmu keduniaan dan akhirat, peningkatan ketrampilan diri, kemahiran komunikasi, gaya berpakaian, kemahiran keibuan bapaan, kemahiran belajar dan sebagainya.⁵³

Manakala bagi aspek rohani pula, aktiviti dakwah tidak lari dari konsep kerohanian kerana itu adalah tunjang sebenar pelaksanaan aktiviti dakwah. Pembangunan fizikal dan mental semata tidak cukup untuk menjadikan seseorang manusia itu sempurna dari sudut pandangan Islam. Ini kerana kekuatan seorang umat Islam terletak pada kekuatan rohani

⁵¹ Abd Aziz Mohd Zin et al (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*, Universiti Malaya, h:243.

⁵² *Ibid*, h:244.

⁵³ *Ibid*, h:245.

yang dimilikinya. Golongan masyarakat masa kini terdedah dengan pelbagai kemungkaran dan gejala tidak sihat yang mana ia akan mengugat keutuhan akhlak umat Islam jika tidak dikawal dan dibendung dengan segera. Oleh itu, peranan institusi dakwah sangat penting dan perlu berusaha lebih gigih ke arah meningkatkan pembangunan kerohanian umat Islam agar mampu bersaing menghadapi kesan gejala globalisasi ini.⁵⁴

Berdasarkan kajian yang dilakukan, secara keseluruhannya aktiviti dakwah dilakukan oleh jabatan-jabatan agama Islam negeri dapat diklasifikasikan kepada beberapa bentuk iaitu aktiviti yang menyentuh tentang pembangunan akidah umat Islam dan aktiviti yang berkisar tentang pembangunan syariah dalam kalangan umatnya serta aktiviti yang merangkumi peningkatan ilmu umat Islam secara keseluruhannya bagi memenuhi tuntutan akhirat dan dunia.

Bagi aktiviti dakwah petubuhan bukan kerajaan pula, pendekatan yang dilakukan mereka juga agak berbeza mengikut sasaran dakwah mereka sendiri. namun secara umumnya, institusi dakwah yang mewakili pertubuhan bukan kerajaan tidak terlalu mementingkan aspek asas (pembangunan akidah) ini sehingga aktiviti-aktiviti yang dirancang ataupun dilaksanakan sangat longgar dan kurang dari segi pembangunan akidahnya. Hal ini berlaku disebabkan pendekatan mereka tertumpu kepada objektif penubuhan mereka. Apatah lagi tugas dasar biasa telah dilakukan dan dipelopori oleh jabatan-jabatan agama Islam negeri.

⁵⁴ *Ibid*, h:244-246.

Meskipun begitu, masih terdapat aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan ini secara langsung ataupun tidak langsung berasaskan pembangunan akidah masyarakat Islam⁵⁵.

Selain daripada itu, aktiviti yang dijalankan juga merangkumi aspek pembangunan syariah, pembangunan akhlak, pembangunan ilmu, pembangunan sosial, pembangunan jati diri dan pembangunan ilmu umum⁵⁶.

Secara keseluruhannya, aktiviti yang dilaksanakan oleh institusi dakwah di Malaysia ini adalah merangkumi pelbagai aspek bermula dari akidah, fizikal serta mental umat Islam sejajar dengan tuntutan syariat Islam itu sendiri.

2.3 STRATEGI GERAKAN DAKWAH

Menurut Kamus Dewan, perkataan strategi membawa maksud *rancangan yang teratur yakni yang memperhitungkan pelbagai faktor untuk mencapai matlamat atau kejayaan*⁵⁷. Ia bermaksud bahawa setiap rancangan yang dirancangkan bagi mencapai matlamat dan perjalanan dakwah umumnya dan matlamat dakwah khususnya.

⁵⁵ *Ibid*, h:258-259.

⁵⁶ *Ibid*, h:259-275.

⁵⁷ Teuku Iskandar (2005), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: DBP, h: 1233.

Manakala Syed Othman al-Habshi pula menyatakan bahawa *strategi ialah suatu rangka kerja dari segi prioriti yang harus dilakukan untuk mencapai objektif dakwah dengan cara yang paling berkesan*. Misalnya dalam menentukan bilangan sasaran, kita harus dapat memikirkan kaum dan kawasan yang hendak ditujukan dahulu. Strategi ini juga harus merangkumi pendekatan dakwah yang hendak digunakan, masalah yang hendak diatasi dahulu dan sebagainya.⁵⁸

Berdasarkan kepada keterangan di atas, dapat disimpulkan bahawa strategi dakwah memerlukan satu perancangan yang teliti dengan menilai pelbagai aspek bagi menjamin keberkesanan sesuatu perkara yang dirancangkan. Strategi ini meliputi pelbagai aspek manakala dari aspek dakwah, strategi dakwah perlu dinilai dalam semua komponen dakwah sama ada dari aspek pendakwah, sasaran dakwah, pengurusan jentera dakwah dan isi kandungan dakwah dan saluran dakwah. Ini semua memerlukan strategi bagi menjamin kejayaan aktiviti dakwah dan gerakan dakwah itu sendiri.

a- Strategi dari sudut metod

Metode bererti cara melakukan sesuatu atau sistem manakala perkataan metodologi pula membawa maksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya⁵⁹.

⁵⁸ Syed Othman Al-Habshi(1998), ‘Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah’, dalam Abdullah Muhammad Zin et Al. (eds.) , *Prinsip dan Kaedah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. UKM:, Bangi, h:113.

⁵⁹ Teuku Iskandar (2006), *Kamus Dewan*, DBP, h:887.

Metod adalah satu perkara yang penting dalam dakwah kerana metod merupakan cara bagaimana pengajaran disampaikan itu dapat mempengaruhi sasaran untuk menerimanya⁶⁰.

Metod adalah satu perkara penting dalam dakwah kerana metod merupakan cara bagaimana pengajaran yang disampaikan itu dapat mempengaruhi sasaran untuk menerimanya⁶¹. Oleh sebab itulah, strategi dan metod tidak dapat dipisahkan kerana ia merupakan dua elemen yang sangat berkait rapat. Strategi merupakan rangka kerja manakala metod merupakan satu sistem yang mengandungi prinsip dan kaedah tertentu yang digunakan bagi menjayakan sesuatu strategi. Oleh sebab itu, maka gerakan dakwah perlu merangka strategi dengan menggunakan metod yang tertentu dalam pelaksanaan dakwah Islamiah.

Untuk itu, apabila membahaskan tentang strategi dakwah, perkara paling penting yang berkait rapat dengan dakwah perlu dititik beratkan. Perkara tersebut merangkumi aspek pendakwah, sasaran dakwah, jentera pentadbiran dakwah dan isi kandungan dakwah. Oleh sebab itu, apabila menjelaskan tentang strategi dakwah, maka perkara paling penting adalah tentang metod yang digunakan dalam aspek tersebut bagi menjamin keberkesanan dakwah Islamiah. Metod tersebut pulak merangkumi kepada kesemua komponen

⁶⁰ Ab Aziz Mohd Zin (2005), *Metodologi Dakwah*, Universiti Malaya, h:76.

⁶¹ Ab.Aziz Mohd Zin (2005), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Universiti Malaya, h:76.

dakwah bermula dengan pendakwah, sasaran dakwah, isi kandungan dakwah, media saluran dakwah dan jentera pentadbiran dakwah. Maka setiap strategi yang dirangka, akan diadaptasikan menerusi pendekatan yang digunakan.

1- Strategi Dakwah Dari Aspek Pendakwah

Pendakwah merupakan orang yang berusaha mengajak orang lain kepada Islam dengan cara tertentu. Dengan itu, pendakwah hendaklah mempunyai kelengkapan yang secukupnya, yang berhubung dengan agama Islam, latarbelakang sasaran dan kelengkapan dirinya⁶².

Berdasarkan kepada huraian di atas, pendakwah harus melengkapkan dirinya dengan ilmu duniawi dan ukhrawi dan beramal dengan ilmunya, iman dan kepercayaan agama yang sangat mendalam serta akhlak yang mulia.

Dakwah ditujukan kepada umat manusia seluruh dunia, pada semua peringkat usia, harta dan tingkatan kedudukannya di dalam masyarakat di samping kecerdasan dan alam lingkungannya dan

⁶² *Ibid.*: h:136.

kemahuan serta jalan fikirannya⁶³. Oleh sebab itulah, para pendakwah harus memenuhi dirinya dengan ciri-ciri pendakwah yang disebut di atas.

Hal ini menyebabkan para pendakwah harus menjadi orang-orang yang bijaksana, mahir menyampaikan pendapat dan pengertiannya kepada manusia yang beraneka ragam itu. Pendakwah harus berusaha meyakinkan orang tentang kebenaran, supaya mereka dapat mengamalkan apa yang diajarkannya. Pendakwah harus berbicara dengan gaya bahasa yang dapat menimbulkan kesan di hati pendengar⁶⁴.

2- Strategi Dakwah Dari Aspek Metod Pada Sasaran Dakwah

Dari aspek ini, strategi yang digunakan adalah mengenali sasaran iaitu menerusi pendekatan dengan memahami sasaran dakwah sama ada menerusi aspek agama, budaya, adat resam serta kaum. Hal ini juga dijelaskan oleh Ab Aziz Md Zin yang menerangkan bahawa langkah pertama yang perlu dilakukan untuk berdakwah kepada sasaran dakwah yang bukan beragama Islam ialah cuba memahami

⁶³ Fathi Yakan (1994), *Menuju Kepada Islam, mengajak Umat Ke Jalan Allah*, Universiti Malaya, h:15.

⁶⁴ *Ibid.*,h: 15

dasar-dasar agama mereka dan adat-adat kebudayaan termasuk pantang larang⁶⁵.

Strategi kedua adalah tuntutan sikap rendah diri dan bijaksana dalam berdakwah. Pendekatan yang digunakan adalah menerusi dakwah bil hal, pembinaan hubungan, penonjolan diri dengan ketinggian status⁶⁶ serta kebijaksanaan dalam berdakwah.

3- Strategi Dakwah Dari Aspek Metod Pada Isi Kandungan Dakwah

Dari aspek ini, Ab Aziz Mohd Zin menjelaskan bahawa metod dakwah terdapat dalam semua komponen dakwah dan ia termasuklah metod pada isi dakwah. Metod pada isi tertakluk pada masalah sasaran tersebut dan tahap yang dimiliki oleh golongan sasaran.

Untuk itu, pendekatan yang perlu dilaksanakan adalah dengan mengenal pasti masalah dakwah dalam sesebuah kawasan ataupun tempat. Mengenalpasti masalah tersebut menjadi pendekatan yang sangat komprehensif. Ia menjadi satu pendekatan yang sangat bijak kerana menurut Abd Aziz Mohd Zin dalam tulisannya yang

⁶⁵ Ab Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Universiti Malaya, h:222.

⁶⁶ *Ibid.*, h:223

menjelaskan bahawa dakwah adalah penyelesaian masalah atau mengubati penyakit yang dihadapi oleh sasaran.

Selain daripada itu, penekanan terhadap perkara-perkara pokok juga merupakan satu pendekatan. Penekanan terhadap perkara pokok tersebut perlu diberikan perhatian di kalangan orang Islam di Malaysia kerana ia masih belum mantap untuk difahami. Perkara pokok tersebut adalah berhubung dengan ketuhanan, akhirat, akhlak, perkara-perkara yang haram menurut ajaran Islam seperti khurafat, syirik dan bid'ah serta kepercayaan masyarakat serta budaya orang Islam⁶⁷.

4- Strategi Dakwah Dari Aspek Metod Gaya Persembahan dan penyampaian

Bagi aspek gaya persembahan dan penyampaian dakwah, perkara yang perlu untuk diambil perhatian oleh gerakan dakwah adalah sasaran dakwah itu sendiri. Cara hidup, agama, persekitaran, adat resam, pantang larang serta budaya hidup menjadi elemen penting untuk dianalisis oleh sesebuah gerakan umumnya dan pendakwah khususnya.

⁶⁷ Ab Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Universiti Malaya, h:230.

Ab. Aziz Mohd Zin menerangkan bahawa gaya dan bentuk persembahan juga hendaklah diselaraskan dengan kesesuaian masyarakat Islam di Malaysia⁶⁸ dan juga cara penyampaian yang berkhidmat iaitu yang sesuai dengan keadaan dan dengan pendengar⁶⁹.

Selain daripada itu, bentuk penerangan yang diberikan ketika berdakwah diolah dengan kata-kata biasa, senang diterima akal sesuai dengan keadaan pendengar⁷⁰.

Pendakwahan juga perlu meninjau disebalik kemodenan alaf baru ini yang menjadikan E-Dakwah sebagai rangkaian gaya persembahan dakwah pada alaf baru ini. Ia sejajar dengan perubahan dunia terhadap arena ICT dan globalisasi dan yang paling penting, dakwah juga tidak harus ketinggalan dalam memahami budaya ICT ini.

E-Dakwah merupakan medium alaf baru yang mampu menyampaikan maklumat Islam dan sebagai medium rujukan secara on-line tanpa

⁶⁸ *Ibid., h:231.*

⁶⁹ Wan Hussien Azmi (1984), *Ilmu Dakwah*, UKM, h:76.

⁷⁰ *Ibid:, h:79.*

memerlukan tenaga dan perjalanan yang jauh untuk mendapatkan perkhidmatannya.⁷¹

Kewujudan laman web bertujuan utnuk menyampaikan sesuatu mesej atau maklumat kepada khalayak. Penyampaian mesej yang menggabungkan pelbagai media dalam masa serentak boleh menggabungkan pelbagai media dalam masa serentak boleh merangsang panca indera manusia untuk lebih aktif dan meninggalkan kesan yang mendalam.⁷²

Antara pendekatan yang boleh digunakan adalah menerusi dakwah bil hal iaitu contoh teladan yang baik, menerusi drama, memupuk kepercayaan menerusi pembinaan hubungan, perkhemahan, riadah yang diselitkan dengan unsur Islam, lawatan-lawatan, khidmat masyarakat serta rangkaian E-Dakwah yang merangkumi Perpustakaan Maya Islam, Cyber Taklim, FAQ (*Frequently Asked Question*), E-mail dan Newsgroup.

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa setiap cara penyampaian serta gaya bahasa adalah tertakluk kepada

⁷¹ Ab.Aziz Mohd Zin (1984), *Dakwah Dalam Pembinaan Islam Hadhri di Malaysia*, Universiti Malaya, h:113.

⁷² *Ibid.*, h: 117.

sasaran serta persekitarannya dan ia adalah amat penting untuk mengetahuinya kerana ia menjamin keberkesanan dakwah Islamiah.

5- Strategi Dakwah Dari Aspek Pendakwahan Bijaksana dan Efektif

Strategi yang dirangka perlu kepada pendekatan yang tertentu agar objektif sesuatu gerakan dakwah tercapai. Bagi aspek jentera pentadbiran dakwah, pelan perancangan jangka panjang dan pendek merupakan strategi dakwah yang sangat penting. Menerusi strategi ini, maka pendekatan tertentu sangat penting dalam melaksanakannya. Pendekatan pertama adalah dengan pelaksanaan sistem pendakwahan yang bijaksana dan efektif.

Pengalaman dakwah di Malaysia memerlukan kepada pendakwahan yang bijaksana. Kebijaksanaan ini terpancar daripada pengumpulan data-data yang diproses menjadi maklumat dan dianalisis menjadi ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan yang mendalam dan keupayaan menempatkan ilmu itu pada tempat dan keperluannya, memancarkan kebijaksanaan yang diperlukan di dalam proses pendakwahan⁷³.

Pendakwahan bijaksana, realistik dan berkesan memerlukan pembinaan sistem yang berteraskan ilmu yang dikaji daripada sumber

⁷³ Hj Mohd Nakhaie Hj Ahmad (2001), *Pendakwahan dan Pembentukan Masyarakat Bertamadun*, YADIM, h:14.

tradisi ilmu Islam dengan memanfaatkan pengalaman masa kini. Diikuti pula dengan kebijaksanaan usaha menempatkan ilmu itu di dalam ruang dan masa serta tempatnya yang sesuai. Penempatan ilmu ke dalam ruang masa dan tempat yang sesuai memerlukan kefahaman mendalam terhadap realiti semasa.

Menurut Hj Mohd Nakhaie Hj Ahmad dalam tulisannya menjelaskan bahawa sistem yang membentuk tamadun moden tidak dapat diganti dengan ceramah, kolokium, usrah dan qiamullail sahaja. Meskipun program-program tersebut adalah mekanisme yang berjaya membangkitkan kesedaran namun untuk terus menggerakkan dakwah menuju pembentukan tamadun, pembangunan sistem adalah diperlukan sehingga yang berhadapan dengan sistem moden bukan hanya ucapan tetapi sistem alternatif yang mempunyai kekuatan tersendiri⁷⁴.

Kesimpulannya, strategi dakwah perlu menitikberatkan metod atau metodologi yang digunakan dalam lima komponen dakwah iaitu metod pada para pendakwah, metod pada sasaran dakwah, metod pada isi kandungan dakwah, metod pada saluran media dakwah dan metod pada jentera pentadbiran gerakan dakwah. Maka daripada metodologi

⁷⁴ Hj Mohd Nakhaie Hj Ahmad (2001), *Pendakwahan dan Pembentukan Masyarakat Bertamadun*, UKM, h:16.

yang dihuraikan ini maka akan wujud pendekatan-pendekatan yang digunakan untuk menjayakan strategi dakwah tersebut.

Perancangan dan strategi dakwah pada zaman mutakhir ini amat penting. Sesuai dengan zaman kini adalah zaman perancangan dan strategi yang mana untuk melakukan sesuatu kerja yang kecil perlu kepada perancangan dan strategi maka pelaksanaan dakwah yang merupakan satu pekerjaan yang besar dan mencabar lebih memerlukan perancangan dan strategi⁷⁵.

Antara perancangan dan strategi yang boleh disusun didalam dakwah masa kini ialah memilih golongan yang berpotensi dikalangan sasaran supaya perkembangan dakwah menjadi lebih cepat. Demikian juga strategi pada media dan isi untuk penyesuaian dengan masyarakat sekarang yang sedang menuju wawasannya sebagai sebuah negara maju. Untuk itu, pendakwah harus mengenalpasti keadaan masyarakat menjelang abad akan datang dan apa ciri-cirinya untuk disusun suatu strategi yang berkesan. Strategi yang baik dalam dakwah akan melahirkan kesan yang baik dan begitulah sebaliknya. Pendakwah perlu mengikut metod pada strategi ini⁷⁶.

⁷⁵ *Ibid.*, h:98.

⁷⁶ *Ibid.*, h:98-99.

Kesimpulannya, pendakwahan yang dijalankan dalam suasana Malaysia ini amat memerlukan ilmu dan pengetahuan dan ia perlu diselaraskan dalam kehidupan semasa masyarakat masa kini. Pendakwahan berjalan selari dengan perubahan sosial semasa.

2.4 GERAKAN DAKWAH

Gerakan dakwah bolehlah digambarkan sebagai pengembangan atau gagasan idea yang diadaptasikan melalui penggabungan tenaga kerja, musyawarah dan usaha yang sistematik serta efektif untuk mencapai matlamat dakwah dan seterusnya memahami hakikat seruan dakwah Islamiah iaitu untuk memenuhi konsep fitrah insan dan membawa makna kebahagiaan sebenar kepada kehidupan manusia.

Ia bermaksud bahawa hasil dari idea para cendiakiawan dan intelektual Islam dirangkumkan dan dimusyawarahkan agar sentiasa dapat meningkatkan kualiti dalam penyebaran dakwah Islam di seantero dunia. Idea yang lahir akan digerakkan oleh sekumpulan manusia yang bergiat dalam sesebuah organisasi dakwahnya dan seterusnya cenderung untuk memaksimumkan kejayaan dakwah Islamiah.

Menurut Osman Bakar, gerakan dakwah Islamiah didukung oleh berbagai-bagai jenis pertubuhan dan persatuan termasuklah pertubuhan dan persatuan belia, pelajar, guru, kebajikan, akademik, politik, kebudayaan, pendidikan dan yang khusus didaftarkan sebagai

badan dakwah disamping ramai orang perseorangan yang bergiat sama ada secara bersendirian atau ataupun menerusi institusi tertentu.⁷⁷

A-KATEGORI GERAKAN DAKWAH

Gerakan dakwah mempunyai tiga kategori dalam peranannya melakukan perubahan sosial dalam masyarakat. Pertama ialah gerakan dakwah yang mempunyai *single mindedness of purpose* atau matlamat khusus. Kedua ialah gerakan dakwah yang berteraskan program yang menyalurkan khidmat kebajikan dan penerangan mengenai Islam secara menyeluruh. Manakala kategori gerakan dakwah yang ketiga ialah gerakan dakwah yang berteraskan masa yang bertujuan memperjuangkan cita-cita Islamiah secara bersepadu berdasarkan kesedaran Islam yang menyeluruh.⁷⁸

Islam dan gerakan dakwah tidak boleh berkembang dengan berkesan tanpa pembabitan organisasi Islam dalam kegiatan sosial kerana masyarakat Islam tidak boleh selamanya bertahan cuma dengan retorik tanpa adanya satu program yang lebih terencana dalam melakukan perubahan dalam masyarakat.⁷⁹

⁷⁷Osman Bakar (1991), “Implikasi Gerakan Dakwah ke atas Sistem Pendidikan Negara Kini”, *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 4, Bil 1-2, h: 26.

⁷⁸ Shaharuddin Badaruddin (2005), “*Gerakan Dakwah dan Perubahan Sosial di Malaysia*”, (Seminar Sejarah Sosial Malaysia Peringkat Kebangsaan dan Serantau 22-23 Julai 2005), h: 1.

⁷⁹ *Ibid*, .h: 1.

Ini bermakna bahawa setiap perjalanan dakwah perlu mengambil kira penglibatan organisasi dakwah dan persekitaran sebagai satu elemen penting dalam perjalanan gerakan dakwah. Kedua-dua elemen ini akan dijadikan sebagai panduan dan kemudiannya ia akan diadaptasikan menerusi perancangan dan pelaksanaan program dakwah yang menjadi tunjang kejayaan sesebuah gerakan dakwah.

B- PEMBENTUKKAN ORGANISASI SEBAGAI GERAKAN DAKWAH.

Pendakwah memainkan peranan yang amat penting dalam melaksanakan dan menyebarkan dakwah Islamiah. Tanggungjawab itu juga tertumpu kepada pemerhatian terhadap permasalahan yang wujud dalam masyarakat dan berusaha mencari alternatif agar masalah dakwah dapat diatasi. Tanggungjawab tersebut perlu dilaksanakan dalam satu gerak kerja yang sistematik agar matlamat dakwah dapat dicapai. Oleh itu, suatu organisasi diperlukan untuk menjelaskan dakwah kepada masyarakat.

Menurut Fathi Yakan, pembentukan organisasi sebagai gerakan Islam memerlukan pendakwah memerhatikan hal-hal yang telah dikemukakan oleh beliau dalam buku iaitu:

1- Dakwah Rasulullah SAW merupakan Suatu Gerakan⁸⁰

Berdasarkan kepada sejarah Islam, pembentukan Negara Islam yang dibentuk oleh Rasulullah SAW suatu ketika dulu menjadi landasan utama bahawa perlunya pembentukan gerakan Islam menerusi penubuhan organisasi dakwah. Rasulullah SAW tidaklah berpegang kepada cara bekerja secara individu. Sejak bermulanya dakwah Rasulullah, baginda sangat mementingkan satu gerakan yang teratur dan sistematik.

2- Bekerjasama adalah tugas keagamaan⁸¹

Menegakkan ajaran Islam merupakan sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah terhadap hambaNya. Oleh itu, kerjasama antara individu sesama individu dan masyarakat merupakan satu alternati yang sangat baik bagi menyampaikan risalah dakwah. Al-Quran ada menerangkan bahawa kaum Muslimin seharusnya tolong menolong dan bersatu padu dalam satu barisan ataupun organisasi.

⁸⁰ Fathi Yakan (1994), “*Menuju kepada Islam*”, Selangor: Thinkers Library., h. 125.

⁸¹ *Ibid.*, h:125.

Firman Allah S.W.T:

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَوْلَئِكَ هُمُ
آلُّمُفْلِحُونَ

Maksudnya: Hendaklah ada di antara kamu suatu golongan yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh orang berbuat baik dan melarang orang berbuat yang tidak baik dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.

Surah ali-Imran (3):104

Allah S.W.T berfirman:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللهِ وَلَوْلَا إِيمَانَ أَهْلِ
الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ مِّنْهُمْ
الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَسِقُونَ

Maksudnya: Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk umat manusia: kamu menyuruh orang berbuat baik dan melarang orang berbuat yang tidak baik dan kamu beriman kepada Allah.

Surah ali-Imran (3):110

3- Organisasi, Kepemimpinan dan Ikrar⁸²

Terdapat aspek lain yang perlu diberikan perhatian dalam usaha membentuk gerakan Islam iaitu bahawa dalam Islam setiap pekerjaan harus diatur. Ini harus dilaksanakan dan tidak boleh ditinggalkan. Pemimpin diperlukan bagi melaksanakan tugas-tugas dakwah. Pimpinan yang baik akan menghasilkan gerak kerja yang berkualiti.

4- Islam mewajibkan Organisasi⁸³

Islam amat mementingkan kesempurnaan terutama dalam penyampaian dakwah kepada sasarannya. Penyampaian dakwah akan lebih sistematik sekiranya wujud organisasi yang mengatur dan menyusun segala aspek yang berkaitan dengan dakwah. Gerakan dakwah yang wujud bertujuan untuk mewajibkan setiap orang beriman dan menjadikan Islam sebagai landasan hidup merupakan antara matlamat utama penubuhan gerakan dakwah.

Islam menyeru agar setiap pendakwah yang ingin menjadi sebahagian daripada ahli dalam gerakan dakwah menilai keempat perkara di atas agar matlamat dakwah dicapai dan seterusnya dapat mengembangkan lagi ajaran Islam.

⁸² Fathi Yakan (1994), “*Menuju kepada Islam*”, Selangor: Thinkers Library., h. 127.

⁸³ *Ibid.*,h:129.

2.5 CABARAN GERAKAN DAKWAH DALAM PERUBAHAN SOSIAL

Gerakan dakwah merupakan agen dalam perubahan sosial kerana ia bukan sahaja bertindak untuk memberikan khidmat dan penerangan mengenai Islam semata-mata tetapi ia juga bertindak sebagai agen dalam membentuk keadaan masyarakat dari satu tahap kepada satu tahap yang lebih baik dalam segenap aspek kehidupan masyarakat⁸⁴.

Dakwah bukan sahaja tertumpu kepada penjelasan kepada aqidah semata-mata tetapi dalam konteks masa kini, kesedaran juga perlu diterapkan kepada masyarakat dalam aspek pendidikan, ekonomi, pengurusan dan aspek lain. Ini merupakan sebahagian dari peranan gerakan dakwah iaitu untuk membentuk pemikiran masyarakat agar lebih terbuka dan lebih memahami konsep sebenar ajaran Islam itu⁸⁵.

Dalam konteks masa kini, keupayaan, kebijaksanaan dan pelan perancangan yang terancang oleh organisasi akan membantu dalam memaksimumkan kejayaan dakwah Islamiah. Untuk itu, gerakan dakwah perlu peka terhadap segala cabaran yang bakal dihadapi masa kini.

⁸⁴ Osman Bakar (1991), “Implikasi Gerakan Dakwah ke atas Sistem Pendidikan Negara Kini”, *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 4, Bil 1-2, h: 26.

⁸⁵ *Ibid.*,h:28

Menurut Shaharuddin Badaruddin⁸⁶ dalam penulisannya menjelaskan bahawa gerakan dakwah mempunyai cabaran tersendiri dalam mengharungi era globalisasi.

Antara cabaran yang dihadapi ialah kelainan dalam masyarakat dan perbezaan struktur sosio-politik dan sosio-ekonomi antara satu negara dengan negara yang lain, menurut respons yang tidak sama dalam melahirkan impak yang sewajarnya dari segi pendakwahan. Gerakan dakwah seharusnya arif berhubung kepelbagaian situasi dan suasana ini. Islam di Malaysia adalah Islam yang mempunyai ciri-ciri uniknya di samping berbeza dari Islam di Timur Tengah dan Islam di benua kecil India⁸⁷.

Cabaran yang kedua yang dihadapi oleh gerakan dakwah dalam perubahan sosial ialah *Powers That Be* iaitu yang menguasai dan menguasai sesebuah negara di Asia Tenggara ternyata meminati bentuk pembangunan yang berbeza untuk umat Islamnya. Pendekatan yang dipilihnya kadangkala tidak semestinya sesuai dengan kehendak Islam itu sendiri. Ada yang menekankan kejayaan manusia yang beragama Islam dan bukannya kehendak agama itu sendiri. Gerakan dakwah seharusnya peka terhadap masalah ini terutama dalam menanggapi masalah ini⁸⁸.

⁸⁶ Shaharuddin Badaruddin (2005), “*Gerakan Dakwah dan Perubahan Sosial di Malaysia*”, (Seminar Sejarah Sosial Malaysia Peringkat Kebangsaan dan Serantau 22-23 Julai 2005), h: 2.

⁸⁷ *Ibid.*,h:3

⁸⁸ Shaharuddin Badaruddin (2005), *op.cit* h: 2.

Selain daripada itu, halangan luar dan cabaran asing sentiasa menjadi persoalan dan beban kepada usaha-usaha pendakwahan. *Islam Phobia* yang sedia tertanam diperkuatkan lagi oleh kebimbangan terhadap kepentingan perdagangan dan komersial seandainya Islam menjadi kuat dan bertapak sentiasa menghantui beberapa pihak yang berkepentingan. Bukan mudah untuk para pendakwah mengurus permasalahan ini tambahan pula ia kini diselubungi oleh tuntutan globalisasi semasa⁸⁹.

Bukan itu sahaja, masalah dalaman di kalangan pendakwah itu sendiri menjadi cabaran dalam gerakan dakwah itu sendiri. Golongan ini bukannya golongan berpendirian serupa atau sama hatta ketika berdepan dengan satu-satunya daerah yang menjadi sasaran pendakwahannya. Gambarkan betapa kompleksnya keadaan apabila ratusan atau ribuan pendakwah berurusan dengan masyarakat berbekalkan persepsi yang tidak sama dan pendekatan yang berbeza. Aliran inilah yang selalunya menyebabkan gerakan dakwah terpaksa berselisih antara satu sama lain yang kadangkala terbawa-bawa dalam bidang-bidang yang lain yang menyentuh politik, ekonomi dan sosial.

Manakala cabaran terakhir adalah apabila gerakan dakwah juga dalam keghairahannya menterjemahkan prinsip dan pedoman Islam seringkali membuat intropesi dan invokasi sejarah yang boleh membebangkan pendakwahan sendiri. Mereka mengukir zaman lepas Islam secara berlebihan sehingga terpacak dalam pemikiran masa kehidupan yang ideal yang tidak mewakili suasana semasa. Lantaran itu banyak gerakan dakwah yang menjadi

⁸⁹ *Ibid.*,h:3

marah dan kecewa apabila gagal mengulangi sejarah yang pernah dikehendaki oleh umat Islam.⁹⁰

Zulkiple Abd Ghani⁹¹ dalam penulisannya mengutarakan analisis serta pandangan beliau mengenai beberapa aspek pemahaman tentang gerakan dakwah khususnya dalam konteks Malaysia. Menurut penulisannya, beliau memberikan beberapa saranan yang boleh dikemukakan untuk mempercepatkan dan memantapkan proses mewujudkan tema Islam progresif dan saranan ini boleh dijadikan panduan serta cadangan untuk memantapkan lagi pelaksanaan gerakan dakwah.

Antara saranan yang dikemukakan ialah wujudkan suasana perbincangan dan perbahasan kondusif dikalangan pemimpin dan khalayak umat Islam. Perbincangan yang sihat dapat mewujudkan budaya berfikir dan meningkatkan kefahaman ummah terhadap Islam. Peningkatan tahap pendidikan formal belum mencukupi jika konsep pendidikan sepanjang hayat tidak berjaya diinstitusikan dalam masyarakat. Masyarakat mesti difahamkan dengan adab-adab mengendalikan perbezaan pendapat serta mengutamakan kaedah ilmu dari pertimbangan emosi dalam membuat kesimpulan. Kewujudan karenah birokrasi akan membantutkan proses pendakwahan⁹².

⁹⁰ *Ibid.*, h: 4.

⁹¹ Zulkiple Ad Ghani (2003), “*Gerakan Dakwah: Satu Takrifan Semula untuk Melahirkan Islam yang Progresif*” (Kertas Seminar Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam 29-31 Januari 2002), h: 1.

⁹² *Ibid.*, h: 2.

Saranan kedua ialah gerakan dakwah perlu kurangkan konflik sesama mereka terutama dalam perbahasan manhaj mereka lebih baik dari yang lain. Konflik sehingga timbulkan permusuhan boleh dianggap tercela malah melemahkan penggunaan sumber tenaga, masa dan kewangan hingga mengabaikan aspek prioriti yang sepatutnya difokuskan. Pendekatan dakwah dalam bentuk (memberi tekanan, akomodasi, rakan kerjasama, suasana kampung, dan ekonomi Islam boleh dianggap sebagai melengkapi antara satu sama lain kerana mempunyai kelemahan dan kekuatan masing-masing⁹³.

Selain daripada itu, meningkatkan aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) khususnya yang berkaitan dengan pengislaman. Pengalaman pelaksanaan bidang muamalat boleh dijadikan contoh kepada bidang-bidang yang lain. Konsep, teori dan khazanah ilmu Islam perlu dibongkar dengan kerangka analisis yang lebih jitu dan berpijak di bumi nyata. Ternyata gabungan antara mereka yang khusus dalam pengajian Islam dengan mereka dalam profesion lain perlu dimantapkan sebagai jalan pintas ke arah membuat eksperimen model pengislaman⁹⁴.

Bukan itu sahaja, peningkatan strategi dakwah dipertingkatkan dengan mewujudkan prasarana dan disokong oleh ‘*political will*’. Dakwah keluar iaitu kepada sasaran bukan Islam tidak diberikan perhatian serius oleh hampir semua gerakan Islam. Jika ukur peratus tenaga, masa dan kewangan yang dicurahkan, sebahagian besar gerakan Islam memfokuskan sumber mereka kepada proses islah iaitu membina dan membangunkan

⁹³ Zulkiple Ad Ghani (2003), op.cit., h: 3.

⁹⁴ Zulkiple Ad Ghani (2003), “*Gerakan Dakwah: Satu Takrifan Semula untuk Melahirkan Islam yang Progresif*” (Kertas Seminar Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam 29-31 Januari 2002), h: 3.

individu dan komuniti Islam. Strategi pendakwahan perlu berjalan serentak iaitu dakwah keluar kepada non muslim dan proses islah kepada muslim⁹⁵.

Saranan terakhir yang dikemukakan ialah ajaran Islam perlu diproklamasikan sebagai ajaran universal yang bukan sahaja sesuai dalam memberi kebajikan kepada orang Islam tetapi juga memberi rahmat kepada orang bukan Islam⁹⁶.

Pengalaman dan kejayaan pelaksanaan sistem takaful yang berjaya menarik perhatian ramai orang bukan Islam misalnya merupakan pengajaran yang berguna. Keunggulan sistem Islam dalam aspek ekonomi, politik, pendidikan, kesenian, perubatan, kekeluargaan dan sebagainya perlu diketengahkan dengan strategi yang betul. Tendensi untuk menjadikan ajaran Islam sebagai amalan eksklusif kumpulan atau hanya untuk kumpulan atau kampung mereka sahaja perlu dielakkan⁹⁷.

Selain itu, Zulkiple Abd Ghani juga menyentuh beberapa pandangan penulis lain. Antaranya pandangan yang dikemukakan oleh Mohammad Abu Bakar dalam penilaian terbarunya meletakkan kedudukan dakwah dalam situasi dipersimpangan jalan.

⁹⁵ Zulkiple Ad Ghani (2003), op.cit., h.3.

⁹⁶ Zulkiple Ad Ghani (2003), “*Gerakan Dakwah: Satu Takrifan Semula untuk Melahirkan Islam yang Progresif*” (Kertas Seminar Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam 29-31 Januari 2002), h: 4.

⁹⁷ *Ibid.*, h: 4.

Bagi beliau ‘realiti’ yang dituju dalam proses pendakwahan nampaknya tidak kemana malah dalam kategori tertentu dakwah dikatakan menjadi mangsa kejayaannya. Momentum dakwah disatu peringkat dirasakan begitu optimis untuk meletakkan Islam di ruang tengah segala aktiviti kehidupan tetapi tidak mempunyai cukup kuasa turbo untuk melonjak secara lebih pantas dan berkesan. Penghalang utama kepada aspek pengrealisasian itu banyak diletakkan kepada sikap umat Islam itu sendiri yang terperangkap dalam landskap pembangunan sosioekonomi, politik dan budaya semasa. Pensejagatan persekitaran dengan budaya seronok masih dominan terutama dengan bantuan teknologi komunikasi maklumat yang baru⁹⁸.

Barangkali pendekatan ‘mengkritik diri sendiri’ memungkinkan beberapa kuasa turbo dikembalikan untuk membantu gerakan dakwah. Pendekatan ini bukan baharu dikalangan mereka yang terlibat dengan gerakan dakwah yang dikenali umum dengan memantapkan pengurusan organisasi, mengukuhkan metodologi dakwah dan mencadangkan kesatuan bentuk dan hala tuju gerakan dakwah seluruh dunia⁹⁹.

Yusuf al-Qaradawi pula membangkitkan ‘perlakuan ekstrem’ dikalangan para Islamik yang gagal menilai antara isu sampingan dan isu prioriti. Berhubungan dengan kedudukan dakwah dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, ironisnya kedudukan tersebut sebenarnya adalah kelebihan pada dakwah kerana dakwah mempunyai sasaran sebenar.

⁹⁸ Zulkiple Ad Ghani (2003), “*Gerakan Dakwah: Satu Takrifan Semula untuk Melahirkan Islam yang Progresif*” (Kertas Kerja Seminar Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam 29-31 Januari 2002), h: 4.

⁹⁹ *Ibid.*, h: 4.

Sasaran tersebut perlu dimanfaatkan dengan melipat gandakan usaha keluar secara lebih sistematik.

Selain daripada itu, cabaran gerakan dakwah ini juga telah dijelaskan oleh Abd Aziz Md Zin dalam bukunya yang menjelaskan tentang permasalahan sebenar dakwah itu sendiri. Secara khususnya, permasalahan yang wujud dalam gerakan dakwah adalah berpunca daripada beberapa aspek penting yang berkait rapat antara satu sama lain.

Menurut Ab. Aziz Mohd Zin, dakwah Islamiah ialah usaha untuk membentuk pemikiran dan sikap manusia supaya berada di dalam satu acuan yang ditentukan oleh Allah. Untuk mencapai matlamat tersebut terdapat banyak masalah terpaksa dihadapi oleh dakwah yang datang dari berbagai-bagai pihak. Namun keadaan tersebut tidaklah bermakna bahawa adakalanya dakwah tidak menghadapi apa-apa masalah¹⁰⁰.

Menurut H. Abd Rahim Arsyad¹⁰¹ pula dakwah adalah usaha-usaha penyampaian ajaran Islam yang dilakukan secara sedar dan terancang dengan menggunakan cara-cara tertentu untuk mempengaruhi orang lain agar dapat mengikuti apa yang disampaikan kepadanya tanpa ada unsur paksaan. Pengertian dakwah tersebut tidak terlepas daripada beberapa unsur asas iaitu:, pendakwah, penerima dakwah, metodologi dakwah, media dakwah, bahan dakwah serta kewangan dakwah.

¹⁰⁰ Ab. Aziz Mohd Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, h: 135.

¹⁰¹ Abd.Rahim Arsyad (2005), “Membangun Masyarakat Moden yang Berilmu dan Berakhhlak”, Kuala Lumpur :KUIM, h: 58.

Beliau juga menjelaskan bahawa penyelenggaraan dakwah Islamiah masih menghadapi sejumlah permasalahan yang kompleks di mana perlu difikirkan bersama oleh pakar dakwah untuk mendapatkan penyelesaian dan rumusan terbaik agar segera dapat diatasi, antara lain:

1. Institusi-institusi dakwah belum dapat memprogramkan dakwah secara konsepsual.
2. Sistem dakwah belum dilaksanakan dan diuruskan secara profesional.
3. Tujuan dakwah belum relevan dengan permasalahan umat.
4. Belum ada kesamaan sikap para da'i dalam mengembangkan tugas dakwahnya.
5. Komunikasi yang terputus antara pendakwah di institusi pendidikan tinggi atau formal dengan pendakwah bebas atau lapangan.
6. Peta dakwah belum dibuat secara baku dan jelas.
7. Krisis ulama dan kehilangan panduan masyarakat.¹⁰²

Manakala Ab.Aziz Mohd Zin¹⁰³ pula menyatakan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh dakwah sekarang terdapat pada beberapa tempat iaitu pendakwah, jentera dakwah atau organisasi dakwah, sasaran dakwah serta musuh dakwah.

Berdasarkan kepada keterangan di atas, cabaran dalam gerakan dakwah pada masa kini adalah berpunca daripada pendakwah, sasaran dakwah, sistem organisasi dakwah itu sendiri serta faktor persekitaran dakwah itu sendiri. Untuk itu, usaha untuk mengatasi setiap

¹⁰² Abd.Rahim Arsyad (2005), op.cit , h: 59-63.

¹⁰³ Ab. Aziz Mohd Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, h: 135.

permasalahan yang timbul perlu dititikberatkan oleh setiap pendakwah dan juga masyarakat Islam amnya.

Oleh sebab itulah, penyelidikan perlu dijalankan oleh umat Islam itu sendiri agar segala permasalahan yang timbul dapat dikaji dan dibentangkan serta penyelesaian terhadapnya akan terlaksana. Usaha ke arah penyelesaian kepada setiap isu yang timbul dalam masyarakat tidak akan tercapai sekiranya tidak wujud interaksi positif antara pendakwah dan masyarakat Islam semasa. Keterlibatan antara dua pihak amat diperlukan bagi menjaga kepentingan dan kesucian agama Islam itu sendiri.

2.6 DAKWAH MASA KINI

Dakwah masa kini atau pada era moden boleh dianggap bermula sejak kejatuhan khilafah Islamiyyah di Turki pada tahun 1924. Terdapat beberapa isu penting yang boleh diperkatakan berkenaan dakwah Islamiah pada masa kini¹⁰⁴:

- 1- Walaupun dunia hari ini dicengkam oleh kuasa besar yang kufur kepada Allah SWT dan menentang Islam namun mereka tidak berjaya mensifarkan golongan yang menyeru ke jalan kebenaran ini. Maka akan terus wujud golongan manusia yang membawa mesej Islam¹⁰⁵.

¹⁰⁴ Yuseri Ahmad (2000), *Dakwah Masa Kini: Isu dan Cabaran*, KUIM, h: 51-52.

¹⁰⁵ *Ibid.*, h:51.

2- Bentuk dakwah yang disampaikan kini semakin bervariasi. Ada dakwah yang disampaikan secara individu melalui golongan ulama *rābbānīyyīn* dan pada *du'at*. Tidak kurang juga gerakan dakwah yang dilakukan secara berkumpulan dan berorganisasi dengan mempunyai matlamat dan hala tuju yang tersendiri. Terdapat juga gerakan dakwah yang digerakkan oleh kerajaan sendiri di negara umat Islam¹⁰⁶.

Dakwah pada masa kini sebenarnya berhadapan dengan cabaran yang amat banyak. Terdapat tiga cabaran utama iaitu cabaran kuasa besar, globalisasi dan kemajuan teknologi¹⁰⁷.

2.7 GERAKAN DAKWAH DI KOTA KINABALU

Terdapat beberapa pertubuhan mahupun gerakan dakwah yang aktif menjalankan aktiviti dakwahnya di negeri Sabah. Setiap pertubuhan ataupun gerakan dakwah ini mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk menyebarkan dakwah Islamiah cuma pendekatan dan strategi mungkin agak berbeza antara satu dengan yang lain.

¹⁰⁶ Yuseri Ahmad (2000), op.cit., h. 52.

¹⁰⁷ *Ibid.*, h: 52.

Untuk itu, pengkaji ingin menjelaskan secara umumnya mengenai gerakan dakwah yang wujud di sekitar Kota Kinabalu. Selain daripada USIA, terdapat juga gerakan lain yang wujud dan bergerak secara aktif dalam perjalanan dakwah di Kota Kinabalu. Antara gerakan dakwah yang aktif menjalankan usaha dakwahnya di negeri Sabah ialah:

a- JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS)

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) merupakan salah satu daripada jabatan yang diletakkan dibawah pengurusan kerajaan negeri. Ia memainkan peranan yang sangat penting dalam pengurusan dan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Sabah. Jabatan ini menjalankan aktiviti dakwahnya menerusi organisasi-organisasi yang telah ditetapkan menerusi pembahagian unit-unit tertentu¹⁰⁸.

Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) bermula pada 1 Januari 1996. Sebelum itu, Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Sabah dikendalikan oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Tugas dan tanggungjawab yang dikendalikan oleh MUIS telah dibahagikan kepada tiga (3) buah agensi yang telah dijabatankan iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Jabatan Kemuftian dan Jabatan Kehakiman Syariah¹⁰⁹.

¹⁰⁸ Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, <http://www.jheains.sabah.gov.my>. 20 Januari 2011.

¹⁰⁹ Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, <http://www.jheains.sabah.gov.my>. 20 Januari 2011.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) merupakan agensi Jabatan Kerajaan Negeri di bawah Jabatan Ketua Menteri, Sabah. JHEAINS ditubuhkan melalui Kertas Kabinet Bil.25/95, RCC.101/469 Jld.3, 11 Ogos 1994 bagi melaksanakan dasar-dasar Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS). Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS) adalah berfungsi menggubal dasar dan polisi berkaitan pentadbiran hal ehwal Islam di negeri Sabah dan mengawasi pelaksanaan dasar berhubung dengan pentadbiran keadilan¹¹⁰.

Selain itu, MUIS berfungsi menasihat Yang DiPertua Negeri dalam perkara-perkara tertentu yang disebut dalam Enakmen Majlis Ugama Islam Sabah No. 5 Tahun 2004 dan Enakmen-enakmen lain yang berkaitan. Rasional penubuhan JHEAINS adalah selaras dengan peranannya sebagai agensi pelaksana dan penguatkuasa bagi MUIS berdasarkan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Sabah 1992 dan kemudiannya diubah kepada Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah No.5 tahun 2004¹¹¹.

Tanggungjawab utamanya ialah melaksanakan polisi-polisi yang digubal oleh MUIS, menguatkuaskan undang-undang Islam berkaitan kekeluargaan Islam seperti perkahwinan, perceraian dan rujuk serta nafkah dan penjagaan; pengawalan sekolah-sekolah agama Islam; kesalahan-kesalahan jenayah syariah; mengurus tadbir pembinaan, penyelenggaraan dan pengimaran masjid/surau; pelaksanaan dan pemantauan aktiviti dakwah dan perkara-perkara lain berhubung dengannya serta meneruskan tugas dan tanggungjawab

¹¹⁰ Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, <http://www.jheains.sabah.gov.my>. 20 Januari 2011

¹¹¹ Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, <http://www.jheains.sabah.gov.my>. 20 Januari 2011

melaksanakan perkhidmatan sebelum ini dilaksanakan oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).¹¹²

Jabatan ini diketuai oleh seorang Pengarah yang dibantu oleh dua orang Timbalan Pengarah disamping beberapa orang Ketua Penolong Pengarah (KPP), dan pegawai staf yang berbagai-bagai jawatan dan pangkat. JHEAINS mempunyai 11 bahagian iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan, Bahagian Pembangunan, Bahagian Zakat & Fitrah, Bahagian Pentadbiran Syariah, Bahagian Pendakwaan, Bahagian Penguatkuasa Syariah, Bahagian Dakwah, Bahagian Penyelidikan & Informasi, Bahagian Pendidikan, Bahagian Pentadbiran Wilayah & Daerah dan Unit Makanan Gunaan¹¹³.

- Visi Jabatan Hal Ehwal Negeri Sabah adalah menjadi sebuah institusi berwibawa dalam mengembangkan syiar Islam dan melahirkan masyarakat sejahtera.
- Misi Jabatan Hal Ehwal Negeri Sabah ialah mewujudkan pengurusan hal ehwal Islam yang cekap & berkesan.
- Matlamat Jabatan Hal Ehwal Negeri Sabah ialah menjadi sebuah organisasi contoh dalam mengangkat martabat ummah ke arah mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat berdasarkan nilai-nilai taqwa.

¹¹² Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, <http://www.jheains.sabah.gov.my>. 20 Januari 2011

¹¹³ Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, <http://www.jheains.sabah.gov.my>. 20 Januari 2011

- Objektif Jabatan Hal Ehwal Negeri Sabah adalah mengurus hal ehwal islam melalui pendidikan, dakwah dan undang-undang syariah untuk mencapai kesejahteraan ummah.
- Fungsi Jabatan Hal Ehwal Negeri Sabah adalah seperti berikut:
 1. Melaksanakan Enakmen dan Dasar-dasar yang digubal oleh Majlis Ugama Islam Sabah(MUIS)
 2. Melaksana, memantau dan mengukuh aktiviti dakwah.
 3. Menguatkuasa dan melaksana Undang-undang kekeluargaan Islam berkaitan perkahwinan, perceraian dan rujuk, serta nafkah dan penjagaan.
 4. Melaksanakan penguatkuasaan dan pendakwaan kesalahan-kesalahan jenayah syariah.
 5. Mengawal sekolah-sekolah agama Islam.
 6. Membina dan mengurus pentadbiran sekolah agama negeri, masjid, surau dan taman perkuburan
 7. Melaksana pengurusan makanan dan bahan gunaan Islam (HALAL) Negeri Sabah.
 8. Perkara-perkara lain berhubung dengannya serta menjalankan tugas dan tanggungjawab melaksanakan perkhidmatan yang digariskan dalam Enakmen-Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Sabah Warga JHEAINS berpegang kepada Tujuh (7) Nilai Bersama dalam melaksanakan misinya ke arah pencapaian visi yang ditetapkan iaitu: Jati Diri, Harmoni

Etika, Amanah, Iman, Ikhlas dan Integriti, Nilai-Nilai Murni dan Semangat Kerja Berpasukan¹¹⁴.

b- JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA CAWANGAN SABAH
(JAKIM)¹¹⁵

JAKIM bertapak di Sabah bermula pada tahun 1978 apabila Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri menghantar dua orang pegawai agama ke Sabah. Kedua-dua pegawai ini bertugas sebagai Pegawai Perhubungan kepada Institusi Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) dan Pusat Penyelidikan Islam (PPI) Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri. Ianya berfungsi untuk mempertingkatkan penyelarasan aktiviti dakwah bersama MUIS, JHEAINS, USIA, agensi-agensi kerajaan, badan-badan dakwah dan NGO'S di negeri Sabah. Pejabat Bahagian Ugama, JPM yang paling awal terletak di sebuah rumah kedai dua tingkat, yang terletak di Jalan Penampang, Kota Kinabalu¹¹⁶.

Cawangan ini telah diperluaskan fungsinya apabila Kerajaan Negeri Sabah menyerahkan empat buah Pusat Latihan Dakwah (PLD) kepada Kerajaan Persekutuan untuk diurustadbirkan iaitu Pusat Latihan Dakwah Keningau, Pusat Latihan Dakwah Sikuati, Kudat, Pusat Latihan Dakwah Tongod (1984) dan Pusat Latihan Dakwah Kundasang

¹¹⁴ Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, <http://www.jheains.sabah.gov.my>. 20 Januari 2011

¹¹⁵ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/cawsabah/index.html>. 25 Januari 2011

¹¹⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/cawsabah/index.html>. 30 Januari 2011

(1987) manakala pada tahun 1999 sebidang tanah di Lahad Datu telah diberi oleh Kerajaan Negeri Sabah untuk pembinaan Pusat Latihan di Pantai Timur Negeri Sabah¹¹⁷.

Pada tahun yang sama (1984) Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM (BAHEIS) secara rasminya menubuhkan cawangannya di Sabah dengan nama BAHEIS Bahagian Sabah dengan tambahan enam orang lagi pegawai yang ditempatkan di pusat-pusat latihan sebagai tenaga pengajar. Pada tahun 1985, apabila Kompleks Wisma MUIS siap dibina, BAHEIS Bahagian Sabah telah berpindah ke Wisma MUIS sehingga sekarang¹¹⁸.

Pada 1 Januari 1997, BAHEIS telah dinaikkan taraf menjadi sebuah Jabatan dikenali Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. Sehubungan dengan itu BAHEIS Bahagian Sabah telah dikenali dengan nama baru iaitu JAKIM Cawangan Sabah. Sehingga tahun 2005 keseluruhan pegawai dan kakitangan JAKIM Cawangan Sabah berjumlah 107 orang¹¹⁹.

- Visi JAKIM ialah berperanan sebagai sebuah “Agenzi Pusat” yang unggul dalam menguruskan hal ehwal Islam ke arah melahirkan ummah yang progresif dan berakhhlak mulia.

¹¹⁷ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/cawsabah/index.html>. 30 Januari 2011

¹¹⁸ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/cawsabah/index.html>. 21 Februari 2011

¹¹⁹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/cawsabah/index.html>. 30 Januari 2011

- Misi JAKIM ialah menguruskan sistem pengurusan berkualiti dalam hal ehwal Islam bagi merealisasikan penghayatan Islam sebagai Ad-Din melalui penyelidikan, pendidikan dan penggunaan teknologi maklumat.
- Objektif JAKIM adalah memastikan ajaran Islam tersebar luas kepada seluruh masyarakat; Membentuk kepimpinan yang berwibawa dan melahirkan tenaga pengurusan yang terlatih, berketerampilan, dedikasi dan berhemah; Menghasilkan sistem pengurusan yang berteraskan nilai dan etika Islam.
- Fungsi JAKIM Cawangan Sabah ialah
 1. Mempertingkatkan penyelarasan aktiviti dakwah bersama MUIS, JHEAINS, USIA, Agensi Kerajaan dan NGO'S.
 2. Mempertingkatkan kualiti dan kuantiti para daie' serta menerapkan etika kerja Islam di kalangan pengurus, pentadbir dan kumpulan sokongan.
 3. Menyediakan input dalam bidang penyelidikan untuk penggubalan dan perancangan dasar di bahagian penyelidikan JAKIM.
 4. Menyediakan khidmat sokongan untuk ibu pejabat JAKIM Cawangan Sabah dan Pusat-pusat Latihan dengan cekap dan berkesan.
 5. Memperkuuh jalinan hubungan (networking) di kalangan agensi kerajaan persekutuan, negeri, NGO'S dan masyarakat setempat.
 6. Etika Kerja JAKIM
 - Bekerja Dengan Keimanan dan Ketakwaan
 - Bekerja Dengan Profesional

- Bertindak Sebagai Satu Pasukan
- Bersedia Memimpin dan Dipimpin
- Berkhidmat Untuk Kebahagiaan Semua

7. Unit JAKIM

- Unit Dakwah
- Unit Penyelidikan
- Unit KAFA
- Unit Takmir Masjid
- Unit Pentadbiran dan Kewangan

c- PERTUBUHAN ISLAM SELURUH SABAH (USIA)¹²⁰

Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) telah ditubuhkan pada 14 Oktober 1969, berikutan keputusan Kongres Masyarakat Islam dua bulan sebelum itu. Pertubuhan ini wujud hasil gabungan tiga persatuan Islam yang besar di negeri ini iaitu Persatuan Islam Putatan, Persatuan Islam Sabah dan Persatuan Islam Tawau.

Sejak itu, USIA terus memainkan peranan yang amat bermakna dalam gerakan Dakwah di Negeri Sabah. Antara kejayaan besar USIA termasuklah penubuhan Majlis Ugama Islam

¹²⁰ Pertubuhan Islam Seluruh Sabah, <http://www.myusia.gov.my>. 21 Februari 2011

Sabah (MUIS) pada 26 April 1972 dan pengisytiharan Islam sebagai agama rasmi Negeri Sabah pada 23 September 1973. Sebagai sebuah pertubuhan Islam yang terbesar di negeri ini, pengalaman USIA dalam mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan demi menegakkan kalimah Allah telah membolehkan pertubuhan ini terus relevan di pentas dakwah tanah air.

Strategi utama USIA ialah menganjurkan program-program berterusan dalam pelbagai bidang agama khususnya dakwah, pendidikan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pembangunan sumber manusia dan ekonomi.¹²¹

2.8 PENUTUP

Kesimpulannya gerakan dakwah yang wujud di Malaysia kini berusaha untuk memberikan yang terbaik untuk kehidupan sasaran dakwahnya. Tetapi perlu diingat bahawa kejayaan dakwah bukanlah sesuatu yang perlu dibanggakan bahkan ia menjadi satu sumber kekuatan dan inspirasi kepada para penggerak dakwah untuk terus tampil dimasa hadapan dengan idea dan pemikiran yang lebih mantap sesuai dengan perkembangan aliran zaman masa kini selagi mana ia tidak melanggar syariat Islam.

¹²¹ Pertubuhan Islam Seluruh Sabah, <http://www.myusia.gov.my>, 25 Februari 2011.

Gerakan dakwah perlu peka dan sentiasa mengambil inisiatif untuk terus meningkatkan kualiti dakwah menerusi pengkajian dan penelitian yang mendalam dalam aspek sosial masyarakat masa kini dengan mengambil kira kepada persekitaran sasaran dakwah masa kini. Pendekatan yang konservatif perlu ditambah sedikit dengan nilai yang lebih segar dan sesuai selagi mana nilai dan pembaharuan yang dibuat tidak menyalahi tuntutan syara'.

Cabaran yang datang perlu dianggap sebagai kekuatan dan pendorong untuk melahirkan strategi pelan perancangan sistematik, daya kepimpinan, semangat berpasukan dan toleransi serta keupayaan melahirkan idea serta gagasan yang baru bagi menjadikan gerakan dakwah akan lebih maju dan efektif dalam usaha merealisasikan dan memaksimumkan sebanyak mungkin kejayaan di masa hadapan.

BAB TIGA: PERTUBUHAN ISLAM SELURUH SABAH (USIA)

3.1 PENGENALAN

Perjalanannya dakwah di Sabah mempunyai keunikannya yang tersendiri berbanding dengan negeri-negeri lain. Faktor politik memainkan peranan yang penting dalam perjalanan gerakan dakwah di Sabah. Oleh sebab itu penulis akan menerangkan mengenai peristiwa yang berlaku suatu ketika dulu sehingga membawa kepada pertumbuhan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah ataupun USIA.

Dalam bab ini juga penulis akan menjelaskan tentang Jawatankuasa-jawatankuasa USIA, carta organisasi USIA, keahlian USIA dan beberapa perkara lagi yang berkaitan dengan USIA.

3.2 SEJARAH GERAKAN ISLAM DI SABAH

Berdasarkan kepada tinjauan sejarah, Sabah mempunyai latarbelakang penyebaran agama yang menarik berbanding dengan negeri-negeri di Malaysia. Ini kerana penyebaran agama Islam di Sabah berkaitan dengan perjalanan politik pada suatu ketika dulu.

Jika dtinjau dari sudut sejarah, sejak kemasukan Inggeris, gerakan Kristian telah berjaya membentuk rangkaian aktiviti dan organisasinya. Melalui rangkaian tersusun, gerakan ini telah berjaya melaksanakan usaha Kristianisasi di kalangan rakyat Sabah terutama di kawasan pedalaman. Walau bagaimanapun usaha ini agak terbantut secara *superficial* apabila Sabah bergabung dengan Malaysia sebagai salah sebuah negeri dalam Persekutuan pada tahun 1963¹²².

Pendekatan politik parti USNO (*United Sabah Nasional Organisation*) di bawah pimpinan Allahyarham Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun menjalankan usaha pengislaman pada tahun 1960-an secara langsung mewujudkan tekanan ke atas gerakan Kristianisasi. Tetapi usaha politik Allahyarham Tun Datu Haji Mustapha ini tidak mematikan perancangan aktiviti dan perkaderan Kristian secara jangka panjang. Ini terbukti pada zaman Parti BERJAYA (Bersatu Rakyat Jelata Sabah) yang berjaya menumpaskan perjuangan USNO pada tahun 1975. Suasana aman dan tenang di bawah BERJAYA telah mewujudkan penonjolan semula kegiatan Kristian.¹²³

Apabila Sabah berkerajaan sendiri dan merdeka pada 16 September 1963 maka agama Islam terpaksa berhadapan dengan 20 syarat dimana agama Islam bukan agama rasmi di Sabah. Sementara orang-orang Kristian terus bergerak secara senyap untuk menyebarkan dakyah kristian mereka¹²⁴.

¹²² Ismail Yusoff (2004), *Politik dan Agama di Sabah*, Bangi: UKM, h.23.

¹²³ *Ibid*, h.24

¹²⁴ Ismail Yusoff (2004), op.cit, h.23.

Melihat keadaan begitu serius maka umat Islam di Sabah terus bangkit dan bersatu dalam USIA di bawah pimpinan Allahyarham Tun Datu Haji Mustapha.¹²⁵ Beliau merupakan pemimpin kepada dua buah parti bumi di Sabah. USNO dipimpin oleh beliau dan UNKO dipimpin oleh Tun Fuad Stephen. Ketika membincangkan soal kemasukan Sabah ke dalam Malaysia, kedua-dua buah parti tersebut membuat persetujuan bersama bahawa 20 perkara yang dikemukakan sebagai syarat kemasukan Sabah ke dalam Malaysia mestilah dilindungi dalam perlembagaan¹²⁶.

Manakala Suruhanjaya Cobbold iaitu wakil dari Bangsa-Bangsa Bersatu juga telah mengatur laporannya pada bulan Julai 1962 bahawa 20 syarat kemasukan Sabah ke dalam Malaysia itu mestilah mendapat perlindungan dalam Perlembagaan. Antara 20 syarat yang dikemukakan itu ialah : Bahasa perhubungan rasmi ialah bahasa Inggeris, Imigresen dan Pendidikan mestilah dibawah kuasa Kerajaan Negeri dan Islam bukan agama rasmi Sabah¹²⁷.

Syarat ‘Islam Bukan Agama Rasmi Sabah’ inilah diantara syarat yang paling berat untuk diterima oleh umat Islam di Sabah. Akan tetapi oleh kerana bilangan umat Islam di Sabah ketika itu hanya 38% sahaja, sama ada mahu atau tidak, terpaksa menerima syarat tersebut.

¹²⁵ Ag Sahari Abd Latif (2006), “Peranan USIA dalam Membina Kepentingan Agama Islam di Sabah”, (*Risalah USIA Siri 8*), h. 1

¹²⁶ Ismail Yusoff (2004), op.cit, h.24.

¹²⁷ *Ibid.*, h. 25.

Jika tidak bersetuju dengan syarat tersebut, kemasukan Sabah ke dalam Malaysia akan terhalang.¹²⁸

Akhirnya atas kesedaran pemimpin-pemimpin Islam pada masa itu, ia telah membawa satu perubahan yang besar dalam sejarah Islam di Sabah. Selepas Sabah mencapai kemerdekaan melalui Persekutuan Malaysia, agenda untuk menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri ini telah menjadi agenda utama pemimpin Islam di Sabah terutamanya semasa era pemerintahan Allayarham Tun Datu Haji Mustapha. Malangnya agenda ini tidak diberi perhatian dan ini membawa kepada perletakan jawatan beliau sebagai Yang Di Pertua Sabah pada ketika itu¹²⁹.

Kemudian beliau mula aktif dalam politik dan akhirnya berjaya menjadi Ketua Menteri Sabah pada 11 Mei 1967 sehingga 1 Oktober 1975. Setelah menjawat jawatan Ketua Menteri Sabah, selain menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi Sabah, agenda lain Allayarham Tun Datu Haji Mustapha ialah menyatukan masyarakat Islam melalui USIA yang ditubuhkan hasil gabungan Persatuan Islam Tawau, Persatuan Islam Putatan dan Persatuan Islam Sabah.¹³⁰

Berikutan dengan tamatnya kegiatan KJM diakhir tahun 1959 terdapat sebuah lagi persatuan yang berpusat di Putatan ditubuhkan. Persatuan yang dikenali dengan nama

¹²⁸ Ismail Yusoff (2004), op.cit, h. 8-9.

¹²⁹ Muhiddin Yusin (1990), *Islam di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.39.

¹³⁰ *Ibid.*, h. 39.

Persatuan Islam Putatan (PIP) itu telah diluluskan oleh kerajaan penjajah pada tahun 1960¹³¹. Namun Persatuan Islam Putatan dibubarkan pada 27 Julai 1969¹³².

Bukan itu sahaja, pada masa yang sama telah muncul dua lagi persatuan iaitu Persatuan Islam Sabah (PIS) yang diasaskan dan dipimpin oleh Haji Yusuf Shamsuddin yang berpusat di Kota Kinabalu¹³³ dan ia ditubuhkan pada tahun 1969. Penubuhan PIS telah mendapat sambutan yang hebat daripada penduduk Islam di Sabah. Pada mulanya penubuhan ini berjalan dengan lancar kerana pemerintah pada masa itu tidak menghalang pergerakan PIS kerana ia merupakan satu pertubuhan yang berdaftar disisi undang-undang negeri. Pada dasarnya ia ditubuhkan untuk orang Islam di seluruh Sabah tetapi keahlian persatuan itu sebenarnya hanya terbatas di kawasan Kota Kinabalu dan Papar sahaja. Ini bererti dari segi keahlian sebenar penubuhan PIS dilihat sebagai penubuhan yang bersifat kedaerahan kerana keahliannya hanya terbatas seperti juga keahlian PIP dan PIT¹³⁴.

Oleh kerana PIS telah mendapat kepercayaan daripada orang Islam di Sabah pada masa itu, pengaruh PIS juga mula meningkat. Pertubuhan ini kekal sehingga membawa kemerdekaan Sabah dicapai melalui Malaysia pada tahun 1963. Hasil perjuangan PIS membawa kepada pembinaan masjid di Pulau Labuan, Papar, Tenom, Keningau dan Tuaran dan ia mendapat bantuan daripada kerajaan pusat. Ia juga menyediakan sekolah-sekolah agama dan juga guru-guru dari Semenanjung Malaysia. PIS juga berjaya mendapatkan tapak di bandar bagi

¹³¹ *Ibid.*, h.6.

¹³² Kinabalu Sabah Times, Ogos 6, 1969 “Persatuan Islam Sabah Di Bubar: Penubuhan ‘USIA’ Di-Ranchang”.

¹³³ Muhiddin Yusin (1990), *Op.cit*, h: 22.

¹³⁴ *Ibid.*, h: 23.

tujuan pembinaan Masjid Negeri Sabah dan sekolah-sekokah seperti tapak Pusat Latihan MUIS pada masa itu. Sebelum penubuhan MUIS dan USIA, PIS merupakan pertubuhan yang mengendalikan segala urusan yang melibatkan hal-hal Islam di Sabah.

Manakala persatuan yang wujud seiring dengan penubuhan Persatuan Islam Sabah ialah Persatuan Islam Tawau dan ia dipimpin oleh Datuk Haji Abu Bakar Tittingan¹³⁵. Akhirnya ketiga-tiga buah persatuan Islam di Sabah yang selama ini mempunyai pendirian masing-masing dibubarkan dan seterusnya bercantum menjadi sebuah persatuan Islam yang besar dan kukuh. Persatuan Islam itu dinamakan sebagai *United Sabah Islamic Association* (USIA) atau dalam bahasa Malaysianya ialah *Persatuan Islam Seluruh Sabah*¹³⁶

Kongress pertama USIA diadakan di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu bermula 14 hingga 16 Ogos 1969¹³⁷. Kongres itu telah berjalan selama dua hari dan dipengerusikan oleh Tuan Haji Lokman bin Musa.¹³⁸ Manakala Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negara, Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae merasmikan pembukaan kongress USIA pada 14 ogos 1969 bertempat di Dewan Pusat Masyarakat Kota Kinabalu dan berlangsung pada jam 9.30 pagi. Di antara orang-orang kenamaan yang hadir termasuklah Ketua Menteri Sabah iaitu

¹³⁵ *Ibid.*, h. 22.

¹³⁶ Kinabalu Sabah Times, Ogos 6, 1969 “Persatuan Islam Sabah Di Bubar: Penubohan ‘USIA’ Di-Ranchang”.

¹³⁷ Kinabalu Sabah Times, Ogos 6, 1969 “Persatuan Islam Sabah Di Bubar: Penubohan ‘USIA’ Di-Ranchang”.

¹³⁸ Ag Sahari Abd Latif (2006), “Peranan USIA dalam Membina Kepentingan Agama Islam di Sabah”, (*Risalah USIA Siri 8*), h. 11.

Allahyarham Tun Datu Haji Mustapha Bin Datu Harun dan Speaker Dewan Undangan Negeri Dato Haji Kassim Bin Haji Hashim.¹³⁹

Pada 16 Ogos 1969 maka tertubuhlah persatuan Islam yang dikenali sebagai *Pertubuhan Islam Seluruh Sabah* iaitu USIA hasil dari gabungan persatuan-persatuan Islam yang wujud sebelum itu.

Serentak dengan cita-cita untuk bersatu dalam satu agama Islam, usaha-usaha untuk menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi di Sabah turut dijalankan. Oleh itu USIA bawah pimpinan Allayarham Tun Datu Haji Mustapha telah menumpukan gerakan dakwahnya untuk mengislamkan masyarakat non Muslim sebanyak yang mungkin dan ia dilancarkan secara besar-besaran di setiap cawangan daerah masing-masing.

Sasaran bukan hanya terhad kepada masyarakat umum tetapi juga pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai kerajaan termasuk menteri-menteri dan wakil-wakil rakyat kerana disamping memperbanyakkan pengikut agama Islam di kalangan rakyat umum, Kerajaan Negeri dengan kerjasama USIA berhasrat menjadikan majoriti dua pertiga Ahli Dewan Undangan Negeri dari kalangan orang-orang Islam.

¹³⁹ Kinabalu Sabah Times, Ogos 14, 1969 “TYT Rasmi Kongress USIA”.

Gerakan ini dijalankan secara berkelompok oleh para pendakwah yang diberi gaji oleh USIA dan orang perseorangan yang berusaha menyebarkan dakwah Islamiah secara sukarela.

Hasil usaha yang bersungguh-sungguh dan teratur ini, USIA berjaya menarik sebilangan besar masyarakat non Muslim memeluk agama Islam. Upacara-upacara pengislaman secara beramai-ramai telah dilakukan di beberapa tempat di Sabah. Mereka terdiri daripada pelbagai suku kaum iaitu Dusun, Murut, Cina, India dan lain-lain sama ada yang belum beragama atau penganut-penganut lain seperti Kristian, Hindu dan Buddha¹⁴⁰.

Serentak dengan pengislaman beramai-ramai, USIA juga menumpukan perhatian kepada bidang pendidikan agama kepada orang-orang Islam dan sebagai ‘follow-up’ kepada saudara baru yang amat memerlukan bimbingan. USIA telah mengambil alih semua sekolah agama yang didirikan oleh rakyat dan mengambil guru-guru agama dari semenanjung Malaysia bagi mengisi dan memenuhi keperluan masyarakat Islam Sabah pada ketika itu¹⁴¹.

Untuk menampung keperluan masyarakat Islam yang semakin bertambah dalam bidang pendidikan agama, USIA melalui badan tabligh atau dakwahnya telah melantik mubaligh-mubaligh di kalangan penduduk tempatan yang berkelayakan dan dihantar ke seluruh

¹⁴⁰ Haji Johari Haji Alias (1977), “Perkembangan Ugama Islam di Sabah” (Buku Cenderamata Perasmian Masjid Negeri Sabah, h.35.

¹⁴¹ *Ibid.*, h. 36.

Sabah, untuk memberi bimbingan agama kepada saudara-saudara baru. USIA juga menghantar saudara-saudara baru ke PERKIM setiap tahun¹⁴².

Selaras dengan pertambahan penganut Islam dan keperluan-keperluan yang semakin mendesak serta persiapan ke arah menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi Sabah, Kerajaan Negeri dengan kerjasama USIA berusaha supaya sebuah majlis ugama negeri ditubuhkan di negeri Sabah untuk mentadbir segala urusan yang berkaitan dengan Islam.

Akhirnya satu Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam no.15 tahun 1971 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan dengan itu terbentuklah MUIS pada tahun yang sama. Bukan itu sahaja, jumlah penduduk Islam telah bertambah hingga ke tahap majoriti berbanding dengan agama lain dan ini seterusnya membolehkan Islam di angkat sebagai agama rasmi di negeri Sabah.¹⁴³

Kejayaan USIA merupakan hasil daripada kesungguhan pemimpin Islam ketika itu yang bersungguh-sungguh untuk mengembangkan ajaran Islam di Sabah dengan menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah dan penubuhan Majlis Ugama Islam Sabah. Tanpa kesungguhan dan kesedaran daripada pemimpin Islam yang dipimpin oleh Allahyarham Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun serta pemimpin Islam yang lain, agama Islam tidak mungkin akan berkembang di Sabah.

¹⁴² Haji Johari Haji Alias (1977), Op.cit, h: 35.

¹⁴³ Jamdin Buyong (1999), “Perjuangan Kemerdekaan di Sabah: Satu Kesinambungan Cetusan Kebangkitan Islam” (Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia, 11-13 September 2000), h.9.

3.3 PERTUBUHAN ISLAM SELURUH SABAH (USIA)

A- NAMA¹⁴⁴

Pertubuhan ini dinamakan ‘’Pertubuhan Islam Seluruh Sabah’ dan dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *United Sabah Islamic Association* atau ‘USIA’.

B- ALAMAT PERHUBUNGAN¹⁴⁵

Alamat berdaftar bagi USIA adalah Bangunan USIA, Jalan Sembulan, 88803 Kota Kinabalu, Sabah. Majlis Tertinggi USIA berkuasa membuat ketetapan mengenai alamat USIA dengan kelulusan Pendaftar Pertubuhan.

C- LAMBANG¹⁴⁶

- i. Lambang USIA berbentuk bulat berlatar belakang warna biru. Pada lingkungan bawah bulatan ini terdapat perkataan-perkataan “Pertubuhan Islam Seluruh Sabah” dalam tulisan Jawi. Ditengah-tengah bulatan terdapat sebuah perisai yang didukung oleh bulatan merah. Perisai yang berwarna hijau ini mengandungi pada sebelah atasnya bulan dan bintang lima penjuru berwarna emas. Perkataan Allah dalam tulisan Arab berada ditengah-tengah bintang. Dacing tergantung daripada bulan

¹⁴⁴ Fasal 1 Perlembagaan USIA

¹⁴⁵ Fasal 2 Perlembagaan USIA

¹⁴⁶ Fasal 3 Perlembagaan USIA

sabit dan dibawahnya terdapat bentuk gunung dan dua arai padi. Perkataan USIA dalam tulisan rumi menunjung bentuk-bentuk di atas.

ii. Makna bentuk-bentuk dalam lambang USIA adalah:

- Bulatan -melambangkan perpaduan Ummah
- Perisai -melambangkan ketahanan aqidah Islam
- Bulan dan Bintang -melambangkan keagungan Islam serta ketinggian lima rukun Islam dalam membentuk sistem hidup manusia.
- Kalimat ‘Allah’ - menggambarkan pegangan Islam kepada Tauhid tempat kembalinya segala keimanan seorang Muslim.
- Dacing - melambangkan keadilan
- Gunung - melambangkan keteguhan dan ketegasan
- Arai Padi - melambangkan kesuburan dan keberhasilan dakwah Islamiah.

iii. Makna warna-warna yang terdapat dalam lambang USIA adalah:

- Biru -Lambang keamanan dan persaudaraan dalam Islam
- Kuning -Lambang keagungan Islam
- Merah -Lambang ketegasan dan keutuhan syiar Islam
- Hijau -Melambangkan bahawa dakwah Islamiah hidup
subur dan berkembang luas
- Emas -Lambangkekayaan dan ketinggian nilai-nilai Islam
- Putih -Lambang kesucian Islam

- iv. Lambang USIA adalah seperti berikut:

Rajah 3.1: Lambang USIA



- v. Bendera USIA berwarna kuning dengan lambang USIA terletak di tengah-tengah bendera.

Rajah 3.2 : Bendera USIA



D- INTERPRESTASI¹⁴⁷

- a) ‘Perlembagaan’ bermakna Perlembagaan USIA.
- b) ‘Tujuan-tujuan USIA’ bermakna objektif dan tujuan-tujuan USIA seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 4 perlembagaan ini.
- c) ‘Pegawai-pegawai’ bermakna pemegang-pemegang jawatan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 15 perlembagaan ini.

¹⁴⁷ Fasal 3A Perlembagaan USIA

- d) Perkataan-perkataan jamak hendaklah juga berpengertian satu dan sebaliknya.
- e) Dimana digunakan perkataan yang membawa erti ‘lelaki’ hendaklah juga dipakai sebagai ‘perempuan’ dan sebaliknya.

E- TUJUAN USIA¹⁴⁸

- a) Memelihara kepentingan-kepentingan Agama Islam
- b) Menanam kefahaman Tauhid kepada Allah dikalangan umat Islam demi membentuk satu budi pekerti dan akhlak mulia.
- c) Menganjurkan dakwah Islamiah kepada segenap lapisan masyarakat di Sabah ini berpandukan firman dan Hadis.
- d) Menentukan agar kepentingan-kepentingan pengajian dan pembelajaran Islam di seluruh Negeri Sabah.
- e) Menentukan agar kepentingan-kepentingan dan hak-hak masyarakat Islam di Sabah khasnya dan Malaysia amnya terpelihara dalam mana-mana undang-undang dan amalan.
- f) Menjalankan kerja-kerja kebajikan dan amal jariah pemberian derma, biasiswa atau derma-derma siswa kepada orang-orang Islam yang memerlukan bantuan tersebut.
- g) Menyemaikan perasaan persaudaraan, muhibbah dan toleransi di kalangan sesama Islam dan diantara masyarakat Islam dan bukan Islam.
- h) Memperbaiki dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi orang-orang Islam.

¹⁴⁸ Fasal 4 Perlembagaan USIA.

F- KEAHLIAN USIA¹⁴⁹

- a) Keahlian USIA terbahagi kepada dua jenis iaitu ahli biasa dan ahli bersekutu
- b) Yuran¹⁵⁰ masuk bagi ahli biasa ialah sebanyak RM 3.00 manakala bagi yuran tahunan pula sebanyak RM 2.00.
- c) Yuran masuk bagi ahli bersekutu ialah RM 3.00 manakala bagi yuran tahunan pula sebanyak RM 2.00.
- d) Keahlian adalah di bawah kendalian Jawatankuasa Keahlian USIA Pusat dan Ibu Pejabat USIA memainkan peranan penting dalam penyediaan dan pemprosesan borang keahlian serta pengeluaran kad keahlian USIA.
- e) Jumlah ahli USIA Bahagian-bahagian bagi tahun 2006 sebagaimana data yang tersimpan di Ibu Pejabat adalah seramai 40,564 orang.

G- MAJLIS TERTINGGI USIA¹⁵¹

Majlis Tertinggi adalah menjadi badan yang menjalankan pentadbiran hal-ehwal USIA dibawah kekuasaan dan perintah perhimpunan agung perwakilan dan Majlis Tertinggi adalah berkuasa menjalankan sebarang langkah bagi pihak Perhimpunan Agung Perwakilan

¹⁴⁹ Fasal 6 Perlombagaan USIA

¹⁵⁰ Fasal 10 Perlombagaan USIA

¹⁵¹ Fasal 4 Perlombagaan USIA

pada masa ketiadaannya segala langkahnya itu hendaklah dimaklumkan kepada Perhimpunan Agung Perwakilan.

Ahli Majlis Tertinggi sesi 2006-2009 terdiri daripada:

- Pengurus Tetap,
- Timbalan Pengurus Tetap,
- Yang Dipertua,
- Timbalan Yang Dipertua,
- Naib Yang Dipertua,
- Setiausaha Agung,
- Penolong Setiausaha Agung
- Bendahari Agung
- Ketua Penerangan
- Ketua Belia
- Ketua Wanita
- Ahli Majlis Tertinggi
- Penasihat Agama.

H- MAJLIS KERJA TERTINGGI USIA¹⁵²

Majlis Kerja Tertinggi USIA adalah terdiri daripada:

- Seorang Yang Dipertua
- Lima orang Naib Yang Dipertua
- Seorang Ketua Belia
- Seorang Ketua Wanita
- Seorang Setiausaha Agung
- Seorang Bendahari Agung
- Seorang Ketua Keterangan
- Tidak lebih daripada tiga orang Majlis Tertinggi biasa yang masing-masing pakar dalam bidang-bidang tertentu

I- JAWATANKUASA KECIL¹⁵³

Selepas Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-20, terdapat beberapa perubahan dan tambahan ke atas pembentukan Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil. Senarai terkini Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil yang telah dibentuk oleh Majlis Tertinggi USIA bagi sesi 2006-2009 ialah seperti berikut:

¹⁵² Laporan Tahunan Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 69.

¹⁵³ *Ibid.*, h 69.

- Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran
- Jawatankuasa Kewangan, Pelaburan dan Pembangunan
- Jawatankuasa Dakwah
- Jawatankuasa Penerangan
- Jawatankuasa Pendidikan
- Jawatankuasa Penyelidikan
- Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan dan Undang-Undang
- Jawatankuasa Kebajikan dan Pembangunan Sosial
- Jawatankuasa Perhubungan dan Hal Ehwal Luar
- Jawatankuasa Disiplin dan Protokol
- Jawatankuasa ICT
- Jawatankuasa Keahlian

J- SUSUNAN PENTADBIRAN BAHAGIAN USIA¹⁵⁴

1. Bentuk susunan USIA dan pembahagian kuasa adalah seperti berikut:
 - Pusat -perhimpunan Agung Perwakilan atau waktu ketiadaannya Majlis Tertinggi.
 - Bahagian- Mesyuarat Agung Bahagian atau waktu ketiadaannya Jawatankuasa Bahagian.
 - Cawangan- Mesyuarat Agung Cawangan atau waktu ketiadaannya Jawatankuasa Cawangan.

¹⁵⁴ Fasal 4 Perlumbagaan USIA

K- PENGURUSAN USIA PUSAT¹⁵⁵

Pada tahun 2007, jumlah kakitangan pengurusan USIA di peringkat Pusat adalah seramai 34 orang. Pengurusan USIA telah dibahagikan kepada 3 unit utama iaitu:

- Jabatan Setiausaha Agung
- Unit Pengurusan Dan Pentadbiran Dakwah
- Unit Operasi Dakwah

L- PENGURUSAN USIA BAHAGIAN¹⁵⁶

Pada tahun 2007, jumlah kakitangan USIA di peringkat Bahagian adalah seramai 14 orang. Senarai penuh Bahagian adalah seperti berikut:

- Bahagian Kota Kinabalu
- Bahagian Penampang
- Bahagian Papar
- Bahagian Tuaran
- Bahagian Beaufort
- Bahagian Kudat
- Bahagian Kota Marudu

¹⁵⁵ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 69.

¹⁵⁶ *Ibid.*, h: 69.

- Bahagian Tawau
- Bahagian Lahad Datu
- Bahagian Semporna

M- JUMLAH USIA BAHAGIAN¹⁵⁷

Pada tahun 2007, tiada pertambahan kepada bilangan Bahagian walaupun terdapat beberapa permohonan untuk menubuhkan Bahagian baru dinegeri ini. Senarai Bahagian adalah seperti berikut:

Jadual 3.3 : Senarai Bahagian USIA

KOD	SENARAI BAHAGIAN
KK01	Bahagian Kota Kinabalu
PPG02	Bahagian Penampang
TRN03	Bahagian Tuaran
PPR04	Bahagian Papar
KB05	Bahagian Kota Belud
BFT 06	Bahagian Beaufort
KP07	Bahagian Kuala Penyu
SPG 08	Bahagian Sipitang
KDT 09	Bahagian Kudat
KM 10	Bahagian Kota Marudu
RNU 11	Bahagian Ranau

¹⁵⁷ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 70.


TBN 12	Bahagian Tambunan
KGU 13	Bahagian Keningau
TNM 14	Bahagian Tenom
NBN 15	Bahagian Nabawan
SKN 16	Bahagian Sandakan
BLN 17	Bahagian Beluran
KTN 18	Bahagian Kinabatangan
TWU 19	Bahagian Tawau
KNK 20	Bahagian Kunak
LD21	Bahagian Lahad Datu
SPN 22	Bahagian Semporna
LBU 23	Bahagian Wilayah Persekutuan Labuan

Sumber : (Buku Laporan Tahunan USIA 2010)

N- JUMLAH USIA CAWANGAN

Senarai Cawangan adalah berdasarkan kepada maklumat terkini yang diberikan oleh USIA Bahagian-Bahagian pada tahun 2007. Hasil kajian, ternyata tidak terdapat sebarang penambahan Cawangan bagi tahun 2007. Jumlah Cawangan mengikut Bahagian bagi tahun 2007 adalah sebanyak 456 cawangan .

Rajah 3.4 : Jumlah Cawangan USIA mengikut Bahagian



Sumber : (Buku Laporan Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22)

O- CARTA ORGANISASI USIA¹⁵⁸

Berdasarkan kepada Carta Organisasi USIA, ia di diketuai oleh Yang Di Pertua USIA, diikuti oleh Timbalan Yang Di Pertua dan Naib Yang Di Pertua. Manakala Ahli Majlis Tertinggi USIA pula terdiri daripada Ketua Penerangan, Bendahari Agung, Setiausaha Agung, Ketua Wanita dan Ketua Belia USIA.

Manakala bagi Carta Organisasi Pentadbiran atau Pengurusan USIA, ia mempunyai beberapa Bahagian iaitu Bahagian Kewangan mempunyai pegawai Tadbir Kanan/Kewangan, Pegawai Kewangan dan Pembantu Tadbir Kewangan.


Manakala bagi Bahagian Penerangan dan Kebajikan pula, ia mempunyai seorang Pegawai Penerangan dan Kebajikan sahaja. Selain itu, Bahagian Dakwah mempunyai Pengarah Dakwah, Pegawai Perhubungan Dakwah (Latihan dan Kursus), Pembantu Tadbir Rendah serta pegawai-pegawai Dakwah.

Manakala Setiausaha Agung mempunyai Penolong Setiausaha Agung. Pentadbiran dan Pengurusan USIA juga dibantu oleh Setiausaha Kerja, Penolong Pegawai Tadbir, Pembantu Tadbir Kanan, Pembantu Tadbir, Pembantu Tadbir Rendah, Pembantu Am Rendah, Pemandu dan Pekerja Am.

¹⁵⁸ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 13.


USIA telah membuka cawangannya hampir di seluruh daerah di Sabah. Setiap daerah ini mempunyai ahli jawatankuasa USIA yang tersendiri. Setiap jawatankuasa USIA di Daerah ini dikenali sebagai USIA Bahagian dan setiap jawatankuasa USIA Bahagian ini mempunyai ahli jawatankuasa USIA Cawangan. Manakala USIA Pusat merupakan Ibu Pejabat bagi setiap USIA Bahagian dan USIA Cawangan.

Jadual 3.5: Carta Ahli Majlis Kerja Tertinggi USIA




Sumber: (Buku Laporan Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22)

Jadual 3.6: Carta Ahli Majlis Tertinggi USIA



Sumber: Buku Laporan Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22

Jadual 3.7: Senarai Penuh Ahli Majlis Kerja Tertinggi USIA



Sumber: (Laporan Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-21)

Jadual 3.8: Organisasi Pentadbiran/Pengurusan USIA Sesi 2006-2009

Pengerusi Tetap	: Datuk seri panglima haji ahmad ayid
Timbalan Pengerusi Tetap	: Ustaz Ismarah Haji Madcasar
Yang Dipertua	: Tun Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Sakaran Bin Dandai
Timbalan Yang Dipertua	: YB. Kol Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Lajim Hj Ukin : Datuk Seri Panglima Haji Ampong Haji Puyon
Naib Yang Dipertua	: YAA Datuk Hj Aidi Hj Mokhtar : YB Datuk (Datu) Haji Nasrun Datu Mansur : YB Datuk Hj Akhlee Haji Abbas : YB Datuk Hj Abdul Rahim Ismail : Encik Lamsil Hamidsor : YB Datuk Hj Nasir Tun Haji Sakaran : Prof. Datuk Dr Haji Mohd Noh Dalimin : Datuk Hj Matussin Ag Damit
Setiausaha Agung	: Tuan Haji Abdullah Hussin
Penolong Setiausaha Agung:	Tuan Haji Uda Sulai

Jadual 3.8: Sambungan

Bendahari Agung	: Tuan Haji Ariffin Haji Sani
Ketua Penerangan	: Tuan Haji Salsidu Hj Ibrahim
Ketua Belia	: En Abdul Hakim
Ketua Wanita	: Datin Seri Panglima Hajah Norsuadah Hj Basah
Ahli Majlis Tertinggi	: Datuk Hajah Nooraini Datuk Seri Panglima Haji Salleh : YB Datuk Haji Sapawi Haji Ahmad Puan Hajah Nanh Abah
	: YB Ustaz Haji Mohd Suhaili Said
	: YB Datuk Surady Kayong
	: Encik Madaile Haji Basri
	: Encik Jenar Haji Lamadh
	: Tuan Haji Abdul Kahar Mohd Zain
	: Drs Haji Mohamat Mail
	: Tuan Haji Idrus Abdul Salam
	: Ustaz Haji Rukmana Anshar

Jadual 3.8: Sambungan

: Encik Abdul Latif Kandok

: Tuan Haji Arshad Idris

: Datuk Haji Mohd Din Sulai

: Dr Hajjah Suzain Datuk Hj Suhaimi

: YB Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghafur Haji Salleh

: YB Datuk Haji Syed Abas Syed Ali

: YB Tuan Haji Kamil Datuk Seri Panglima Haji Mohd Kasim

: YB Tuan Hj Mohd Arifin Mohd Arif

: YB Datuk Ghulam Haidar Khan Bahadar

: Datuk Haji Abdul Kadir Pateh

: Tuan Haji Amin Ibrahim

: Encik Mohd Ali @Aliman Asmaran DSP Hj Mohd Bledram

: Encik Arif Datuk Seri Panglima Haji Salim

: Puan Hajah Zaimah Abdullah

: Encik Awang Hashim Haji Awang Damit

Jadual 3.8: Sambungan

: Encik Sadi Hai Nasah

: Encik Abd Azizi Raimin

: Encik Pengiran Saifuddin Pg Tahir

Penasihat Agama : Sohibus Samahah Datuk Haji Ahmad Alawi Adnan

: Tuan Haji Amri Suratman

: Tuan Haji Paimuzi Yahya

Sumber: (Laporan Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-21)

3.4 PROGRAM DAKWAH PERTUBUHAN ISLAM SELURUH SABAH (USIA)

3.4.1 PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan, perkataan ‘program’ membawa maksud ‘rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan yakni dasar pembangunan negara, perekonomian dan lain-lain¹⁵⁹.

Selain daripada itu, program juga ‘membawa maksud suatu senarai aktiviti yang telah dirancang ataupun satu perancangan untuk tindakan pada masa akan datang. Oleh yang demikian, suatu program yang terancang merupakan satu bentuk aktiviti yang akan dilaksanakan¹⁶⁰.

3.4.2 KLASIFIKASI PROGRAM DAKWAH PERTUBUHAN ISLAM SELURUH SABAH

Matlamat program dakwah adalah berkait rapat dengan matlamat dakwah itu sendiri. Muhammad al-Ghazali menjelaskan dakwah ialah supaya manusia memahami tujuan hidup

¹⁵⁹ Teuku Iskandar (2005), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: DBP, h. 1233.

¹⁶⁰ Longman (1991), *Dictionary of Contemporary English*, United Kingdom, h: 28.

mereka dan seterusnya mengetahui jalan yang membawa petunjuk dan hidayah kepada mereka¹⁶¹.

Berdasarkan kepada temubual bersama Datuk Hj Sahari Abdul Latif, beliau menerangkan bahawa matlamat dakwah USIA terbahagi kepada dua iaitu yang pertama usaha untuk memartabatkan agama Islam di Sabah dan matlamat kedua ialah untuk membangunkan kualiti umat Islam di Sabah¹⁶².

Untuk itu, penulis akan menerangkan program dakwah yang dijalankan berdasarkan kepada matlamat dakwah yang telah dijelaskan di atas tadi. Penulis telah mengklasifikasikan program dakwah USIA seperti dibawah:

a- Program berbentuk keilmuan¹⁶³

Program ini dijalankan dalam bentuk seminar, forum, sesi dialog, simposium, kolokium, kursus dan kem. Sasaran terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat sama ada daripada ahli politik, pegawai tinggi, pegawai tinggi kerajaan, ahli majlis tertinggi USIA dan Kakitangan USIA, Mahasiswa, pelajar sekolah menengah dan rendah serta kaum wanita dan belia. Adakalanya ia juga turut dihadiri oleh

¹⁶¹ Muhammad al-Ghazali (1981), *Mū'ā Alīlāh*, Beirut, h:17.

¹⁶² Datuk Hj Sahari Abdul Latif , Pegawai Dakwah, USIA Bahagian Kota Kinabalu. Tembual 19 Jun 2007.

¹⁶³ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 12.

pemimpin pelbagai agama seperti golongan paderi dari luar negara menerusi sesi dialog bersama¹⁶⁴.

b- Program Kebajikan dan Pembangunan Sosial¹⁶⁵

Program ini bukanlah program berbentuk rasmi tetapi ia lebih kepada kebajikan dan sosial dikalangan kakitangan USIA. Ia termasuklah majlis kesyukuran di kalangan kakitangan USIA serta lawatan terhadap ahli USIA yang sakit, mangsa kebakaran, banjir dan sebagainya¹⁶⁶.

c- Program dakwah secara kerjasama¹⁶⁷

Program dakwah USIA juga bukan setakat dijalankan dibawah naungan USIA. Sejajar dengan keperluan dakwah masa kini, USIA juga turut mengadakan aktiviti dakwah secara kerjasama dengan badan-badan lain sama ada badan bukan kerajaan dan badan kerajaan dan pertubuhan dakwah yang lain.

¹⁶⁴ Datuk Hj Sahari Abdul Latif , Pegawai Dakwah, USIA Bahagian Kota Kinabalu. Temubual pada 19 Jun 2007.

¹⁶⁵ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), op.cit., h. 12.

¹⁶⁶ Datuk Hj Sahari Abdul Latif , Pegawai Dakwah, USIA Bahagian Kota Kinabalu. Temubual pada 19 Jun 2007.

¹⁶⁷ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 13.

USIA juga mengekalkan kerjasama yang baik dan akrab dengan organisasi Islam seperti HIKMAH, RISEAP dan Jamiyah Singapura. Dalam hubungan ini, USIA sentiasa berkongsi maklumat mengenai pembangunan dakwah dengan menghantar Ahli Majlis Tertinggi, Pegawai Kakitangan dan ahli-ahli USIA untuk mengikuti seminar, kem belia serta kursus anjuran pihak berkenaan¹⁶⁸.

USIA juga mengadakan program aktiviti yang melibatkan kerjasama pintar (*smart-partnership*) dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Biro Tatanegara (BTN), Jabatan Perdana Menteri Cawangan Sabah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Jabatan Hal Ehwal Khas Sabah (JASA) serta pelbagai badan-badan yang lain lagi.

d- Program-program kebesaran Islam¹⁶⁹

USIA juga menganjurkan program dakwah sempena hari kebesaran Islam seperti Ihya' Ramadhan, Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Isra' dan Mikraj, Nisfu Syaaban, Nuzul Quran, Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Aidil Adha.

Dalam program ini, kebiasaannya pihak USIA akan menganjurkan ceramah berkaitan dengan hari kebesaran Islam. Bukan setakat menjadi badan pengajur,

¹⁶⁸Datuk Hj Sahari Abdul Latif (2007), op.cit., 19 Jun 2007.

¹⁶⁹ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 14.

USIA juga dipanggil untuk menjadi panel ataupun penceramah jemputan daripada badan-badan kerajaan mahupun bukan kerajaan¹⁷⁰.

- e- Program bersama pemimpin seperti lawatan Yang diPertua, lawatan Ahli Majlis Tertinggi USIA ke Cawangan-cawangan USIA¹⁷¹

Program ini merupakan aktiviti tahunan yang dijalankan USIA di mana pemimpin tertinggi akan mengadakan lawatan kerja sama ada USIA Bahagian mahupun USIA Cawangan.

Lawatan yang dilakukan ini pada kebiasaannya untuk meninjau dan melihat perkembangan gerakan dakwah di setiap cawangan USIA di setiap pelusuk negeri Sabah.

- f- Program pengislaman¹⁷²

Bagi program pengislaman, ia bukanlah satu program terancang ataupun formal seperti yang diamanahkan oleh Bahagian Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam

¹⁷⁰ Datuk Hj Sahari Abdul Latif , Pegawai Dakwah, USIA Bahagian Kota Kinabalu. Temubual pada 19 Jun 2007.

¹⁷¹ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 13.

¹⁷² *Ibid.*, h: 13.

Negeri Sabah (JHEAINS) terhadap program pengislaman ini, tetapi atas kerelaan individu yang datang ke pejabat USIA untuk memeluk Islam. Pegawai dakwah USIA bertanggungjawab dalam mengendalikan pengislaman ini. USIA cuma bertanggungjawab semasa sesi pengislaman iaitu ketika menyebut syahadah, tetapi tindakan susulan bagi program saudara baru ini akan dilanjutkan atau dirujukkan kepada JHEAINS.

Berdasarkan kepada laporan tahunan USIA, aktiviti yang dijalankan adalah dibawah tanggungjawab Bahagian Dakwah, Bahagian Belia dan Bahagian Wanita USIA.

3.4.3 PROGRAM DAKWAH PERTUBUHAN ISLAM SELURUH SABAH

Perjalanan aktiviti dakwah USIA telah dilaksanakan oleh ketiga-tiga bahagian yang bertindak sebagai agen pelaksananya. Ia termasuklah bahagian Dakwah USIA, Bahagian Wanita USIA dan Bahagian Belia USIA.

I- Program Bahagian Dakwah USIA¹⁷³

Bahagian Dakwah USIA bergerak aktif di dalam melaksanakan pelbagai program bukan sahaja yang melibatkan pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat USIA, malahan

¹⁷³ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 14.

mengadakan program-program kemasyarakatan. Bahagian ini juga melaksanakan program-program dan acara tahunannya seperti Seminar, Forum, Simposium, Kursus dan lain-lain. Program yang diadakan adalah seperti berikut:

a- Program Ihya' Ramadhan¹⁷⁴

Seperti kebiasaannya, para pegawai dakwah USIA menerima pelbagai undangan sebagai Imam solat sunat terawih. Sekiranya tiada tugasan atau jemputan maka para pegawai dakwah menjalankan rutin harian sepanjang Ramadhan di kawasan kediaman masing-masing seperti memimpin tadarus al-Quran, ceramah ramadhan dan mengimamkan solat sunat terawih. Di samping itu, program anjuran jabatan dan agensi lain turut dijayakan menerusi jemputan sebagai panel forum, penceramah dan sebagainya. Antara program tersebut adalah seperti berikut:

- 1- Forum di ambang Ramadhan
- 2- Imam Solat Tarawikh
- 3- Ceramah Agama
- 4- Forum Penghayatan Ramadhan
- 5- Majlis Tazkirah dan berbuka puasa

¹⁷⁴ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 13..

b- Hari Kebesaran Islam¹⁷⁵

Menjelang hari kebesaran Islam seperti Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Israk Mikraj, Nisfu Syaaban, Nuzul Al-Quran, Hari Raya Aidil Fitri, Hari Raya Aidil Adha dan lain-lain, Bahagian Dakwah juga menerima undangan dari pelbagai pihak. Ia termasuklah Ceramah Perdana Sempena Hari Raya Aidil Adha, Solat Aidil Adha, Sambutan Peristiwa Maal Hijrah, Masjlis Sambutan Awal Muhamarram, Masjlis Sambutan Maal Hijrah, Ceramah Khas Perdana dan Majlis Sambutan Maulidur Rasul.

c- Program Rutin Dakwah

Para pegawai dakwah USIA bukan sahaja menjalankan tugasan harian dipejabat bahagian daerah tetapi juga mempunyai rutin tugas di luar pejabat. Selain menjadi imam dan khatib dikawasan kediaman masing-masing, mereka juga mengajar al-Quran, Bimbingan al-Quran dan tafsirannya, penyampaian sirah dari al-Quran, ceramah mingguan, mengendalikan kelas Bahasa Arab dan Fardhu Ain dengan jadual yang telah disusun sepanjang tahun.

Pegawai dakwah USIA juga terlibat dalam jemputan sebagai *khatib* atau *imam* dan ceramah agama yang diterima oleh Bahagian Dakwah termasuklah

¹⁷⁵ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 14.

daripada masjid atau surau dari masjid-masjid sekitar bandaraya, masjid surau IPTA atau IPTS, masjid-masjid daerah di Sabah dan masjid atau surau pejabat-pejabat swasta atau kerajaan.

d- Lawatan Kerja TUN yang Dipertua USIA¹⁷⁶

Bahagian Dakwah juga terlibat sama dalam program lawatan kerja Yang Amat Berbahagia Tun Yang Dipertua ke seluruh Bahagian USIA di negeri ini. Pada tahun 2007, beberapa lawatan Yang Amat Berbahagia Tun Yang DiPertua termasuklah ke daerah-daerah seperti Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Tawau, Semporna, Ranau, Keningau, Tenom, Tambunan serta Wilayah Persekutuan Labuan serta lain-lain.

II - PROGRAM BAHAGIAN WANITA USIA¹⁷⁷

Sejajar dengan peranan dalam mengembangkan dakwah USIA di Sabah, peranan yang dimainkan oleh USIA Bahagian USIA Pusat amat penting. Peranannya bukan setakat penumpuan terhadap aspek pembangunan dan pengurusan tetapi juga dalam bentuk sosial

¹⁷⁶ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 14.

¹⁷⁷ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 15.

dan kemasyarakatan. Peranan dan tanggungjawab itu dapat dilihat menerusi aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2007 seperti dibawah:

Program Lawatan	Biro Kebajikan Wanita Pusat	Lawatan terhadap mangsa-mangsa banjir di Kg Sim-Sim Kota Marudu Kudat.
	Biro Sosial dan pembangunan Wanita USIA Pusat	<ul style="list-style-type: none"> 1- Lawatan ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Kota Kinabalu 2- Lawatan ke Pejabat MARDI Sabah Jalan Tuaran Kota Kinabalu 3- Lawatan amal ke Rumah anak-anak Yatim Darul Bakti Kota Belud
Majlis Sambutan	Sambutan Maulidur Rasul	Bangunan USIA Tingkat 4 Jalan Sembulan
Kursus	Wanita USIA Pusat	Untuk Ketua-ketua Wanita dan Setiausaha-Setiausaha Wanita USIA Bahagian Seluruh Sabah.
Gotong Royong	Wanita USIA Pusat	Membersihkan kawasan Bangunan USIA dan Menanam pokok-pokok bunga
Seminar	Wanita USIA Pusat dengan kerjasama JAKIM dan USIA Bahagian Keningau	Seminar Penghayatan Islam
Tanggungjawab Sosial	AJK Kerja Wanita USIA Pusat	<ul style="list-style-type: none"> 1- Aktiviti Pembungkusan kuih-muih untuk disumbangkan kepada Pasukan keselamatan Seluruh Sabah sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2- Sumbangan kewangan kepada kakitangan USIA yang mempunyai masalah ataupun musibah seperti kebakaran rumah. 3- Menziarahi kaum

		<p>keluarga kakitangan dan kakitangan USIA yang sakit</p> <p>4- Membuat kenduri bagi kakitangan USIA yang akan menunaikan fardhu Haji.</p>
--	--	--

Selain daripada aktiviti yang dianjurkan oleh Bahagian Wanita USIA Pusat, ia juga mengambil kira jemputan dan penglibatan AJK Bahagian Wanita dengan jabatan-jabatan daripada luar sama ada badan kerajaan ataupun badan bukan kerajaan.

Penglibatan dan jemputan tersebut dapat dijelaskan menerusi jadual dibawah ini:

Majlis Mesyuarat	<p>1- Penglibatan AJK Wanita dalam mesyuarat sempena Pemilihan Anugerah Sayidatina Khadijah bagi sambutan Maal Hijrah.</p> <p>2- Mesyuarat PERKIM peringkat Kebangsaan di Hotel Corus Kuala Lumpur.</p>	Penglibatan USIA dengan JHEAINS
Seminar	<p>1- Seminar kanser Payudara</p> <p>2- Seminar Dakwah anjuran USIA Bahagian Sandakan</p> <p>3- Seminar Belia dan Wanita USIA Bahagian Beaufort</p> <p>4- Menghadiri Seminar Celik Emosi Seimbang, Keluarga Gemilang di UMS Sabah.</p>	AJK Wanita USIA Pusat dijemput untuk menghadiri seminar berkenaan.
Kuliah	Kuliah Tafsir Maudhu'iy di Dewan Sa'adah Wisma MUIS dengan anjuran ABIM Sabah	Jemputan kepada AJK untuk menghadiri kuliah.
Majlis-majlis perasmian	<p>1. Majlis Perasmian Penutupan Fardhu Ain</p> <p>2. Majlis Penutupan Khemah Belia Islam</p> <p>3. Majlis Perasmian Konvensyen Usahawan Wanita Sabah</p> <p>4. Perasmian Penutupan Fardhu</p>	Anjuran USIA Pusat Kg Kuala Abai Kota Belud

	Ain Wanita USIA Pusat Bahagian Tuaran 5. Perasmian Penutupan Fardhu Kifayah Wanita USIA Bahagian Beaufort	
Perhimpunan	1- Menghadiri Perhimpunan Agung PERKIM	
Kursus	1- Kursus Khemah Dakwah di Dewan Masyarakat Sandakan	
Program	1- Menghadiri Program Bengkel Ziarah Hospital untuk sukarelawan anjuran Masjid Bandaraya Kota Kinabalu dengan kerjasama JAKIM Sabah, PPM Cawangan Sabah dan PERKIPS. 2- Menghadiri Hari keluarga Wanita USIA Bahagian Tambunan.	
Jemputan Kenduri	1- Jemputan kenduri daripada kakitangan USIA	
Majlis Ramah Mesra bersama Pemimpin	1- Jemutan AJK Wanita USIA Pusat ke majlis beramah mesra dengan Datin Seri Jeanne Abdullah 2- Majlis berbuka puasa dengan pemimpin-pemimpin Sabah	
Diskusi	1- Menghadiri Diskusi Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di Tabung Haji Semporna.	
Forum	1- Menghadiri Forum Wanita Kem Kesihatan di Hotel UiTM Shah Alam	
Hari Wanita	1- AJK Wanita USIA Pusat dijemput untuk menghadirinya di Plaza Tanjung Aru Kota Kinabalu.	

Kesimpulannya, aktiviti yang dianjurkan USIA bukan sahaja mengambil kira aktiviti yang dianjurkan oleh Badan atau Bahagian masing-masing, bahkan ia juga turut mengambil kira jemputan dan penglibatan bahagian Dakwah, Bahagian Wanita dan Bahagian Belia USIA Pusat. Ia sejajar dengan matlamat USIA untuk menjadi agen pengembangan dakwah di Sabah. Ia tidak hanya tertumpu pada pelaksanaan aktiviti yang dirancang berdasarkan kepada takwim bahkan ia juga memberi ruang kepada badan kerajaan dan badan-badan atau jabatan-jabatan yang lain bagi mengambil bahagian dalam menjalankan dan menyebarkan aktiviti dakwah.

III- PROGRAM BAHAGIAN BELIA USIA¹⁷⁸

Seiring dengan kelangsungan pelbagai aktiviti yang diadakan di USIA Pusat, Belia USIA juga tidak ketinggalan mengadakan aktiviti terutama dalam menjalankan kerjasama mengadakan seminar keagamaan. Berdasarkan kepada *Blue Print*, Belia USIA Pusat telah mengadakan aktiviti agar gerakan memperkasakan dakwah USIA dapat disasarkan terhadap golongan tertentu. Seminar-seminar yang memperkasakan dakwah USIA begitu giat dijalankan terutamanya semenjak pertukaran tumpuk pemerintahan USIA yang baru.

\

¹⁷⁸ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 16.

a- Aktiviti /Seminar

Sepanjang tahun 2007, Bahagian Belia USIA telah mengadakan seminar dengan jayanya menerusi kerjasama beberapa pihak terutamanya USIA Pusat yang sedia menjadi nadi utama penggerak.

Aktiviti/seminar	Tempat dan sasaran
Seminar pembangunan dakwah dan wanita sempena pelaksanaan <i>Blue Print</i> USIA anjuran bersama Belia dan Wanita UMNO	Dewan Pak Musa Beaufort Sasaran: Belia dan Beliawanis
Seminar Belia USIA Negeri Sabah Anjuran bersama Belia USIA Bahagian Papar	Dewan Kimanis Sasaran : Belia dan Beliawanis
Seminar Pemantapan Pembinaan Belia Bangsa anjuran bersama Belia USIA Pusat	Kg Kota Ayangan Keningau Sasaran: Belia dan Beliawanis
Khemah Dakwah Kota Belud anjuran bersama USIA Bahagian Kota Belud	Kuala Abai Kota Belud Sasaran kepada Belia dan Beliawanis
Seminar Keibubapaan, Belia dan Beliawanis anjuran Belia USIA Pusat dan USIA Bahagian Kinabatangan.	Kg Paris 3 Kinabatangan Sasaran: Belia dan Beliawanis
Seminar Pemantapan Perjuangan Belia Alaf Baru anjuran bersama Belia USIA Pusat, Belia dan Wanita/ USIA Bahagian Kudat	Perpustakaan Negeri Sabah Sasaran: Orang awam
Seminar Belia Negara anjuran bersama Belia dan Wanita USIA Pusat dan USIA Bahagian Tawau, Pemuda UMNO Tawau, IPGM Kampus Tawau dan Biro Tatanegara.	Dewan Rafflesia IPGM Kampus Tawau Sasaran : Belia dan Beliawanis IPGM Kampus Tawau serta beberapa persatuan dan agensi kerajaan dari sekitar Daerah Tawau.
Seminar Penghayatan Kepimpinan Amal Islam anjuran bersama YADIM Pusat, MAIS dan USIA Penampang	Impian Jadi Resort Tuaran Sasaran: Semua golongan masyarakat.
Khemah dakwah USIA anjuran bersama USIA Pusat, Belia dan Wanita USIA Pusat, AJK Belia dan Wanita USIA Bahagian	SUIS Pekan Lama Kota Marudu Sasaran : Belia dan Beliawanis

Seminar Belia USIA Anjuran bersama Belia USIA Pusat, AJK Belia dan Wanita USIA Bahagian Tambunan	Dewan Serbaguna Kg. Babagan Tambunan Sasaran: Belia dan beliawanis
Majlis Pengkisahan Islam	Dewan Sa'adah Wisma MUIS

Secara keseluruhannya, program dakwah USIA ini dilaksanakan mengikut bahagian masing-masing. Semua program dakwah USIA yang dijalankan oleh Bahagian Dakwah USIA, Bahagian Wanita USIA dan Bahagian Belia USIA adalah dibawah pengurusan Jawatankuasa USIA Pusat Kota Kinabalu.

BAB EMPAT:ANALISIS STRATEGI, PROGRAM DAKWAH DAN CABARAN

DAKWAH USIA

4.1 PENGENALAN

Sebagaimana dengan gerakan dan pertubuhan dakwah yang lain, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah atau *United Sabah Islamic Association* ataupun yang lebih dikenali sebagai USIA, merupakan pertubuhan yang bergiat secara aktif dalam menjalankan dakwah terhadap masyarakat di Sabah. Ia telah mengambil bahagian dalam usaha penyebaran dan perjalanan dakwah di negeri di bawah bayu ini. Dengan adanya aktiviti dan program yang dijalankan, maka ia secara tidak langsung menjadikan USIA sebahagian daripada medium dakwah selain daripada pertubuhan-pertubuhan mahupun agensi dakwah yang lain yang ada di Sabah.

Untuk itu, di dalam bab ini, penulis akan menerangkan dan menjelaskan tentang program dakwah yang dijalankan oleh USIA, strategi dakwah USIA serta cabaran yang dihadapi dalam usaha dakwah USIA.

4.2 STRATEGI DAKWAH PERTUBUHAN ISLAM SELURUH SABAH

4.2.1 PENGENALAN

Setiap gerakan dakwah mahupun pertubuhan dakwah yang ada di negara kita, sudah tentulah ia memerlukan kepada pencapaian kejayaan yang paling maksimum bagi mencapai matlamat sebenar dakwah itu. Sejajar dengan perkembangan masa kini, gerakan dakwah perlu lebih agresif dan lebih kehadapan sama ada dari aspek pengurusan pentadbiran, pengurusan kewangan, perjalanan aktiviti dakwahnya dan yang paling penting adalah strategi dan pendekatan yang digunakan perlu lebih fleksibel dengan masa kini.

Strategi merupakan komponen penting dalam sesebuah organisasi sama ada organisasi dakwah mahupun konvensional. Ini kerana strategi menentukan hala tuju kejayaan sesebuah organisasi dan kejayaan itu dinilai daripada pelbagai aspek. Bermula dari aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian semula aktiviti yang telah dirancang itu sehingga berjaya mencapai matlamat dan objektif penubuhan sebenar orgnisasi tersebut. Dalam erti kata yang lain, kejayaan bergantung kepada pengalaman dan pengetahuan serta musyawarah antara ahli-ahli organisasi disamping mengambil kira faktor persekitaran.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, *strategi* bermaksud *rancangan yang teratur yakni yang memperhitungkan pelbagai faktor untuk mencapai matlamat atau kejayaan*¹⁷⁹.

Ia bermaksud bahawa setiap rancangan yang dirancangkan bagi mencapai matlamat dan perjalanan dakwah umumnya dan matlamat dakwah USIA khususnya.

Manakala Syed Othman al-Habshi pula menyatakan bahawa strategi ialah suatu rangka kerja dari segi prioriti yang harus dilaksanakan untuk mencapai objektif dakwah dengan cara yang paling berkesan¹⁸⁰.

Oleh itu, pengkaji akan mengulas mengenai rancangan yang dilaksanakan ataupun strategi yang digunakan oleh USIA dalam usaha mencapai matlamat dakwahnya.

Berdasarkan kepada temubual bersama Datuk Hj Sahari Abdul Latif, USIA mempunyai dua matlamat utama iaitu menjayakan kepentingan agama Islam di negeri Sabah. Kini, matlamat tersebut sudah pun tercapai apabila agama Islam dijadikan sebagai agama rasmi negeri Sabah dengan mendapatkan majoriti masyarakat Sabah beragama Islam termasuklah Ahli Dewan Undangan Negeri menerusi kegiatan pengislaman yang aktif dijalankan suatu ketika dahulu¹⁸¹.

¹⁷⁹ Teuku Iskandar, (2005), *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, h: 1305.

¹⁸⁰ Syed Othman al-Habshi (1998), “*Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah*”, dalam Abdullah Muhammad Zin et al. (eds.) , *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. UKM: Bangi, .h. 113.

¹⁸¹ Datuk Hj Sahari Abdul Latif, Pegawai Dakwah, USIA Bahagian Kota Kinabalu. Temubual pada 19 Jun 2007.

Walaupun matlamat pertama USIA tercapai, tetapi ia adalah untuk suatu ketika dahulu dan keperluan pada masa tersebut. Kini USIA terus berusaha untuk menjalankan dakwahnya berdasarkan kepada kedua-dua matlamat dakwah USIA di atas. Kedua-dua matlamat utama dalam gerakan dakwah USIA membawa kepada strategi dakwah USIA dan seterusnya kepada pelan perancangan USIA untuk masa hadapan. Matlamat dakwah ini telah menjadi landasan kepada USIA untuk terus bergerak aktif dalam arena dakwah. Matlamat untuk memartabatkan agama Islam dan membangunkan kualiti umat Islam telah memberikan USIA alternatif untuk mara dengan pelbagai perancangannya yang tersendiri.

Strateginya yang tersendiri digunakan dalam melebarkan sayap dakwah USIA. Ia berfungsi sebagai nadi gerakan pertubuhan dakwah ini dalam usaha menghasilkan sesuatu yang terbaik diantara yang terbaik dan mencapai segala matlamat dakwahnya ke tahap yang paling maksimum.

Strategi dakwah USIA ini dilihat dari beberapa aspek tertentu. Strategi yang digunakan akan diadaptasikan menerusi bahagian-bahagian yang ada dalam organisasi USIA. Untuk menjamin keberkesanan strategi yang digunakan, maka pendekatan-pendekatan tertentu digunakan dalam perjalanan aktiviti dakwah USIA yang mana ia diadaptasikan di dalam bahagian Dakwah USIA, Bahagian Wanita USIA dan Bahagian Belia USIA.

Ketiga-tiga bahagian ini dinyatakan dalam kajian penulis kerana ketiga-tiga bahagian ini yang akan menjalankan aktiviti dakwah USIA berasaskan kepada strategi yang telah

dirancangkan dan untuk menjamin kejayaan matlamat dakwah, maka pendekatan-pendekatan tertentu diguna pakai.

4.2.2 STRATEGI DAKWAH PERTUBUHAN ISLAM SELURUH SABAH (USIA)

1. Mengenali Dan Memahami Adat Setempat

Dalam konteks memahami masyarakat atau sasaran dakwah, Ab Aziz Md Zin telah menjelaskan bahawa langkah pertama yang perlu dilakukan untuk berdakwah kepada sasaran dakwah yang bukan beragama Islam ialah cuba memahami dasar-dasar agama mereka dan adat-adat kebudayaan termasuk pantang larang¹⁸².

Berdasarkan kepada keterangan diatas, mengenali dan memahami dasar agama serta budaya masyarakat setempat merupakan hal yang sangat penting. Ini kerana ia merupakan satu strategi dalam usaha melaksanakan dakwah di kalangan sasaran sama ada sasaran beragama Islam mahupun yang bukan beragama Islam apatah lagi di bumi Sabah ini kerana kepelbagaian etnik dan budaya.

¹⁸² Ab Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Universiti Malaya, h:222.

Bagi keadaan masyarakat di Sabah, ia agak berlainan sedikit dengan keadaan masyarakat di Semenanjung Malaysia kerana masyarakat di Sabah ini terbahagi kepada pelbagai etnik, suku kaum, bangsa serta budaya hidup.

Oleh itu, strategi memahami adat budaya masyarakat yang mempunyai kepelbagaian etnik, suku kaum dan budaya sasaran menjadi strategi yang sangat penting. Untuk itu, USIA tidak pernah ketinggalan untuk mendekati sasaran dakwah mereka dengan berusaha memahami budaya sasaran mereka.

Berdasarkan kepada temubual yang dilakukan, Ustaz Zulkeflee Haji Abu Bakar menyatakan bahawa perkara pertama yang dilakukan oleh para pendakwah USIA adalah mengenalpasti setiap lokasi sasaran dakwah yang akan dituju. Ia bertujuan untuk mengetahui selok belok dari sudut adat resam dan budaya serta cara hidup di sesebuah tempat tersebut¹⁸³.

Bukan itu sahaja, Ustaz Zulkeflee turut menjelaskan bahawa bagi tujuan mengenalpasti sasaran dakwah dan lokasi, USIA Bahagian akan menghubungi setiap ketua cawangan USIA di setiap daerah yang ingin dilawati atas tujuan dakwah. Ketua cawangan akan memainkan peranan penting iaitu dengan berjumpa dengan ketua kampung untuk mendapatkan keterangan dan keadaan sebenar sesebuah tempat tersebut serta yang paling penting adalah sumber mengenai adat

¹⁸³ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

resam dan budaya kampung yang hendak dilawati oleh USIA. Bagi Ustaz Zulkeflee, pemahaman dan pengetahuan tentang latarbelakang masyarakat itu sangat penting untuk diketahui kerana berlainan adat resam serta budaya hidup masyarakat di Pedalaman dan di sekitar Bandar atau daerah Sabah yang jauh berbeza.

Strategi ini dianggap sangat penting dan unik kerana walaupun ia sangat biasa tetapi mengenalpasti suku kaum, budaya setempat dan adat resam bagi kaum-kaum di Sabah sememangnya sangat berlainan. Setiap kaum yang ada di Sabah memiliki adat budaya dan resam yang pelbagai terutama bagi penduduk yang tinggal di Pedalaman Sabah. Hal ini diakui sendiri oleh para pendakwah USIA dan juga Ustaz Zulkeflee Hj Abu Bakar yang turut terlibat dalam usaha mengenalpasti dan memahami budaya masyarakat suku kaum di Sabah terutama di Pedalaman Sabah.

Hal ini turut diakui oleh Muda @ Ismail Ab. Rahman dalam kajiannya yang menjelaskan bahawa antara faktor yang perlu diberi perhatian oleh setiap pendakwah Islam ialah bahawa setiap etnik pribumi di Sarawak mempunyai adat resam dan tradisi yang perlu dihormati. Sebagai contoh, masyarakat Dayak dengan pesta Gawai, sama ada Gawai Antu atau Gawai Padi adalah adat tradisi yang mempunyai pengaruh yang dominan dalam masyarakat Iban dan Bidayuh. Pendakwah Islam perlu memahami adat ini dalam konteks tradisi etnik di atas¹⁸⁴.

¹⁸⁴ Muda@Ismail Ab.Rahman (1997), “Strategi dan Metodologi Dakwah: Kajian Kes di Sarawak”, dalam Abdulah Muhammad Zin *et al.* (eds.), *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h.97.

Kesimpulannya, ternyata bahawa strategi ini sangat berkesan dalam usaha untuk mendekatkan diri para pendakwah dengan sasaran yang bakal dituju. Ia merupakan strategi terbaik yang dilakukan oleh USIA dalam usaha untuk memahami budaya dan adat resam masyarakat.

2. Ahli USIA Dikalangan Orang Kenamaan/Status Kepimpinan Sebagai Strategi Dakwah Usia

Salah satu daripada pendekatan USIA dalam usaha mengembangkan syiar Islamiah adalah dengan menjadikan ahli USIA dikalangan masyarakat setempat yang mempunyai status kepimpinan dan pangkat.

Penonjolan masyarakat setempat yang berpangkat serta berstatus kepimpinan merupakan salah satu daripada strategi dakwah USIA. Penglibatan golongan ini merupakan satu bonus kepada perjuangan dakwah USIA. Ini kerana dengan adanya penglibatan masyarakat ini dalam usaha dakwah, maka ia secara tidak langsung dapat memberikan satu gambaran yang sangat baik di kalangan masyarakat atau sasaran dakwah¹⁸⁵.

Menurut Ustaz Zulkeflee Hj Abu Bakar, penglibatan golongan berpangkat dan berstatus kepimpinan ini akan menyebabkan sasaran dakwah akan lebih menghormati perjuangan USIA kerana dengan adanya penglibatan

¹⁸⁵ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

golongan berpangkat dan berstatus ini, secara tidak langsung ia meletakan status dakwah USIA juga¹⁸⁶.

Apa yang dimaksudkan di sini adalah, dakwah USIA bukan sekadar hanya pelaksanaan dakwah tetapi dalam usaha untuk meningkatkan martabat dakwah itu sendiri. Jika dahulu dakwah hanya dilihat lebih sinonim dengan ceramah-ceramah agama di kampung-kampung dengan sasaran yang terhad hanya dikalangan ahli-ahli masjid, masyarakat kampung kini penglibatan itu tidak hanya terhad kepada masyarakat tersebut kerana USIA menjadikan golongan berstatus ini sebagai satu gambaran dan cermin bagi mengangkat martabat dakwah itu sendiri.

Kesimpulannya, dalam erti kata yang lain, dakwah juga secara tidak langsung berlaku dikalangan golongan berpangkat dan berstatus. Dengan adanya golongan ini, ia dapat menarik sasaran dakwah di kalangan orang-orang yang berpangkat dan sekurang-kurangnya dapat menjelaskan dan memperkenalkan Islam secara tidak langsung.

¹⁸⁶ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

3. Strategi Menerusi Pendekatan ‘Ziarah Sekampung’

Skop dakwah Islamiah amat luas kerana usaha ini merangkumi penyampaian seruan Islam, mengajak dan memanggil umat manusia supaya mempercayai dan beramal dengan pandangan hidup Islam. Oleh itu, semua aktiviti yang membawa kepada kebaikan dan hidayah adalah termasuk dalam ruang lingkup dakwah¹⁸⁷.

Berdasarkan kepada keterangan di atas yang menjelaskan bahawa semua aktiviti yang membawa kepada kebaikan adalah termasuk dalam arena perjalanan dakwah. Inilah yang telah dilaksanakan oleh gerakan dakwah USIA iaitu melaksanakan aktiviti mendekati sasaran di kawasan kampung termasuk kawasan pedalaman Sabah. USIA memasang strategi menerusi pendekatan ‘Ziarah sekampung’. Strategi yang digunakan ini membawa banyak manfaat kepada masyarakat khususnya.

Menurut Ustaz Zulkeflee Hj Abu Bakar, beliau menjelaskan bahawa strategi dakwah USIA iaitu ‘ziarah sekampung’ ini memerlukan semua pendakwah dan ahli USIA untuk hadir ke kampung-kampung yang terpilih untuk mengadakan majlis kenduri besar-besaran. Kenduri ini akan diadakan di dewan terbuka di sebuah kampung. Ia bermula dengan majlis gotong royong membersihkan kawasan kampung kemudian kerjasama dikalangan

¹⁸⁷ Abdullah Muhammad Zin (1997), “Dakwah kepada Masyarakat Bukan Muslim di Malaysia: Konsep dan Metode”, dalam Abdulah Muhammad Zin *et al.* (eds.), *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h.75.

ahli USIA dan masyarakat setempat untuk mengambil bahagian dalam menyediakan juadah makanan bagi tujuan kenduri tersebut¹⁸⁸.

Apa yang menariknya, semua orang kampung di jemput hadir bagi memeriahkan majlis tersebut tanpa mengira agama dan kaum. Sebelum majlis bermula, penceramah dari unit dakwah USIA akan memberikan sedikit ceramah ringkas tentang Islam dan isi kandungan ceramah tersebut sudah tentunya tidak terlalu sarat dengan agenda kerana ceramah ini sebagai pengenalan tentang gambaran Islam secara ringkas¹⁸⁹.

4. Konsep ‘Turun Padang’

Konsep ‘*Turun Padang*’ yang dimaksudkan disini ialah kehadiran Ahli Majlis Tertinggi USIA dalam aktiviti yang dianjurkan. Kehadiran golongan ini memberikan satu gambaran yang sangat baik terhadap proses dakwah Islamiah di Sabah.

Berdasarkan kepada temubual bersama Ustaz Zulkeflee, beliau menjelaskan bahawa Ahli Majlis Tertinggi USIA juga turut hadir dalam beberapa aktiviti yang dianjurkan. Sebagai contoh, aktiviti Khemah Ibadah USIA

¹⁸⁸ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

¹⁸⁹ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

turut dihadiri oleh bekas Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Haji Sakaran bin Hj Dandai selaku Ahli Majlis Tertinggi USIA¹⁹⁰.

Dengan kehadiran golongan-golongan ini, ia turut mencuri tumpuan masyarakat kampung¹⁹¹. Secara tidak langsung, kehadiran golongan berpengaruh dan berpangkat ini turut menarik perhatian masyarakat kampung untuk menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh USIA. Inilah yang uniknya tentang strategi yang digunakan USIA dalam usaha mendekati sasaran dakwahnya. Bagi dakwah USIA, mengenali dan memahami serta mendekati masyarakat dakwah yang ditonjolkan menerusi penglibatan golongan berpangkat dan berpengaruh ini dapat membantu USIA untuk mendekati masyarakatnya.

Kesimpulannya, kehadiran golongan ini memberikan satu makna yang amat besar dalam dakwah USIA. Kehadiran mereka dalam aktiviti dakwah menjelaskan kepada masyarakat bahawa golongan ini juga terlibat dalam aktiviti dakwah dan ia juga secara tidak langsung menggambarkan status yang sangat baik dikalangan masyarakat setempat.

¹⁹⁰ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

¹⁹¹ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

5. Pendekatan ‘Mendekati Masyarakat’

Strategi yang dilaksanakan USIA menerusi pendekatan ini adalah mendekati sasaran saudara baru. Saudara baru ini adalah golongan yang telah memeluk Islam suatu ketika dahulu dipelusuk negeri Sabah. USIA berusaha mencari dan mendekati semula sasaran ini. Dalam konteks ini, USIA cawangan memainkan peranan yang sangat penting untuk mencari dan memberikan pertolongan yang semampu oleh USIA kepada golongan ini. Salah satu cara untuk mencari dan mendekati sasaran ini adalah menerusi aktiviti yang dianjurkan oleh USIA.

Menurut Ustaz Zulkeflee Hj Abu Bakar, pendekatan ‘mendekati sasaran’ ini merupakan satu strategi dakwah USIA. Pendekatan ini sebenarnya lebih menumpukan kepada golongan saudara baru. Menurut Ustaz Zulkeflee, pendekatan ini digunakan untuk mencari semula golongan saudara baru suatu ketika dulu dibeberapa lokasi terpilih. Ia ekoran daripada peristiwa pengislaman beramai-ramai yang pernah berlaku di negeri Sabah suatu ketika dahulu. Usaha ini dilakukan bagi mengesan semula golongan ini terutama yang tinggal di kawasan pedalaman Sabah berpandukan kepada cawangan USIA di setiap daerah. Pendekatan ini bertujuan untuk memberikan ruang kepada saudara baru untuk menampilkan diri sama ada untuk mendalami Islam ataupun memohon sebarang khidmat bantuan¹⁹².

¹⁹² Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

Bukan itu sahaja, Ustaz Zulkeflee dalam temubualnya menjelaskan bahawa masih terdapat segelintir saudara baru yang tampil ke pejabat USIA bagi mendapatkan bantuan. Peranan USIA dalam konteks ini adalah dengan menjelaskan kepada golongan ini tentang saluran tertentu yang boleh digunakan untuk mendapatkan bantuan sama ada melalui pusat zakat Sabah atau pun melalui jabatan kebajikan masyarakat¹⁹³. Peranan USIA disini adalah untuk terus tampil memberikan bantuan kepada golongan saudara baru dan USIA menjadi medium bagi mereka untuk mendapatkan maklumat serta bantuan. USIA bertindak sebagai medium untuk mencari ruang dan peluang bagi golongan saudara baru ini untuk memperbaiki kehidupan golongan saudara baru sama ada dalam konteks memahami Islam dan bantuan material¹⁹⁴.

Kesimpulannya, USIA Cawangan menjadi medium sangat penting untuk mencari dan mendekati golongan saudara baru ini. USIA berusaha untuk memberikan sesuatu yang terbaik sesuai dengan kemampuan USIA sendiri. Usaha untuk mengesan dan mendekati sasaran ini sudah tentu memberikan cabaran dalam dakwah USIA.

¹⁹³ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

¹⁹⁴ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

6. Blue Print¹⁹⁵ Sebagai Strategi Dakwah Usia

Pertubuhan Islam Seluruh Sabah yang ditubuhkan pada tahun 1969 telah memainkan peranan yang cukup berkesan sebagai sebuah badan dakwah di negeri ini. Penubuhan USIA yang diasaskan oleh bekas Ketua Menteri Sabah Allahyarham Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun itu kini mempunyai 50,000 orang ahli melibatkan 23 bahagian di seluruh negeri Sabah. Jumlah tersebut jelas menggambarkan kecemerlangan yang dirntis oleh pertubuhan tersebut tanpa mengenal penat lelah menggerakkan aktiviti dakwah selain meningkatkan kefahaman masyarakat bukan Islam terhadap agama Islam itu sendiri. Hari ini selepas mencelah usia 38 tahun, USIA mula mengorak langkah lebih jauh kehadapan dengan merangka *Blue Print Memperkasakan Gerakan Dakwah*' yang dilancarkan oleh ketua Menteri Datuk Seri Musa Haji Aman sempena Majlis Perasmian Perhimpunan Agung Tahunan USIA ke 20 pada 24-26 November 2006 bertempat di Daerah Tawau.

Menurut Ustaz Zulkefllee, rangka kerja dakwah USIA yang terkandung di dalam '*Blue Print Memperkasakan Gerakan Dakwah*' ini adalah merupakan strategi gerakan dakwah USIA dalam melaksanakan aktiviti dakwahnya. Segala usaha dakwah ini telah dirangka dalam Blue Print ini dan ia sebagai garis panduan dalam melaksanaan dakwah USIA¹⁹⁶.

¹⁹⁵ Buletin USIA, Edisi 01/2007, h: 5-6.

¹⁹⁶ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

*Blue Print*¹⁹⁷ yang dirangka oleh USIA ini mempunyai dua objektif iaitu objektif Am dan objektif Khas. Objektif Blue Print ini dirangka adalah untuk mencapai matlamat akhir menegakkan dakwah di Sabah yang bertunjangkan *Mardatillah*. Terdapat empat Objektif Am Blue Print ini iaitu pertama adalah ia sebagai pemantapan gerakan dakwah sedia ada untuk pembangunan dakwah di Sabah, kedua, ia sebagai garis panduan pelaksanaan gerakan dakwah di USIA, ketiga, ia adalah sebagai panduan yang bersifat menyeluruh merangkumi ekonomi dan ICT manakala objektif yang ke empat ialah ia sebagai asas kepada kerjasama dengan badan-badan dakwah kerajaan dan NGO.

Berdasarkan kepada objektif am tersebut, USIA telah menjadikan gerakan dakwahnya sebagai dakwah menyeluruh kepada segenap lapisan masyarakat. Bagaimanapun, dakwah kepada ‘saudara kita’ dan golongan Bukan Islam adalah menjadi keutamaan. Untuk itu, Blue Print yang dirangka ini mempunyai objektif khasnya yang tersendiri. Objektif khas tersebut adalah seperti berikut.

Manakala Objektif Khas¹⁹⁸ Blue Print ini adalah untuk membantu serta meningkatkan kadar ‘celik agama’ di kalangan masyarakat terutama sekali golongan ‘saudara kita’. Objektif yang kedua pula ialah untuk membantu mencapai ‘Murtad Sifar’ di dalam masyarakat terutama di kalangan golongan ‘saudara kita’. Manakala objektif ketiga adalah untuk mewujudkan hubungan yang lebih baik

¹⁹⁷ Blue Print Memperkasa Gerakan Dakwah USIA, (2006), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 6.

¹⁹⁸ *Ibid.*, h: 6 .

dengan masyarakat Bukan Islam melalui persefahaman dan perbincangan yang lunak dan sesuai manakala objektif terakhir Blue Print ini adalah untuk menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat bukan Islam dengan menggunakan pelbagai cara dan pendekatan yang paling hikmah.

Kesimpulannya, ini bermakna bahawa pelan induk yang dilancarkan oleh USIA juga merupakan satu rangka kerja yang dilaksanakan bagi menjayakan matlamat dakwah dan ia juga merupakan strategi jangka masa panjang USIA dalam usaha mengembangkan syiar Islam di negeri Sabah.

Ia sejajar dengan pandangan Syed Othman al-Habshi yang menyatakan bahawa strategi ialah suatu rangka kerja dari segi prioriti yang harus dilaksanakan untuk mencapai objektif dakwah dengan cara yang paling berkesan.

4.3 ANALISIS PROGRAM DAKWAH PERTUBUHAN ISLAM SELURUH SABAH (USIA)

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, didapati bahawa program-program dakwah USIA dijalankan oleh tiga bahagian utama dalam pentadbiran USIA iaitu Bahagian Dakwah USIA, Bahagian Wanita USIA dan Bahagian Belia USIA. Ketiga-tiga bahagian ini dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan segala program yang telah dirancang oleh USIA.

Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat program khusus yang dianjurkan oleh USIA Pusat yang melibatkan semua ahli jawatankuasa tertinggi dan ahli USIA sama ada USIA Bahagian ataupun Cawangan. Program yang dimaksudkan adalah program lawatan. Program ini dihadiri oleh Yang diPertua USIA serta Ahli Majlis Tertinggi sama ada turut ke tapak program atau lawatan kerja ke USIA Bahagian ataupun USIA Cawangan di seluruh pelusuk negeri Sabah. Program lawatan ini telah menjadi aktiviti wajib bagi USIA Pusat¹⁹⁹.

Selain daripada program lawatan, Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawikh serta sambutan Aidil Fitri juga menjadi satu aktiviti wajib bagi USIA Pusat. Pada masa ini, semua AJK dan

¹⁹⁹ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 16

Ahli USIA akan hadir bagi mengeratkan lagi silaturahim dikalangan Ahli Majlis Tertinggi bersama ahli USIA sama ada USIA Pusat, Cawangan mahupun Bahagian²⁰⁰.

Menurut Ustaz AbuHuraira melalui temubual yang dijalankan, beliau mengatakan bahawa program dakwah USIA dijalankan oleh tiga bahagian utama dalam pentadbiran USIA iaitu Bahagian Dakwah USIA, Bahagian Belia USIA dan Bahagian Wanita USIA. Peruntukan yang diberikan oleh pusat pentadbiran USIA disalurkan kepada tiga bahagian tersebut untuk pelaksanaan aktiviti dakwah USIA²⁰¹.

1-PROGRAM BAHAGIAN DAKWAH USIA

Hasil kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa program dakwah USIA ini dijalankan oleh tiga bahagian utama iaitu Bahagian Dakwah USIA, Bahagian Wanita USIA dan Bahagian Belia USIA. Isi kandungan program yang djalankan melihat kepada keperluan sasaran dakwah masyarakat di Sabah dan pencapaian matlamat dakwah USIA itu sendiri.

²⁰⁰ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 16

²⁰¹ Ustaz Abu Huraira, Pegawai Dakwah USIA, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada ;19 April 2011.

Ustaz Abuhuraira menjelaskan bahawa aktiviti yang dijalankan adalah dibawah tanggungjawab Bahagian yang diamanahkan oleh pihak pentadbiran USIA. Beliau menerangkan bahawa Bahagian Dakwah USIA menjalankan aktiviti dakwahnya melalui²⁰²:

1. Aktiviti ceramah; bagi aktiviti ini, para pegawai dakwah akan menjalankan aktiviti ceramah di Masjid, surau atau tempat tertentu mengikut kepada dimana aktiviti ceramah itu dijalankan. Selain itu, pendakwah USIA juga terlibat dengan aktiviti memberikan khutbah sekiranya terdapat permintaan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). Ceramah yang dijalankan adalah sempena hari kebesaran Islam seperti Nuzul Quran, Maulidur Rasul, Isra' dan Mikraj dan hari kebesaran Islam yang lain. Manakala khutbah Jumaat yang dijalankan adalah berpandukan daripada JHEAINS itu sendiri.

Menurut Ustaz AbuHuraira juga, pegawai dakwah USIA juga terlibat dengan aktiviti ceramah daripada pertubuhan lain sama ada pertubuhan kerajaan mahupun bukan kerajaan. Pegawai dakwah juga terlibat dengan aktiviti ceramah luar sekiranya mendapat undangan daripada luar seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS) serta agensi kerajaan yang lain²⁰³.

²⁰² Ustaz Abuhuraira , Pegawai Dakwah USIA, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 19 April 2011.

²⁰³ *Ibid.*, Temubual pada 19 April 2011.

Ini menunjukkan bahawa program dakwah USIA tidak hanya tertumpu kepada apa yang telah dirancangkan oleh Unit Pentadbiran USIA Pusat, bahkan penglibatan terhadap agensi luar juga menjadi rutin dakwah bagi pegawai dakwah USIA. Secara tidak langsung, ini akan membantu untuk menggerakkan proses dakwah USIA terhadap masyarakat setempat. Penglibatan dakwah menerusi jemputan luar juga menjadi salah satu medium dakwah Bahagian Dakwah USIA Pusat itu sendiri.

2. Khemah Ibadat; Menurut Ustaz Zulkeflee Haji Abu Bakar, program khemah ibadat ini menjadi satu program wajib Bahagian Dakwah USIA. Program ini dijalankan setiap tahun dan memerlukan kos yang sangat tinggi dan ia berjalan selama empat hari tiga malam di kampung yang terpilih semasa cuti sekolah. Sasaran dakwah terdiri daripada golongan murid-murid rendah dan menengah, pelajar Institusi Pengajian Tinggi serta golongan belia yang masih menganggur²⁰⁴.

Program ini bermula pada hari Jumaat dan khutbah Jumaat serta pembentangan kertas kerja menjadi antara pengisian utama dalam program ini. Program ini juga mendapat sokongan daripada pihak luar seperti PEMADAM yang turut memberikan ceramah. Antara slot dakwah yang menjadi fokus utama pegawai dakwah adalah bahagian pendidikan, ibadat, perbandingan agama, sirah dan hadis. Slot ini menjadi tajuk utama dalam program yang dijalankan²⁰⁵.

²⁰⁴ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

²⁰⁵ *Ibid.*, Temubual pada 21 April 2011.

Program khemah ibadah ini menjadi satu medium yang sangat baik antara USIA dengan golongan belia dan beliawanis. Ia menjadi penghubung kepada masyarakat kampung agar terus aktif dalam usaha untuk mempelajari dan mengetahui tentang ajaran agama Islam. selaras dengan matlamat utama dakwah USIA iaitu menyebarkan dakwah ke seluruh pelusuk daerah negeri Sabah.

3. Program Ziarah Sekampung; Program ini juga menjadi satu program wajib bagi Bahagian Dakwah. Ia menjadi satu aktiviti yang sangat menarik untuk dijalankan. Menurut Ustaz Zulkeflee Haji Abu Bakar, objektif utama program ini adalah untuk melibatkan USIA dengan masyarakat setempat dan ia memerlukan perbelanjaan yang sangat besar. Ia dimulakan dengan ziarah ke satu kampung yang terpilih dan pemilihan kampung tersebut bergantung kepada perbincangan antara USIA Pusat dan USIA Cawangan dan Bahagian²⁰⁶.

Aktiviti yang menjadi tumpuan utama adalah dengan mengadakan kenduri besar-besaran sebagai tanda penghargaan USIA kepada masyarakat kampung dengan menyembelih seekor kerbau atau lembu. Penyembelihan akan dilakukan oleh pegawai dakwah USIA dan dibantu oleh masyarakat kampung. Uniknya program ini, penglibatan bukan sahaja di kalangan masyarakat Islam bahkan ia juga terbuka kepada masyarakat bukan Islam. Kenduri secara besar-besaran ini akan dijalankan di sebuah dewan sekiranya wujud di kampung tersebut. Sekiranya tidak, maka

²⁰⁶ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

kenduri akan dijalankan di padang ataupun satu tempat yang dapat mengumpulkan masyarakat kampung²⁰⁷.

Ini menunjukkan bahawa program yang dijalankan ini memberikan ruang dan peluang kepada sasaran dakwah untuk mendekati para pendakwah sama ada untuk mengeratkan hubungan mahupun sebagai medium untuk mengetahui dan mempelajari selok belok agama Islam sama ada masyarakat yang terdiri daripada orang Islam mahupun bukan Islam. bagi USIA, tidak ada yang menghalang masyarakat bukan Islam untuk mengetahui ajaran Islam dan ini adalah tujuan dakwah sebenar USIA.

Menurut Ustaz Zulkeflee Abu Bakar, objektif utama USIA dalam program ini adalah untuk mengenali masyarakat kampung dan untuk memperjelaskan ajaran Islam menerusi aktiviti ceramah yang sememangnya sinonim dengan USIA²⁰⁸.

4. Program Saudara Baru dan Pengislaman; Program saudara baru yang dijalankan USIA lebih bermatlamatkan untuk mencari saudara baru yang telah lama memeluk Islam iaitu pada zaman Allahyarham Tun Mustapha suatu ketika dulu. Gerakan dakwah USIA dijalankan dengan mencari golongan ini melalui Bahagian-Bahagian dan cawangan-cawangan USIA diseluruh pelusuk negeri Sabah. Cawangan dan

²⁰⁷ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

²⁰⁸ *Ibid.*, Temubual pada 21 April 2011.

bahagian ini berfungsi untuk menjalankan program dakwah di samping berusaha untuk mencari golongan saudara baru yang terdahulu. USIA berpendapat bahawa sudah menjadi tanggungjawab USIA untuk mencari dan membantu golongan ini di samping berusaha untuk menyegarkan kefahaman Islam kepada golongan ini.

Ustaz Zulkeflee Haji Abu Bakar menjelaskan bahawa USIA Bahagian Dakwah akan mencari golongan saudara baru ini untuk mendapatkan bantuan zakat dan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sekiranya saudara baru in tampil dan memerlukan pertolongan. Menurut Ustaz Zulkeflee Abu Bakar lagi, USIA Bahagian Dakwah akan berusaha untuk mendapatkan bantuan tersebut sekiranya layak untuk mendapatkannya²⁰⁹.

Ini jelas menunjukkan bahawa USIA Bahagian Dakwah bukan hanya menjalankan aktiviti dakwah menerusi program dakwah setiap Bahagian bahkan USIA turut menjadi medium pengurusan antara satu jabatan dengan jabatan yang lain bagi mendapatkan hak dan kebajikan golongan saudara baru ini. Terdapat dua manfaat yang didapati menerusi ini iaitu disamping membantu golongan saudara baru ini, USIA juga berusaha untuk menerapkan semula pembinaan kefahaman terhadap Islam. Program dijalankan bagi memberikan penjelasan tentang Islam itu sendiri. ia secara tidak langsung memberikan imej yang sangat baik di mata masyarakat setempat tentang usaha dakwah USIA.

²⁰⁹ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

Ia sejajar dengan apa yang dinyatakan oleh Ab Aziz Mohd Zin bahawa antara tanggungjawab dakwah masa kini adalah melaksanakan program pembinaan. Peranan dari sudut pembinaan kefahaman ini ialah untuk memberikan penjelasan yang nyata. Ia mengandungi usaha supaya difahami dan bentuk kefahaman berdasarkan kepada yang hendak dibina²¹⁰. Untuk itu, USIA telah menjalankan tanggungjawabnya untuk memberikan kefahaman yang jelas kepada sasarannya dengan melaksanakan program pembinaan khususnya kepada saudara baru.

5. Sesi Dialog; USIA Bahagian Dakwah sememangnya sinonim dengan perbandingan agama. Sesi dialog ini diadakan diantara pendakwah USIA dan paderi yang datang membuat lawatan dan seterusnya diakhiri dengan sesi dialog perbandingan agama. Sesi ini turut dihadiri oleh Ahli Majlis Tertinggi USIA dan pemimpin tertinggi kerajaan²¹¹.

Dari satu sudut dakwah, program ini memberikan nilai yang sangat tinggi dalam perjalanan dan proses dakwah di Sabah. Penglibatan golongan ini amat menarik kerana sesi dialog ini bukan sahaja memberikan pengetahuan bahkan memberikan ruang idea kepada para pemimpin Islam di Sabah untuk sentiasa memikirkan idea dan alternatif bagi meningkatkan lagi usaha dakwah Islamiah di Sabah.

²¹⁰ Abd Aziz Mohd Zin et al (2006), *Dakwah dalam pembinaan Islam Hadhari di Malaysia*, Universiti Malaya, h:15

²¹¹ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

2- PROGRAM BAHAGIAN BELIA USIA

Bagi Bahagian Belia USIA, ia juga mendapat peruntukan untuk menjalankan aktivitinya daripada USIA Pusat.

Berdasarkan kepada laporan tahunan USIA dan hasil temuramah bersama Ustaz Jadmin selaku Timbalan Setiausaha Ketua Belia USIA Pusat, beliau menjelaskan bahawa program yang dianjurkan oleh Bahagian Belia USIA lebih kepada aktiviti seminar. Aktiviti Bahagian Belia ini memfokuskan kepada seminar belia dan belianis menerusi kerjasama beberapa pihak terutamanya USIA Pusat yang sedia menjadi nadi utama penggerak. Aktiviti seminar ini ada yang dianjurkan oleh USIA Pusat sendiri dan juga terdapat anjuran bersama pertubuhan yang lain sama ada pertubuhan kerajaan maupun bukan kerajaan²¹².

Oleh itu, tidak banyak yang dapat dijelaskan mengenai aktiviti dakwah Bahagian Belia kerana aktivitinya berjalan seiring dan anjuran bersama Bahagian Dakwah dan Bahagian Wanita USIA.

²¹² Ustaz Jadmin, Setiausaha Belia USIA, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2010.

3- PROGRAM BAHAGIAN WANITA USIA

Bagi Bahagian Wanita USIA, ia juga mendapat peruntukan daripada USIA Pusat untuk menjalankan aktiviti dakwahnya sama seperti Bahagian Belia USIA. Cuma pendekatan yang digunakan sedikit berbeza berbanding dengan USIA Bahagian Dakwah dan Belia. Sasaran dakwah juga tertumpu sepenuhnya pada kaum wanita.

Menurut Ustazah Rangraini selaku Setiausaha Wanita USIA, Bahagian ini sangat aktif dalam aktivitinya terhadap sasaran dakwahnya khususnya kaum wanita. Penglibatan daripada masyarakat setempat juga amat memuaskan. Cuma yang menjadi masalah utama bagi Bahagian Wanita USIA adalah tidak adanya pendakwah wanita di USIA Bahagian ini. Ia menjadi faktor utama Bahagian ini mendapatkan khidmat daripada luar menerusi aktiviti anjuran bersama dengan agensi kerajaan mahupun bukan kerajaan. Beliau juga turut menjelaskan bahawa corak aktiviti bahagian Wanita ini lebih kepada bersifat kewanitaan sesuai dengan wanita itu sendiri. aktiviti yang dianjurkan lebih kepada seminar kewanitaan, kesihatan, lawatan dan ziarah.²¹³

²¹³ Ustazah Rangraini, Setiausaha Wanita USIA, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2010.

Aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian Wanita USIA ini ialah;

- 1- Seminar kewanitaan dan kesihatan; Dalam aktiviti ini, ia juga sama seperti Bahagian Dakwah dan Belia USIA iaitu aktif mengadakan seminar kewanitaan. Ia dianjurkan oleh USIA Wanita dan juga penglibatan dengan anjuran daripada pertubuhan kerajaan mahupun bukan kerajaan.

Walaubagaimanapun, sasaran dakwah ini adalah terhad dan ia lebih tertumpu kepada golongan wanita yang berkerjaya sahaja yang terlibat.

- 2- Qiyamulail di kampung-kampung dan ceramah; Aktiviti yang dijalankan ini sangat menarik untuk diketengahkan dalam masyarakat. Menurut ustazah Rangraini, aktiviti ini selalunya berjalan di surau-surau kampung. USIA Cawangan memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan perjalanan aktiviti ini²¹⁴. Sasarannya sudah tentu terdiri daripada kaum ibu yang tidak bekerja di kampung-kampung. Walaupun kadangkala agak menjadi kesukaran untuk kaum wanita melibatkan diri dengan aktiviti qiyamulail ini dek

²¹⁴ Ustazah Rangraini, Setiausaha Wanita USIA, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2010.

kerana kesibukan di rumah, tetapi Bahagian Wanita USIA tetap dengan usahanya untuk menyebarkan dakwah Islamiah terutamanya di kampung-kampung.

3- Aktiviti memberikan sumbangan, lawatan dan ziarah dan gotong royong; Menurut Ustazah Rangraini dalam tembualnya menyatakan bahawa aktiviti ini dilihat lebih sebagai aktiviti sosial dan kebajikan. Namun begitu, golongan wanita USIA berperanan dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam aspek sosial dan kemasyarakatan dan tidak hanya terhad kepada seminar dan ceramah²¹⁵.

Menurut Ustazah Rangraini lagi, golongan Wanita USIA tampil dengan sentiasa memberikan sumbangan kepada ahli USIA yang mengalami masalah kewangan akibat daripada bencana alam ataupun kematian. Lawatan dan aktiviti ziarah sudah menjadi sinonim dengan aktiviti Bahagian Wanita USIA ini. Tidak hanya terhad untuk duduk di pejabat, USIA Wanita bangkit memberikan khidmat kepada masyarakat setempat²¹⁶.

²¹⁵ Ustazah Rangraini, Setiausaha Wanita USIA, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2010.

²¹⁶ Ustazah Rangraini, Setiausaha Wanita USIA, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2010.

Bahagian Wanita USIA juga aktif dalam membuat kenduri bagi ahli-ahli USIA yang pergi menunaikan Haji dan Umrah. Kehadiarn Bahagian Wanita USIA bukan sahaja sekadar pelengkap kepada agenda aktiviti dakwahnya, tetapi silaturrahim sesama ahli tetap diutamakan dan ia menjadi satu tali penghubung yang sangat kuat dikalangan Wanita USIA untuk sentiasa tampil lebih aktif.

Selain daripada aktiviti yang dianjurkan oleh Bahagian Wanita USIA Pusat, ia juga mengambil kira jemputan dan penglibatan AJK Bahagian Wanita dengan jabatan-jabatan daripada luar sama ada badan kerajaan ataupun badan bukan kerajaan²¹⁷. Hasil kajian yang dilakukan, program dakwah USIA yang dijalankan oleh Bahagian Dakwah USIA, Bahagian Belia USIA dan Bahagian Wanita USIA ini, maka dapatlah dismpulkan bahawa;

- a- Program dakwah yang dijalankan adalah berbentuk keilmuan. Program dakwah yang dilaksanakan oleh ketiga-tiga bahagian adalah sama iaitui melibatkan aktiviti ceramah, forum, seminar, sesi dialog, simposium cuma yang berbeza adalah anjuran bahagian masing-masing. Tujuan utama program berbentuk keilmuan ini adalah ia dijadikan sebagai medan ilmu dan bertukar-tukar pandangan khususnya tentang arena dakwah masa kini.

²¹⁷ Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat), h: 16

Jika diteliti, program dakwah ketiga-tiga bahagian ini melibatkan golongan professional dan intelektual sebagai sasaran utama. Tetapi, tidak dinafikan juga keterlibatan golongan masyarakat setempat seperti belia-beliawanis serta kaum ibu-ibu. Program keilmuan ini menjadi medan utama dalam menyampaikan mesej dakwah menerusi penyampaian ilmu kepada sasaran dakwah mengikut kepada kesesuaian status masyarakat, tempat dan masa.

Menurut Datuk Hj Nakhaie Hj Ahmad dalam hasil tulisannya menjelaskan bahawa pendakwahan bijaksana, realistik dan berkesan memerlukan pembinaan sistem yang berteraskan ilmu yang dikaji daripada sumber tradisi ilmu Islam dengan memanfaatkan pengalaman masa kini. Ini diikuti pula dengan kebijaksanaan usaha menempatkan ilmu itu di dalam ruang masa dan tempatnya yang sesuai. Penempatan ilmu ke dalam ruang masa dan tempat yang sesuai memerlukan kefahaman yang mendalam terhadap realiti semasa²¹⁸.

Kini, USIA tampil dengan memberikan pelbagai ilmu dan pengetahuan kepada masyarakat di Sabah dengan melihat kepada kesesuaian penerimaan masyarakat pelbagai agama, budaya dan adat resam.

²¹⁸ Datuk Hj Mohd Nakhaie Hj Ahmad (2001), *Pendakwahan dan Pembentukan Masyarakat Bertamadun*, YADIM, h:15.

- b- Hasil kajian juga mendapati bahawa program dakwah USIA juga amat menitikberatkan sasaran dakwah di kawasan perkampungan. Hal ini dapat ditunjukkan menerusi kepekaan USIA dengan menubuhkan cawangan-cawangan USIA di setiap daerah bagi memudahkan penyebaran dakwah dan dengan cara ini, ia akan lebih mendekatkan masyarakat dengan USIA itu sendiri.

Dengan adanya penubuhan cawangan ini, ia akan memberi ruang kepada pendakwah USIA untuk menganjurkan program di kawasan-kawasan perkampungan. Walaupun program dakwah yang dilakukan hanya melibatkan ceramah dan kuliah, tetapi ia cukup memberikan impak kepada masyarakat di kawasan perkampungan untuk lebih mengenali dakwah Islam itu sendiri memandangkan kesulitan dan faktor kewangan menjadi masalah utama sasaran dakwah untuk tampil ke Bandar untuk mendapatkan maklumat mengenai Islam.

- c- Program dakwah USIA juga diterapkan dengan elemen kemasyarakatan dan sosial. Ia diserapkan dengan elemen perpaduan dan persaudaraan sesama ahli sama ada bagi kakitangan bawahan maupun atasan. Sebagai contoh, lawatan Yang Di Pertua USIA ke setiap cawangan dan bahagian, majlis Berbuka Puasa, solat tarawikh dan bersama serta lawatan-lawatan kebajikan bagi ahli USIA yang uzur dan kembali ke rahmatullah. Majlis kesyukuran juga turut dilakukan untuk sesuatu majlis seperti majlis kenduri doa selamat

bagi kakitangan yang menunaikan haji. Secara tidak langsung, program yang dianjurkan bagi kakitangan USIA itu sendiri dapat mengeratkan perpaduan dan silaturrahim dikalangan mereka.

- d- Sebahagian dari program dakwah USIA melibatkan kerjasama dengan agensi maupun badan dakwah yang lain. Ia merupakan satu program yang sangat baik bagi menentukan hala tuju gerakan dakwah pada masa kini. Elemen perbincangan dan persepakatan dalam menyebarkan dakwah bukan setakat di bahu USIA tetapi ia juga sepatutnya dibawah tanggungjawab badan dakwah yang lain. Kerjasama yang wujud ini mampu menjadikan perjalanan program dakwah lebih mantap dan sasaran dakwah dapat dikembangkan lagi.

Kesimpulannya, program dakwah yang dilaksanakan oleh USIA bukan sahaja tertakluk kepada sasaran dakwah yang telah menjadi sasaran utama dakwah, bahkan ia juga turut megambil kira faktor persekitaran sasaran dan apa yang paling penting, kesesuaian dakwah terhadap sasarannya.

Hal ini turut dijelaskan oleh Abdul Aziz Mohd Zin dalam bukunya *Dakwah Islam di Malaysia* yang mengatakan bahawa program dakwah yang dilaksanakan di Malaysia adalah sesuai dengan tuntutan agama Islam iaitu menitikberatkan soal pembangunan umatnya sama ada dari aspek pembangunan mental, fizikal ataupun pembangunan kerohanian bagi

memelihara kesucian Islam dimata umum dan menjamin kesejahteraan umat Islam di dunia dan akhirat²¹⁹.

4.4 CABARAN DAKWAH PERTUBUHAN ISLAM SELURUH SABAH (USIA)

Menurut Shaharuddin Badaruddin²²⁰ dalam penulisannya menjelaskan bahawa gerakan dakwah mempunyai cabaran tersendiri dalam mengharungi era globalisasi. Manakala Ab.Aziz Mohd Zin²²¹ pula menyatakan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh dakwah sekarang terdapat pada beberapa tempat iaitu pendakwah, jentera dakwah atau organisasi dakwah, sasaran dakwah serta musuh dakwah.

Sehubungan dengan itu, USIA juga sudah tentu mempunyai cabaran dakwahnya yang tersendiri terutama dalam mengharungi suasana masyarakat yang berbeza agama, bangsa, adat resam dan budaya masyarakat.

Hasil kajian yang dilakukan mendapati bahawa cabaran dakwah USIA disimpulkan kepada empat bahagian utama iaitu;

²¹⁹ Abdul Aziz Mohd Zin,(2005), *Dakwah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 60.

²²⁰ Shaharuddin Badaruddin (2005), “*Gerakan Dakwah dan Perubahan Sosial di Malaysia*”, (Seminar Sejarah Sosial Malaysia Peringkat Kebangsaan dan Serantau 22-23 Julai 2005), h: 2.

²²¹ Ab. Aziz Mohd Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, h: 135.

A. Cabaran dari aspek pendakwah; Hasil kajian mendapati bahawa faktor kekurangan pendakwah wanita dan ketidaksanggupan para pendakwah untuk menjalankan misi dakwah di kawasan pedalaman menjadi antara cabaran USIA dalam menjayakan misi dakwahnya. Menurut Ustazah Rangraini selaku Setiausaha Wanita USIA Pusat, USIA mengalami masalah kekurangan pendakwah khususnya pendakwah wanita. Kekurangan pendakwah menjadikan salah satu faktor tersekatnya perjalanan dakwah USIA Wanita Pusat. Kekurangan pendakwah wanita ini menyebabkan USIA Wanita mendapatkan bantuan daripada khidmat luar selain berusaha mencari alternatif lain iaitu dengan sentiasa mencari peluang dan ruang untuk membuat program anjuran bersama dengan agensi lain sama ada kerajaan mahupun bukan kerajaan. Walaupun usaha secara anjuran bersama dengan agensi lain, amat molek dan baik kiranya Bahagian Wanita USIA memiliki pendakwah dikalangan ahli USIA sendiri.

Selain daripada kekurangan pendakwah wanita USIA, USIA juga mengalami kekurangan pendakwah yang sanggup untuk turun ke kawasan pedalaman Sabah. Faktor ketidaksanggupan pendakwah menjadikan sedikit sebanyak menganggu perjalanan dakwah USIA ke daerah-daerah terpencil.

Hal ini dijelaskan oleh Ustaz Zulkeflee Hj Abu Bakar yang menerangkan bahawa tidak ramai pendakwah yang sanggup turun ke kawasan pedalaman bagi melancarkan misi dakwah. Faktor kewangan dankekangan masa menjadi penyebab

masalah ini terjadi. Untuk itu, salah satu cara pihak USIA untuk mengatasi masalah ini adalah dengan memberikan tanggungjawab kepada USIA Bahagian mahupun USIA Cawangan di setiap pelusuk negeri Sabah untuk menjadi pendakwah di setiap tempat²²².

Ab. Aziz Mohd Zin menjelaskan bahawa antara masalah pendakwah ialah sikap pendakwah sekarang yang berkecimpung di dalam dakwah bukan kerana didorong oleh kesedaran terhadap tanggungjawab dakwah tetapi kerana dorongan penghidupan. Dengan itu pendakwah sekarang bekerja makan gaji di pejabat. Ekoran daripada itu, dakwah dijadikan urusan rasmi yang hanya diuruskan sewaktu di pejabat dan akibatnya banyak kekosongan dakwah tidak terpenuh²²³.

B. Cabaran dari Aspek Faktor geografi: Faktor geografi juga menjadi cabaran dakwah USIA masa kini. Kedudukan muka bumi negeri Sabah yang berbukit bukau terutama di kawasan pedalaman menjadi cabaran yang besar buat dakwah USIA untuk menjalankan misi dakwahnya. Usaha dakwah bukan sahaja dijalankan di kawasan Bandar bahkan ia juga dilaksanakan di kawasan pedalaman. Setelah perbincangan dan setiap USIA Cawangan dan Bahagian, maka penempatan akan dipilih bagi menjalankan misi dakwah walaupun memakan masa, jarak dan kewangan yang agak banyak.

²²² Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

²²³ Ab. Aziz Mohd Zin, (1999), “*Pengantar Dakwah Islamiah*”, Kuala Lumpur :Universiti Malaya , h: 139.

Hal ini diakui oleh Ustaz Zulkeflee Hj Abu Bakar yang menjelaskan bahawa faktor kawasan pedalaman yang jauh menjadi antara cabaran dakwah USIA. Adakalanya kawasan atau penempatan yang ingin dituju oleh pendakwah USIA terlalu jauh dan memakan masa berhari-hari untuk sampai ekoran daripada kedudukan penempatan yang memerlukan untuk menaiki sampan atau bot dari satu tempat ke satu tempat yang mengambil masa berjam-jam lamanya²²⁴.

Cabaran ini merupakan satu ujian yang besar buat semua pendakwah USIA kerana ia bukan sahaja memerlukan kos pengangkutan dan kewangan yang tinggi bahkan ia juga menguji kesabaran para pendakwah USIA. Namun, dek kerana tujuan dakwah itu, maka segala cabaran akan cuba untuk diatasi selagi nyawa dikandung badan.

C. Perbezaan suku kaum, budaya dan adat resam serta agama: Bagi para pendakwah USIA, antara cabaran terbesar dalam gerakan dakwah adalah perbezaan suku kaum, budaya dan adat resam dan agama masyarakat ataupun sasaran dakwah.

Menurut Ustaz Zulkeflee Hj Abu Bakar, persediaan pendakwah dalam memahami budaya dan suku kaum serta cara hidup di sesebuah penempatan ataupun kampung yang ingin dituju, ia perlu kepada persediaan mental dan fizikal disamping ilmu dan pengetahuan tentang masyarakat setempat. Menurut beliau lagi, para pendakwah akan mempersiapkan diri sebelum pergi ke kawasan pendakwahan. Peranan USIA

²²⁴ Zulkeflee Haji Abu Bakar, op.cit., Temubual pada 21 April 2011.

Bahagian dan Cawangan sangat penting dalam menjayakan misi dakwah ini. Ini kerana, untuk memahami budaya masyarakat setempat, USIA Bahagian dan Cawangan akan terlebih dahulu memaklumkan kepada USIA Pusat sebagai persediaan untuk berdakwah²²⁵.

Oleh itu, cara yang dilakukan oleh USIA dalam usaha menyelesaikan cabaran ini adalah dengan sentiasa menghidupkan peranan setiap ahli USIA yang tinggal di kawasan yang hendak dituju itu. Peranan ahli USIA di kawasan yang hendak dituju oleh para pendakwah USIA, akan terlebih dahulu memaklumkan tentang status sosial, struktur kehidupan, cara hidup dan budaya masyarakat tersebut agar pihak pendakwah tidak menyentuh sebarang nilai atau norma yang boleh melibatkan sensitiviti masyarakat tersebut²²⁶.

Langkah ini dilihat sebagai satu cara yang sangat bijaksana dan begitu efektif. Ia bukan sahaja membantu para pendakwah untuk memahami budaya masyarakat setempat bahkan ia juga menjadi satu pendekatan yang digunakan dalam strategi dakwah USIA. Tidak salah untuk mempelajari budaya masyarakat lain selagi mana ia tidak bercanggah dengan nilai-nilai dan akidah Islam.

²²⁵ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

²²⁶ Zulkeflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

D. Cabaran dari aspek kewangan; Setiap gerakan mahupun pertubuhan tidak akan lari dari mengalami masalah kewangan. Begitu juga dengan perjalanan dakwah USIA. Faktor geografi dan kos perbelanjaan yang besar bagi perjalanan aktiviti Bahagian Dakwah, Wanita dan Belia menjadikan masalah kewangan juga sebagai sebahagian daripada cabaran dakwah .

Namun, USIA berusaha untuk memenuhi setiap kewangan yang diperlukan dalam perjalanan dakwahnya. USIA mula mengorak langkah sedikit demi sedikit bagi mendapatkan sumber pendapatan bagi tujuan gerakan dakwahnya. USIA mula menjalankan aktiviti perniagaan.

Menurut Ustaz Zulkflee Hj Abu Bakar, USIA mula mengusahakan tanah-tanah yang dimiliki oleh USIA bagi mendapatkan pulangan yang lumayan. Tanah tersebut diusahakan melalui penyewaan dan pembinaan lot-lot kedai untuk disewakan. USIA juga mula mencari rakan perniagaan bagi menampung kos perbelanjaan gerakan dakwahnya itu²²⁷.

Usaha ini dilihat sebagai satu cabang yang sangat baik bagi menjamin kestabilan dan kukuhnya ekonomi USIA pada masa akan datang. Pulangan yang diperolehi akan digunakan dalam setiap aktiviti dakwah yang telah dirancang dan bakal

²²⁷ Zulkflee Haji Abu Bakar, Penolong Setiausaha Kerja, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Temubual pada 21 April 2011.

dilaksanakan pada masa akan datang bergantung kepada perancangan USIA itu sendiri.

Kesimpulannya, USIA perlu lebih peka terhadap apa juga cabaran yang mendarat pada masa akan datang. Untuk menjamin kejayaan misi dakwah, USIA perlu bijak dalam menyelesaikan apa jua masalah yang timbul dengan bijaksana dan efektif.

BAB LIMA: PENUTUP

5.1 PENDAHULUAN

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh penulis, menerusi fakta-fakta yang telah diperjelaskan dalam kajian ini, maka dapatlah dirumuskan bahawa USIA perlu lebih tampil dengan idea dan pendekatan yang lebih inovatif menerusi strategi dakwah dan program-program dakwah yang direncanakan bagi mendapatkan hasil yang lebih berkesan.

USIA juga perlu peka dengan segala cabaran yang wujud terutama bagi masyarakat di Sabah akibat daripada perbezaan suku kaum, adat resam serta budaya masyarakat. Dalam usaha memperbaiki dan memperbaharui jalan dakwah USIA, pertubuhan ini perlu untuk mengetahui cabaran yang wujud dan seterusnya mengambil alternatif yang lebih baru dan inovatif dalam menyebarkan dakwahnya di Sabah.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh penulis, maka dapatan kajian penulis ini diungkapkan berdasarkan kepada beberapa elemen penting yang berkaitan dengan kajian terhadap USIA ini. Hasil dapatan kajian ini adalah hanya berlandaskan kepada maklumat

yang diperolehi oleh penulis berdasarkan kepada metod yang telah dipilih dan ia berpandukan kepada objektif kajian penulis.

Untuk itu, penulis ingin mengklasifikasikan hasil dapatan kajian ini berdasarkan kepada aspek yang tertentu agar ia tidak menjadi keliru di mata pembaca dan sudah tentulah ia hanya mengungkapkan segala persoalan yang timbul semasa kajian ini dilaksanakan. Hasil daripada kajian ini, penulis merumuskan kepada beberapa bahagian seperti berikut iaitu :

1. Program dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA).
2. Strategi dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) dalam menyebarkan dakwah Islamiah.
3. Cabaran gerakan dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA)

5.2.1 Program dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA)

Berdasarkan kepada kajian penulis mengenai program dakwah USIA, ia tidak jauh berbeza daripada organisasi dakwah yang ada di negara ini. Ini kerana, matlamat dakwah bagi semua organisasi dakwah adalah untuk menyebarkan dakwah Islamiah. Cuma yang berbeza adalah dari segi strategi dan pendekatan yang digunakan.

Hasil kajian penulis mendapati bahawa didalam program dakwah USIA, terdapat beberapa kesimpulan atau rumusan yang penulis dapati iaitu:

- a) Program dakwah USIA tidak hanya tertumpu kepada masyarakat atau sasaran dakwah semata tetapi juga ia tertumpu dikalangan kakitangan USIA itu sendiri sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Hal ini dapat dilihat menerusi program yang diadakan di USIA seperti aktiviti sukan, gotong royong, lawatan terhadap kakitangan ataupun ahli USIA dimerata cawangan dan Bahagian oleh ahli USIA sama ada diperingkat Bahagian mahupun Cawangan. Ia telah menjadi satu platform dikalangan sesama ahli USIA untuk mengeratkan ukhwah dan silaturrahim di kalangan mereka.

Allah berfirman:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَرْقُوا وَادْجُرُوا بِنِعْمَتِ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَاصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُرْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهَذَّدُونَ

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu

bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu Dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu Dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam Yang bersaudara. dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya.

(Surah ali-Imran 3:103)

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah menyeru kepada setiap hambaNya sentiasa berpegang teguh dengan ajaran Allah dan elakkan daripada berpecah belah.

Hal ini juga dijelaskan oleh Dr Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuniy bahawa kita mesti mengutamakan ciri-ciri persamaan daripada ciri-ciri perbezaan dan lakukan kerjasama dalam hal-hal yang dapat dilakukan kerana sikap ini akan membuka ruang untuk kita melakukan kerjasama dalam hal-hal yang sebelum ini tidak dapat dilakukan. Setiap pendakwah hendaklah sedar mengenai perkara ini iaitu berusaha dengan bersungguh-

sungguh untuk memperluaskan medan kerjasama di samping berusaha untuk menyempitkan ruang perbezaan antara mereka berpandukan perintah Allah S.W.T²²⁸.

Firman Allah:

إِنَّ اللَّهَ تُحِبُّ الْأَذِينَ يُقْتَلُونَ فِي
سَبِيلِهِ صَفَّا كَانُوهُمْ بُنَيَّنٌ مَرْصُوصٌ

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang
Yang berperang untuk membela ugamaNya,
Dalam barisan Yang teratur rapi, seolah-olah
mereka sebuah bangunan Yang tersusun kukuh.

Surah al-Saf (61) : 4

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa berjuang dalam dakwah perlu kepada kerjasama dan kesefahaman. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa USIA juga mengamalkan nilai kerjasama sesama mereka. Ia adalah satu nilai yang sangat indah untuk diterapkan dalam gerakan dakwah USIA kerana dengan adanya kerjasama dan saling tolong menolong, ia akan memudahkan kerjasama antara bahagian Dakwah, Bahagian Belia dan Bahagian Wanita USIA. Untuk melahirkan kualiti penyampaian dakwah kepada sasaran, maka setiap ahli perlu terlebih dahulu menyuntik nilai ini dalam kerja-kerja dakwah.

²²⁸ Dr Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni (1992), *Penyatuan Kerja Gerakan Islam di Antara Harapan dan Kenyataan*. Mustaffa Daud (terj.), c. 1. Selangor: Percetakan Sumber Sdn Bhd., h. 16-17..

b) Program melibatkan Ahli Majlis Tertinggi

Kehadiran Ahli Majlis Tertinggi dalam program USIA sama ada diperingkat Cawangan mahupun Bahagian juga dilihat sebagai satu alternatif yang sangat bijak dan harmoni kerana kehadiran golongan tertinggi USIA ini bukan sekadar pelengkap bagi program dakwah bahkan ia juga dilihat lebih kepada pengukuhan silaturrahim antara tenaga kerja pelaksana dan Ahli Majlis Tertinggi.

Senario ini dapat dilihat menerusi aktiviti lawatan kerja Yang Dipertua USIA ke daerah-daerah di seluruh Sabah, penglibatan Yang DiPertua USIA dalam aktiviti dakwah, Majlis Tarawikh dan Berbuka Puasa bersama pemimpin-pemimpin dan Ahli Majlis Tertinggi USIA yang juga dikalangan ahli politik negeri Sabah.

Kehadiran para pemimpin tertinggi USIA ke majlis mahupun kenduri kesyukuran hasil undangan dan jemputan dikalangan sesama ahli USIA yang berlaku bukan atas dasar kerja juga merupakan satu platform untuk mengerakkan ukhwah di kalangan Ahli Majlis Tertinggi dengan tenaga kerja pelaksana.

Allah Berfirman:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

*Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia
melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepadaKu.*

Surah Al-Dhariyat (51) : 56

Allah S.W.T berfirman lagi:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَوْ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ

وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: Sebenarnya orang-orang Yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.

Surah al-Hujurat (49) : 10

Ayat ini menjelaskan bahawa tidak ada perbezaan dikalangan manusia melainkan hanya sebagai hambaNya, yang diciptakan hanya untuk beribadah kepadanya. Allah juga menjelaskan bahawa setiap orang yang beriman itu adalah bersaudara. Tidak ada sebarang perbezaan status dikalangan sesama insan di muka bumi ini. Kesimpulannya, penulis berpendapat bahawa kehadiran ahli USIA yang bukan secara rasmi ini akan memberikan impak yang sangat positif kerana ia membantu merapatkan jurang sesama ahli itu sendiri

diluar waktu bekerja kepada kehidupan sebenar. Secara tidak langsung, ia membantu mewujudkan persekitaran yang sangat positif dan membantu untuk mewujudkan suasana harmoni semasa bekerja ekoran daripada ukhwah yang terjalin ini dan penulis melihat bahawa ini merupakan salah satu daripada kekuatan USIA.

c) *Modul program*

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan maka didapati bahawa program yang dirancang oleh USIA hanya modul yang tersendiri. Namun, pelaksanaan modul itu tidak berapa ketara sangat kerana setiap aktiviti yang dilakukan akan dibentangkan di dalam kertas kerja. Penulis berpendapat bahawa sebarang program yang USIA laksanakan perlu kepada modul yang berbeza dan ia perlu mengikut kepada sasaran dakwah.

Ini kerana, berbeza dengan negeri lain, penduduk Sabah adalah terdiri dari berbagai-bagai kaum dengan latar belakang kebudayaan masing-masing. Penduduk aslinya terdiri daripada sekurang-kurangnya 30 kumpulan dengan menggunakan lebih dari 50 bahasa dan tidak kurang dari 90 dialek²²⁹.

²²⁹ Sabah Electronic Community, <http://www.sabah.org.my/>, 20 Januari 2011

Oleh sebab itu, USIA perlu bijak dalam merancang modul yang tersendiri mengikut keadaan sasaran dakwah. Setiap suku kaum mempunyai latar belakang dan budaya yang sangat berbeza. Perbezaan ini menuntut agar USIA tampil dengan modul, pendekatan dan strategi yang kreatif dan inovatif bagi menjadikan dakwahnya lebih maju ke hadapan selaras dengan perkembangan sosio budaya masyarakat berbilang kaum di Sabah.

Allah S.W.T berfirman:

صَلِّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهتَدِينَ
وَجَنِّدْ لَهُمْ بِأَنْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ
أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ

*Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad)
Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat
pengajaran Yang baik, dan berbahaslah Dengan
mereka (yang Engkau serukan itu) Dengan cara Yang
lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua Yang
lebih mengetahui akan orang Yang sesat dari
jalannya, dan Dia lah jua Yang lebih mengetahui
akan orang-orang Yang mendapat hidayah petunjuk.*

Surah al-Nahl (16) : 25

Ayat ini menjelaskan tentang salah satu cara berdakwah iaitu dengan berdakwah dengan penuh hikmah. Dakwah secara berhikmah menurut Sayyid Qutb ialah memerhati keadaan

mad'u dan memerhati juga masa dan suasana persekitaran²³⁰. Ini menunjukkan bahawa kreatif dalam dakwah juga merupakan satu cara untuk melaksanakan modul mengikut kepada kesesuaian sasaran.

Kesimpulannya, USIA perlu tampil dengan lebih kreatif dalam menjadikan modul program dakwahnya seiring dengan kesesuaian budaya masyarakat setempat.

5.2.2 Strategi dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) dalam menyebarkan dakwah Islamiah

a) Strategi dakwah kepada non muslim

Seluruh umat manusia adalah golongan sasar bagi dakwah Islamiah.

Secara umumnya sasaran pendakwah ada dua iaitu Muslim dan bukan Muslim. Bagi golongan Muslim terdapat pelbagai peringkat mutu keimanan dan bagi golongan bukan Muslim pula ia meliputi golongan yang beragama, tidak beragama dan belum beragama²³¹.

²³⁰ Abdullah Muhammad Zin (1985), "Dakwah kepada Masyarakat Bukan Muslim di dalam Malaysia: Konsep dan Metode", dalam Che Yusoff Che Mamat et al. (eds.), Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 80.

²³¹ *Ibid.*, h. 77-78.

Hasil kajian penulis mendapati bahawa gerakan dakwah USIA menumpukan aktiviti dakwahnya sama seperti gerakan dakwah yang lain yang ada di Sabah. Penekanan terhadap golongan Muslim menjadi keutamaan dalam matlamat dakwahnya.

Dalam keghairahan para pendakwah melakukan usaha dakwah ke dalam iaitu memberi kefahaman agama Islam yang sebenarnya kepada umat Islam, sepatutnya para pendakwah tidak mengabaikan tugas mereka untuk melakukan usaha dakwah keluar iaitu mengembangkan dakwah di kalangan masyarakat bukan Muslim²³².

Sejajar dengan zaman kegemilangan USIA suatu ketika dahulu yang menjadikan aktiviti pengislaman sebagai satu aspek yang sangat penting dalam perjuangan dakwah USIA, maka perjuangan itu tidak hanya terhenti setakat pencapaian jumlah dan angka bagi golongan Muslim mendapat kelayakan bahawa agama Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah pada suatu ketika dulu. Perjuangan tersebut sepatutnya lebih diperhebatkan terutama pada masa kini dan ia bukannya sekadar tinggal sejarah semata-mata.

Kesimpulannya, USIA perlu lebih peka dengan setiap strategi terhadap golongan bukan Muslim terutama dari aspek program

²³² Abdullah Muhammad Zin (1985), *op.cit*, h. 84.

dakwahnya dalam usaha penyebaran agama Islam kepada golongan ini. Ini kerana golongan ini juga adalah sasaran utama dalam dakwah Islamiah.

Menurut Abdullah Muhammad Zin, masyarakat bukan Muslim di negara ini sekarang diberi kefahaman tentang Islam. Untuk memeluk agama Islam adalah terserah kepada mereka. Sekurang-kurangnya pendakwahan yang dijalankan dapat mengurangkan salah faham mereka terhadap Islam. Mereka perlu disedarkan bahawa Islam sekali-kali tidak akan memaksa seseorang itu menganut agamanya. Seterlah itu terserah kepada orang bukan Islam untuk membuat pemilihan²³³.

Kesimpulannya, strategi perlu dirangka secara spesifikasi kepada golongan saudara baru ini. Strategi menerusi pendekatan modul khusus bagi golongan ini perlu berlainan daripada sasaran Islam kerana golongan ini mempunyai latar belakang, adat resam suku kaum dan budaya yang berbeza.

²³³ Abdullah Muhammad Zin (1985), "Dakwah kepada Masyarakat Bukan Muslim di dalam Malaysia: Konsep dan Metode", dalam Che Yusoff Che Mamat et al. (eds.), *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 84-85.

b) Pendekatan ‘mencari’ saudara baru

Suatu ketika dahulu, USIA memainkan peranannya dalam usaha meningkatkan angka jumlah saudara baru di Sabah. Angka ini meningkat dari semasa ke semasa sehingga menjadikan Islam agama rasmi di negeri Sabah. Namun, zaman kegemilangan tersebut mula surut dari semasa ke semasa. Ia bertambah surut apabila peranan pengislaman itu diambil alih oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.

Kini, USIA tampil dengan perancangan dan pelaksanaan aktiviti dakwahnya yang menumpukan kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian Dakwah, Bahagian Wanita dan Bahagian Belia USIA. Peranan dari aspek pengislaman hanya dipertanggungjawabkan kepada bahagian Dakwah USIA. Namun, setelah tanggungjawab itu diambil alih, USIA masih juga menjalankan aktiviti pengislaman. Ia hanya sekadar memberikan sedikit panduan dan ceramah mengenai pengislaman dan rujukan akan dibuat ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.

Hasil kajian penulis mendapati bahawa masih terdapat golongan saudara baru yang wujud ketika zaman pemerintahan Tun Datu Mustapha yang hadir ke USIA untuk mendapatkan bantuan sama ada bantuan dari aspek pengetahuan agama dan juga bantuan kewangan. USIA sepatutnya membuka satu kaunter bagi saudara baru ini untuk

terus menjalankan hubungan dengan pihak USIA memandangkan USIA mempunyai USIA Bahagian dan Cawangan di setiap daerah di Sabah.

Untuk itu, USIA seharusnya merancang dan memberikan satu pendekatan dan strategi yang lebih 'segar' bagi mencari golongan saudara baru ini. USIA seharusnya mencari dan mencipta formula yang lebih segar bagi menarik minat golongan saudara baru yang wujud suatu ketika dulu bagi memastikan golongan ini tidak kembali kepada agama asal mereka. USIA seharusnya berbangga kerana kewujudanya lebih sinonim dengan pengislaman dan pada pandangan penulis, USIA sepatutnya lebih menjadikan aktiviti pengislaman itu sebagai matlamat utama gerakan dakwahnya.

Kini USIA merangka *Blue Print* dengan matlamat untuk mengurangkan kadar celik agama di kalangan saudara baru. Tetapi sejuahmanakah perancangan itu berjalan dan berjaya di kalangan saudara baru. Adakah terdapat kajian yang dilakukan bagi mengesahkan kejayaan tersebut. Untuk itu, USIA perlu tampil bagi menjelaskan dan menerangkan kepada masyarakat bahawa sejuahmanakah kejayaan yang dicapai oleh USIA.

5.2.3 Cabaran gerakan dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA)

Sememangnya gerakan dakwah tidak akan lari daripada cabaran dakwahnya dan begitu juga dengan USIA. Hasil kajian yang dilakukan didapati terdapat empat cabaran utama yang dihadapi oleh USIA dalam menjalankan aktiviti dakwahnya.

Cabaran yang pertama adalah kekurangan pendakwah. Bagi penulis, pendakwah daripada golongan lelaki telah memenuhi kuota manakala pendakwah wanita pula tidak ada sama sekali. Ini merupakan satu masalah besar kepada USIA kerana pentadbiran USIA telah mewujudkan Bahagian Wanita. Untuk itu, adalah sangat perlu bagi USIA mendapatkan khidmat pendakwah wanita.

Bukan itu sahaja, tanpa adanya pendakwah wanita, perjalanan dakwah bahagian ini akan terjejas kerana perlu mendapatkan khidmat pendakwah wanita daripada agensi luar sedangkan USIA mampu untuk mendapatkan pendakwah wanita. USIA perlu memandang serius perkara ini kerana program dakwah Bahagian Wanita USIA juga banyak menumpukan sasaran dakwahnya kepada golongan wanita.

Manakala cabaran kedua yang dihadapi oleh USIA ialah faktor geografi. Seperti yang diketahui umum, Sabah memiliki kedudukan muka bumi yang berbukit bukau dan memiliki banyak daerah dan ia termasuk di dalam kawasan pedalaman Sabah. Untuk itu, USIA mengalami sedikit kesukaran bagi memenuhi tuntutan dakwah ke kawasan pedalaman. Walaupun kewujudan

USIA Bahagian dan cawangan di setiap daerah, adakalanya pegawai dakwah mengalami kesukaran untuk sampai ke kawasan pedalaman ekoran daripada jalan perhubungan awam yang kurang baik. Oleh sebab itu, aktiviti yang dijalankan di kawasan-kawasan terbabit adalah sangat terhad.

Walaubagaimanapun, ia bukannya menjadi penghalang untuk USIA tampil bagi menjalankan aktiviti dakwahnya. Ini kerana, tuntutan dakwah wajib dipenuhi walau dimana sasaran berada. Apa yang penting, USIA seharusnya merangka strategi yang lebih baik bagi menangani masalah ini.

Seterusnya cabaran yang ketiga adalah perbezaan suku kaum, budaya dan agama bagi golongan sasaran dakwah di Sabah. Sasaran dakwah di Sabah sudah tentunya tidak sama keadaan dan suasana di semenanjung Malaysia. Perbezaan etnik dan budaya sangat ketara sekali terutama di bahagian pedalaman negeri Sabah.

Oleh sebab itu, tuntutan agar pendakwah perlu tampil dengan lebih bijaksana dan hikmah dalam menyampaikan dakwah sangat penting dan tidak boleh dipandang ringan. Ini kerana, situasi masyarakat yang begitu sensitif dengan adat resam, pegangan adat dan budaya perlu diingati oleh setiap pendakwah. Isu ini bukanlah sesuatu yang perlu dipandang ringan kerana ia melibatkan keharmonian dan perpaduan kaum di negeri Sabah.

Manakala cabaran yang terakhir adalah faktor kewangan. Tidak dinafikan bahawa faktor ini menjadi cabaran bagi mana-mana pertubuhan manupun

gerakan dakwah terutama pada alaf ini. Bagi suasana persekitaran di Sabah, keadaan muka bumi yang berbukit bukau serta penempatan masyarakat di kawasan pedalaman, ia sangat memerlukan kos yang sangat banyak bagi melaksanakan usaha dakwah USIA.

Faktor kewangan ini adakalanya menjadikan sebahagian program dakwah terpaksa ditunda ataupun dibatalkan dan hanya dilaksanakan sehingga mendapat sumber kewangan. Menyedari faktor ini menjadi cabaran bagi dakwah USIA, kini USIA mengorak langkah dengan menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan memanfaatkan segala aset yang ada untuk dijadikan sumber kewangan dan dana USIA.

Kesimpulannya, ia terpulang pada kebijaksanaan pihak USIA untuk sentiasa mengharungi cabaran ini dengan bijaksana. Strategi dan perancangan amat diperlukan bagi mencapai maksud dan tujuan tersebut.

5.3 SARANAN/CADANGAN

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, penulis ingin mengemukakan beberapa pandangan dan cadangan kepada pihak USIA. Cadangan yang dikemukakan ini bukanlah bertujuan untuk mengajar bahkan ia lebih kepada pemberian idea dan mungkin juga boleh dianggap sebagai penambahbaikan kepada pihak USIA. Namun ia terpulang kepada penilaian pihak USIA sendiri. Antara cadangan yang dikemukakan ialah:

5.3.1 Pertambahan jumlah pendakwah USIA

Penulis berpandangan bahawa USIA perlu untuk menambahkan jumlah pendakwah yang ada. Salah satu alternatif adalah dengan menjadikan setiap ahli majlis di dalam organisasi USIA bertindak sebagai pendakwah. Ini kerana, kepakaran dan ilmu serta jawatan yang disandang sudah cukup memberikan gambaran positif masyarakat terhadap imej Islam itu sendiri.

Penulis berpandangan bahawa, jika ahli-ahli majlis boleh turut hadir dalam sebarang program dakwah USIA dan seterusnya memberikan input sama ada berbentuk pengetahuan, sumbangan idea dan juga penyampaian ilmu, ia adalah lebih baik. Dengan adanya kerjasama dikalangan ahli organisasi yang bukan sahaja bertindak sebagai ahli, bahkan juga sebagai pendakwah bebas.

Ini kerana, USIA mempunyai kelebihan dan kekuatannya yang tersendiri berbanding dengan pertubuhan dakwah yang lain. Salah satu daripadanya adalah kemantapan ahli-ahli yang menyertai USIA yang terdiri daripada golongan-golongan intelek dan cerdik pandai, berpangkat dan berstatus dan memiliki pengaruh di dalam komuniti masyarakat. Dengan adanya elemen-elemen ini, ia mencerminkan imej umat Islam itu sendiri amnya dan agama Islam khasnya.

5.3.2 Pendekatan dakwah USIA

Pendekatan yang digunakan oleh USIA sangat baik kerana ia berusaha untuk tampil di tengah-tengah masyarakat Islam dan bukan Islam di Sabah. Pelaksanaan program Baitun Nur menjadi sebahagian daripada cebisan kejayaan USIA pada masa kini. Tetapi, selain daripada itu, pendekatan dakwah USIA masih mengamalkan budaya dakwah yang lama seperti ceramah di masjid-masjid, pendekatan menerusi lawatan, pendekatan terhadap golongan belia menerusi aktiviti bersukan dan gotong royong, kehadiran ke majlis-majlis ilmu sama ada anjuran pertubuhan kerajaan mahupun pertubuhan bukan kerajaan, pendekatan menerusi seminar, khemah dakwah dan konvensyen.

Pendekatan tersebut sangat baik kerana USIA masih mampu untuk mengekalkannya sehingga ke hari ini. Penulis cuma mencadangkan agar USIA dapat mengilhamkan

pendekatan-pendekatan dakwah yang diserapkan dalam aktiviti dakwahnya itu lebih segar dan mudah untuk diingati oleh golongan sasar.

Yuseri Ahmad menjelaskan dalam penulisannya bahawa pendekatan yang konservatif perlu ditambah sedikit dengan nilai yang lebih segar dan sesuai selagi mana nilai dan pembaharuan yang dibuat tidak menyalahi tuntutan syara²³⁴.

5.3.3 Publisiti

Selain daripada itu, penulis juga mencadangkan agar sudah tiba masanya USIA terus melangkah dengan lebih jauh kerana kini USIA sudahpun berusia hampir 40 tahun. Tanpa sedar, masa terus berjalan, pejuang dakwah USIA suatu ketika dahulu telah pergi setelah berusaha untuk memartabatkan semangat juang dakwahnya, bukan untuk mengejar populariti bahkan atas dasar tanggungjawab terhadap agama Islam itu sendiri. Semangat para pejuang dakwah USIA suatu ketika dahulu untuk melihat dan seterusnya meletakkan harapan yang begitu tinggi agar anak cucu mereka disinari cahaya Islam hasil perjuangan mereka suatu ketika dahulu.

²³⁴ Yuseri Ahmad (2000), *Dakwah Masa Kini: Isu dan Cabaran*, KUIM, hlmn: 52.

Kini, perjuangan mereka terhenti kerana panggilan Illahi, dan tanggungjawab itu wajib diteruskan oleh generasi pada masa kini. USIA seharusnya berbanggaan kerana setelah 40 tahun menjalankan dakwahnya, USIA sedang meningkat maju.

USIA seharusnya lebih mempromosikan segala aktiviti dakwahnya kepada masyarakat umum. Publisiti ini diperlukan agar masyarakat yang hanya memandang sepi dan adakalanya seolah-olah tidak menyedari kehadiran USIA sedar bahawa USIA masih bergerak dengan aktiviti dakwahnya. Penulis berpandangan bahawa publisiti ini bukan untuk dibanggakan bahkan untuk memberikan sinar harapan kepada sebahagian masyarakat yang masih tercari-cari pedoman hidupnya. Penulis juga yakin, masih ramai masyarakat diluar sana yang mengharapkan sinar Islam kepada diri mereka dan USIA hanya bertindak sebagai medium untuk memberikan sinar tersebut.

5.3.4 Sasaran dakwah

Umumnya mengetahui bahawa masyarakat di Sabah memiliki kepelbagaian suku kaum dan agama. Kepelbagaian ini mewujudkan budaya dan seterusnya membentuk perubahan sosial di kalangan masyarakat di Sabah. Sejarah menjelaskan bahawa gerakan Kristianisasi menjadi sesuatu yang sangat dominan di Sabah sejak suatu ketika dahulu dan ia mungkin lebih bergerak aktif pada masa kini.

Untuk itu, USIA juga harus bertindak lebih agresif, efektif dan lebih ke hadapan. Keupayaan USIA memang tidak boleh untuk disangkal lagi kerana USIA sudah memiliki pengaruh dan kuasa melalui ahli yang mendaftarkan diri sebagai ahli jawatankuasa USIA. Pengaruh dan status sosial sebahagian ahli USIA merupakan suatu bonus dan juga mungkin sebagai rahmat Allah kepada pertubuhan ini.

Status sosial ini perlu digunakan sebaiknya dengan berusaha untuk memberikan tenaga, idea, ilmu, persembahan dan pengucapan di khalayak umumnya, sasaran dakwah khususnya. USIA berkeupayaan untuk menghimpunkan sasaran dakwahnya dalam setiap aktivitinya.

Penulis mencadangkan agar jumlah keahlian USIA bukan setakat di dalam rekod, tetapi ahli-ahli di seluruh pelusuk Sabah ini perlu tampil untuk membantu gerakan dakwah USIA ini terutama bagi sasaran dakwah yang terdiri daripada golongan saudara baru.

Penulis juga berpandangan agar golongan ini diketengahkan menerusi penglibatan mereka dalam beberapa aktiviti yang besar dan berprestij USIA. Jika tidak keterlaluan, penulis mencadangkan agar di wujudkan Unit atau Bahagian Saudara Baru dalam pentadbiran USIA itu sendiri.

5.3 PENUTUP

Kajian yang dilakukan ini adalah untuk memberikan maklumat kepada masyarakat umum tentang gerakan dakwah USIA. Kehadiran USIA perlu dirasai oleh setiap individu di dalam masyarakat. Semangat juang pendakwah suatu ketika dulu akan menjadi sia-sia andai pertubuhan ini hanya pada nama semata-mata. Sudah tiba masanya, masyarakat perlu menghargai perjuangan dakwah USIA.

USIA juga perlu untuk menyedarkan kepada mungkin minoriti masyarakat di Sabah untuk menyedari kehadiran team USIA dalam berdakwah. USIA perlu memberikan nilai dan kredit kepada pejuang dakwah terdahulu kerana titik peluh dan semangat memperjuangkan Islam sehingga tertubuhnya pertubuhan ini.

Ungkapan ‘bukan lupa mungkin tak ingat’ perlu disemat dalam fikiran agar segala usaha dakwah ‘tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas’. Tanggungjawab individu muslim juga tidak lari daripada menyampaikan risalah Islam, tetapi tanggungjawab USIA untuk menyinari masyarakat Islam di Sabah lebih jelas dan kukuh kerana matlamat dakwah itu lebih tersasar ke bahu USIA.

Penulis mengharapkan agar USIA akan terus berkembang mekar, gah dipersada pentas arena dakwah dan berusaha untuk memaksimumkan sinar dakwah Islamiah dalam segenap hati masyarakat buat selama-lamanya.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran Al Karim

RUJUKAN BAHASA ARAB

Al-Ghazali, Muhammad (1981), *Mūtā' Āllāh*, Beirut: Dar Ihya al Turath al-Arabi.

Al-Ghayalin, Mustafa (1990), *Mūjāmāl -Arābī āl -Āṣāṣī*, Beirut:
Al-Arabiah Li al Tarbiyah.

Al-Qaradawi, Yusuf (1983), *Thāqāfāh āl -Dā'iyyāt*, Beirut:
Muassasah al-Risalah.

Ibn Manzur, Abu Fadl Jamal al-Din Muhammad Makran, *Lisān āl -Ā'rābī*, Beirut:
Dar al-Sa'ad.

Jamil Saliba (1982), *āl -Mūjāmāl -Fāl ṣāfi*, Beirut:
Dar al-Kitab al-Lubnan.

Syalabi, Ahmad (1976), *Ṣīkol oghīāh āl -Rā'iwa āl -Dā'wāh āl -Dū'āt*, Kaherah:
Maktabah Al Azhar.

Zaydan, Abd al-Karim, (1972), *Ūṣūl āl -Dā'wāh*, Baghdad:
Matba'ah Salman al Azmi.

RUJUKAN BUKU BAHASA MELAYU

Ab. Aziz Mohd Zin (1997), *Pengantar Dakwah*. Kuala Lumpur:
Universiti Malaya.

_____ (2005), *Dakwah di Malaysia*. Kuala Lumpur:
Universiti Malaya.

_____ (2005), *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur:
Universiti Malaya.

_____ (2005), *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*.
Kuala Lumpur: Universiti Malaya

- _____ (2006), *Dakwah Dalam Pembinaan Islam Hadhari di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar et.al (2001), *Dakwah dan Cabaran De-Islamisasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Abdullah Muhammad Zin (1985), *Prinsip dan Kaedah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Maududiy, Abul A'la (2001), *Petunjuk Juru Dakwah*, (terj.) HM Asywadie, Pustaka Nasional Singapura.
- Abd.Rahim Arsyad (2005), *Membangun Masyarakat Moden Yang Berlimu Dan Berakhlak*. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Abdul Manaf Hj Ahmad (1998), *Prinsip dan Kaedah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Awang (1998), *Prinsip dan Kaedah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Al-Bayanuny, Abul A'la (1992), *Penyatuan Kerja Gerakan Islam di Antara Harapan dan Kenyataan Dakwah*, (terj.) Mustaffa Daud, Kuala Lumpur: Percetakan Sumber Sdn Bhd
- Al-Faruqi, Ismail (2008), *Islam dan Kepercayaan lain*, terj. Zulkiple Abd Ghani, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Al-Rafie, Mustafa (2003), *Dakwah dan Keunggulan Para Daie*. (terj.) Abdul Wahab Latif, Badlihisham Mohd Nasir, Mashitah Ismail, Karisma Publications Sdn Bhd.
- Berhanuddin Abdullah et.al (1998), *Prinsip dan Kaedah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Danial Zainal Abidin (2003), *Bahan Berdakwah Untuk Ramaja Moden*, PTS Publications and Distributors.
- Fathi Yakan (1994), *Menuju kepada Islam*, Selangor: Thinkers Library Selangor.
- Ibrahim Hj Che Noh et.al (1998), *Prinsip dan Kaedah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Yusoff (2003), *Politik dan Agama di Sabah*, Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khalid Johari (2003), *Penyelidikan dalam Pendidikan:Konsep dan Prosedur Reka Bentuk Soal Selidik Pendidikan*, Selangor: Prentice Hall Selangor.

Mohd Najib Abdul Ghafar (2003), *Reka Bentuk Soal Selidik Pendidikan*,
Johor: Universiti
Teknologi Malaysia.

Mohd Nakhaie Hj Ahmad (2001), *Pendakwahan dan Pembentukan Masyarakat Bertamadun*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia.

Mok Song Sang (2008), *Literature dan Kaedah Penyelidikan*,
Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia.

Muhiddin Yusin (1990), *Islam di Sabah*,
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sahari Abdul Latif (2006), *Mana Bendera Saya*,
Institut Penyelidikan Sastera Sabah.

Wan Hussien Azmi (1984), *Ilmu Dakwah*,
Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yuseri Ahmad (2000), *Dakwah Masa Kini: Isu dan Cabaran*,
Kolej Ugama Islam Melaka.

Zaydan, Abdul Karim (1980), *Dasar-dasar Ilmu Dakwah 2*, (terj.) HM Asywadi,
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

RUJUKAN KAMUS

Longman (1991), *Dictionary of Contemporary English*,
United Kingdom.

Teuku Iskandar (2005), *Kamus Dewan*,
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

RUJUKAN LATIHAN ILMIAH

Analia Hasnah Yakob (1999), “Perkembangan Islam di Negeri Sabah: Satu Tinjauan di Daerah Tenom”, (Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya).

Maidis Pongot (2000), “Gerakan Dakwah Islamiah di Daerah Tambunan Sabah Selepas Merdeka sehingga 1989: Penumpuan kepada Zaman USNO-SCA, BERJAYA dan PBS”, (Latihan Ilmiah, Fakulti Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Muhammad Sidek Awang Adie (1990), “Gerakan Kristian di Sabah : Reaksi dan Tindakan-tindakan Institusi Islam terhadap Gerakan itu”, (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah, Universiti Malaya).

Rosnie Benedict (1998), “Masalah Perkembangan Islam di negeri Sabah: Satu Kajian di Daerah Tambunan”, (Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya).

Sazali Asri (1988), “Perkembangan Dakwah di Sabah: Satu Kajian di Pusat Latihan Dakwah Keningau”, (Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya).

Siti Kajar Mahmud (1999), “Institusi-institusi Islam di Sabah”, (Latihan Ilmiah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya)

RUJUKAN KERTAS KERJA PERSIDANGAN

Jamdin Buyong (2000) “Perjuangan Kemerdekaan di Sabah: Satu Kesinambungan Cetusan Kebangkitan Islam” (*Kertas Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia*).

Mat Zin Mat Kib (2005), “Kerja Sosial dalam Penyebaran Agama Kristian di Sabah : Satu Tinjauan Sejarah” (*Kertas Seminar Sejarah Sosial Malaysia Peringkat Kebangsaan dan Serantau*”, 22-23 Julai 2005).

Mohamed Asin Dollah (2003) “Ke Arah Memantapkan Gerakan Dakwah di Malaysia: Cabaran dan Penyelesaian” (*Kertas Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan*’, 11 januari 2003).

Shaharuddin Badaruddin (2005), “*Gerakan Dakwah dan Perubahan Sosial di Malaysia*”. (*Kertas Seminar Sejarah Sosial Malaysia Peringkat Kebangsaan dan Serantau*”, 22-23 Julai 2005).

Zulkiple Ab Ghani (2003), “*Gerakan Dakwah :Satu Takrifan Semula untuk Melahirkan Islam Yang Progresif*”. (*Kertas Seminar Persidangan “Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam”*, 29-31 Januari 2002).

JURNAL USULUDDIN

Ab Mumin Ab Ghani (1996), “Institusi Dakwah dan Persekutuarannya dalam Membentuk Strategi Dakwah yang Berkesan”, *Jurnal Usuluddin*, Jil. 1 Bil. 4.

Suraya Sintang (2003), “Penganutan Agama Islam dan Kristian di kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah”, *Jurnal Usuluddin*, Jil.1 Bil. 18.

Osman Bakar (1991), “Implikasi Gerakan Dakwah ke atas Sistem Pendidikan Negara Kini”, *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 4, Bil 1-2.

TEMUBUAL

Abuhuraira Abdurrahman, Pegawai Dakwah USIA, USIA Kota Kinabalu, pada 10 Disember 2009, jam 2.30-3.45 petang.

Hajjah Rangraini Hj Abdul Ghani, Setiausaha Ketua Wanita USIA Bahagian, USIA Kota Kinabalu, pada 10 Disember 2009, jam 9.00-10.30 pagi.

Tuan Hj Sahari Abdul Latif, Pegawai Dakwah, USIA Bahagian Kota Kinabalu, pada 19 Jun 2007, jam 9.30-11.00 pagi.

Zulkeflee Hj Abu Bakar, Setiausaha Kerja, USIA Kota Kinabalu pada Temubual pada 20 Januari 2011 jam 8.30 -11.00 pagi, pada 23 Mei 2011 jam 8.00-10.00 pagi, pada 24 Mei 2011, jam 8.00 – 11.00 pagi.

LAPORAN JABATAN

Blue Print Memperkasa Gerakan Dakwah USIA, (2006), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat).

Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat).

Haji Johari Haji Alias (1977), “Perkembangan Ugama Islam di Sabah” (Buku Cenderamata Perasmian Masjid Negeri Sabah.

Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan USIA ke-22, (2007), (Laporan Jawatankuasa Dakwah USIA Pusat).

Ag Sahari Abd Latif (2006), “Peranan USIA dalam Membina Kepentingan Agama Islam di Sabah”, (Risalah USIA Siri 8).

Perlembagaan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah

AKHBAR

Kinabalu Sabah Times, Ogos 14, 1969 “TYT Rasmi Kongress USIA”.

Kinabalu Sabah Times, Ogos 6, 1969 “Persatuan Islam Sabah Di Bubar: Penubohan ‘USIA’ Di-Ranchang”.

ENSIKLOPEDIA

Levis B. Ch. Pellot and J.Schacht e.d.s (1965), The Encyclopedia of Islam.
E.J. Brill.

RUJUKAN INTERNET

Sabah Electronic Community, <http://www.sabah.org.my/>

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, <http://www.jheains.sabah.gov.my>

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/cawsabah/index.html>

Pertubuhan Islam Seluruh Sabah, <http://www.myusia.gov.my>